



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2715]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia
[Ruangan 2761]

Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) [Ruangan 2778]

USUL-USUL:

Ucapan-ucapan Penangguhan—

Latihan Perguruan Guru-guru Sementara Sekolah-sekolah Cina [Ruangan 2818]

Polis Menyalahgunakan Kuasa [Ruangan 2821]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGKAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 18hb Ogos, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K.
(Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.
(Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P.
(Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S.
(Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berhormat TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

Yang Berhormat DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

„ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

„ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

„ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungai Siput).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KERAKYATAN C. C. YOONG DITARIK BALIK—SEBAB-SEBAB

1. **Tuan Loh Jee Mee** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sebab-sebab mengapa ditarik balik kerakyatan C. C. Yoong, yang pada masa ini sedang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di pusat tahanan Muar;
- (ii) sama ada benar bahawa tindakan undang-undang untuk dibuang negeri sedang diambil terhadap beliau; dan
- (iii) sama ada Kerajaan akan mengadakan perbicaraan terbuka kepada orang ramai supaya beliau membela tuduhan-tuduhan yang didatangkan terhadap beliau.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Taraf kewarganegaraan Encik C. C. Yoong telah ditucutkan di bawah Perkara 25 (1) (a) Perlembagaan Malaysia oleh kerana ia telah membuktikan dengan perbuatan atau percakapan sebagai seorang yang tidak setia atau tidak suka kepada Persekutuan.
- (ii) Tindakan membuang negeri telah di ambil selepas itu dan Perintah Buang Negeri telah dikenakan kepadanya pada 26hb Mei, 1972.
- (iii) Kerajaan tidak bercadang membuat demikian oleh kerana ia telah pun diberi peluang membela dirinya di hadapan sebuah Jawatankuasa Penyiasat (Committee of Inquiry) yang ditubuhkan mengikut Perkara 27 Perlembagaan Malaysia, sebelum Perintah melucutkan taraf kewarganegaraan dikeluarkan terhadapnya.

TAHANAN-TAHANAN DI PULAU JEREJAK

2. **Dr S. Seeveratnam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah orang-orang tahanan di Pulau Jerejak seperti yang terdapat pada 1hb Julai, 1972;
- (ii) samada terdapat mereka-mereka yang ditahan di Pulau Jerejak itu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, jika ya, berapa bilangannya; dan
- (iii) bilakah Kerajaan bercadang menghapuskan kegunaan Pulau Jerejak sebagai pulau tahanan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, jawapan kepada:

- (i) 217 orang;
- (ii) Tiada; dan
- (iii) Buat sementara waktu, tiada lagi cadangan untuk menutup Pusat Pemulihan Akhlak.

Tuan Mustapha bin Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Daripada orang-orang yang ditahan di Pulau Jerejak banyak yang ada beristeri, bolehkah Kerajaan secara satu reform memberi peluang kepada mereka bersemalam dengan isterinya supaya masalah homoseks tidak timbul.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Bagaimana saya kata kita ini bukannya mengalami free society. Jadi soal Ahli Yang Berhormat itu, kalau dia Ahli Parlimen di Denmark, bolehlah dibuat soalan yang macam itu tak usahlah dibuat disini.

RAWATAN PERUBATAN DI NEGERI CINA—KEBENARAN IMIGERESEN

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan perubatan di Negeri Cina mengalami kesulitan untuk mendapatkan kebenaran dari Jabatan Imigresen, jika ya, sama ada beliau akan melonggarkan sekatan-sekatan kepada perkara-perkara seperti ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Jawapannya, Tuan Yang di Pertua, tidak. Saya tidak sedar perkara yang dinyatakan oleh Ahli Yang

Berhormat itu berlaku. Dengan hal yang demikian saya tiada berniat hendak buat apa-apa kepada peraturan yang berjalan sekarang.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya terdapat ketika mana seorang pemohon yang memerlukan rawatan segera telah meninggal dunia semasa menanti kelulusan melawat negeri Cina, memandangkan kebenaran yang diperlukan untuk mendapatkan rawatan di negeri Cina, dapatkah Kementerian memberi perhatian segera kepada pemohon-pemohon kerana banyaknya masa adalah menjadi faktor yang penting.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya dengan Ahli Yang Berhormat itu, berapa lamakah orang yang disebutkan itu membuat permohonan sebelum dia mati?

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, dalam sebulan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kalau dalam sebulan, Tuan Yang di Pertua, mithalnya dia pergi ke negeri Cina pun, kalau dia mati dalam sebulan itu, pada fikiran saya, kalau dia pergi sana pun terpaksa juga dia mati.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, tetapi yang kes ini adalah mendapat sokongan daripada seorang Menteri Kabinet.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Menteri Kabinet ini bukan semuanya ada mendapat kelulusan doktor. Jadi recommendation daripada ahli Kabinet itu kalau dia bukan seorang doktor—berkenaan dengan seseorang pesakit hendak mendapat ubat di negeri Cina, saya fikir recommendation itu pun saya tidak terima.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dan Menteri yang berkenaan itu ialah seorang doktor juga, nama dia ialah Dr Lim Keng Yaik.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kalau begitu baiklah kita bertiga berunding, sebab dia mati dalam masa sebulan. Kalau mithalnya Dr Lim Keng Yaik tahu yang dia hendak mati dalam masa sebulan itu, tentu dia cakap terus dengan saya. Saya dengan belas ihsan tentulah kita tidak hendak mempertahankan.

Bagaimana saya katakan iaitu jikalau hendak pergi ke negeri Cina bukanlah kita menahan, tetapi oleh sebab kita tidak ada diplomatic relation dan ini mestilah memakan masa sedikit, kalau mereka itu sakit kuat pun. Kalau mithalnya memakan masa yang lampau, itu bolehlah menjadi satu rungutan, tetapi kalau kita mengambil masa sedikit ialah kerana hendak memberi keselamatan orang itu juga, mestilah memakan masa, tetapi kalau mithal orang itu sakit hendak pergi ke negeri Cina, dia mati dalam seminggu, atau pun sebulan apabila dia membuat permintaan itu, saya fikir, kalau dia pergi ke negeri Cina pun, saya tidak sangka orang itu boleh panjangkan umur dia.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sungguh pun saya ada rekomenkan beberapa orang pesakit untuk mereka pergi ke Negeri Cina atau ke lain-lain tempat, oleh sebab penyakit mereka itu tidak dapat diubati di dalam negeri ini, tetapi Pejabat Immigreshen mengadakan pertanyaan-pertanyaan yang memakan masa dan ini menyusahkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil satu langkah untuk menyenangkan pesakit-pesakit mendapatkan passport bagi mendapatkan rawatan di Negeri Cina?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Pada pengetahuan saya cara-cara yang kita gunakan serta penyata-penyata ini tidaklah susah diberikan dan bagi Kementerian saya dan saya percaya bagi pejabat yang berkenaan, mereka tentu ada timbang rasa bagi orang yang sakit dan tidak dengan sengaja melengah-lengahkan, tetapi saya hendak ketahui daripada Ahli Yang Berhormat itu, manakah syarat-syarat yang menyusahkan itu, yang mengambil masa dan jikalau saya dapat tahu cerita Ahli Yang Berhormat, orang yang diberi certificate itu tidak dapat pergi ke mana-mana, bolehlah saya siasat dengan sehalus-halusnya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, sungguh pun daripada laporan saya ada dinyatakan penyakit ini, sudah dipereksa di Hospital Universiti, Petaling Jaya atau lain-lain hospital dan lagi pesakit ini tidak dapat diubati di hospital di negara kita, ini tetapi malangnya Pejabat Immigreshen ada menghantar sekeping surat meminta kenyataan-kenyataan yang lebih tentang penyakit,

tempat yang telah dilawati? Kalau bagini, tidak-lah elok kerana saya telah pun memberikan lapuran dan banyak lagi soalan-soalan yang dikemukakan dan ini memakan masa. Bolehkah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyasat di atas perkara ini dan menyelesaikannya?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Sebagaimana yang saya katakan tadi, bagi pengetahuan saya, saya tidak nampak adanya kesusahan. Doktor-doktor lain pun nampaknya tidak ada merungut seperti Ahli Yang Berhormat. Boleh jadi, barangkali perkara-perkara itu memandangkan oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu sungguh pun doktor, tetapi seorang ahli politik juga, barangkali hendak disiasat sama ada recommendation yang diberikan itu ada kena-mengena dengan ahli politik atau bagi sifat beliau sebagai seorang doktor. Jadi, doktor yang lain nampaknya tidak ada membuat sungutan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dalam pada itu juga jikalau beliau boleh memberi kepada saya specific case, saya boleh siasat dengan sehalus-nya, tetapi inilah satu penalti, bila kita menjadi doktor, menjadi ahli siasah, tentu ada orang menaruh shak juga.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, tetapi untuk penerangan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada seorang ahli dalam sebuah chawangan M.C.A. pun ada membangkitkan hal ini dalam surat-surat khabar. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyasat hal ini?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya katakan boleh, saya pun seperti ahli politik, kalau dia membuat chabar dengan umum dalam surat khabar, macam mana saya hendak buat apa-apa. Perkara yang dibuat tadi ialah perkara yang specific. Ada orang yang diberinya certificate tidak diterima oleh Pejabat Immigreshen. Tentulah diketahui namanya, bila masanya dia memohon dan diberitahu kepada saya, tidaklah saya menjawab di dalam Parlimen ini mengatakan tidak. Tentulah saya mengatakan ya, tetapi ini kali yang pertama daripada Ahli Yang Berhormat itu. Jadi, buatlah rayuan kepada saya dengan sepecific-nya dan boleh saya jawab.

KEUNTONGAN PELABUR-PELABUR LUAR NEGERI

4. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah keuntungan yang telah dibawa keluar negeri oleh pelabur-pelabur luar negeri di Malaysia untuk setiap tahun sejak Merdeka.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di Pertua, mengikut anggaran yang di-buat bagi tahun-tahun 1964 hingga 1971, jumlah keuntungan, dividends dan faedah yang didapati oleh pelaburan asing pada pukul rata ialah \$340 juta tiap-tiap tahun pada waktu lapan tahun yang tersebut. Jumlah sebenarnya yang dibayar keluar negeri adalah lebih rendah daripada ini oleh kerana sebahagian besar dari keuntungan pelaburan ini disimpan dan dilabur semula di Malaysia. Angka-angka yang tepat tidak ada, oleh kerana terdapat kebebasan pengaliran wang antara Malaysia dengan negeri-negeri dalam Kawasan Sterling, dan hanya kawalan yang sedikit sahaja dikenakan untuk pengaliran wang ke-negeri-negeri di luar Kawasan Sterling.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab keuntungan yang dihantarkan keluar dari negeri kita adalah sangat tinggi, adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan menimbangakan dengan telitinya untuk menggubal undang-undang cukai atau mengadakan undang-undang cukai yang baharu untuk melindungi keuntungan-keuntungan yang boleh dihantarkan keluar negeri kita?

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Tuan Fan Yew Teng: Saya minta Menteri Kewangan meminda Undang-Undang Cukai yang ada sekarang atau membuat Undang-Undang Cukai yang baharu untuk melindungi keuntungan yang dihantar keluar negeri kita tiap-tiap tahun?

Tuan Yang di Pertua: Jadi, soalnya bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat seperti itu?

Tuan Fan Yew Teng: Untuk di timbangkan.

Tun Tan Siew Sin: (Dengan izin) Tuan Yang di Pertua, I do not think the question of taxation is relevant to this matter. The

proof of the pudding is in the eating, as they say, and the very fact that inflows are greater than outflows, I think, is the best proof that our policies are right.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kalau perkara ini ada kaitannya dengan Undang-undang cukai, bolehkah Kerajaan menimbangkan dengan telitinya untuk meMalaysianisekan share-share yang ada ditangan orang asing?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

PENCHEN BALU DAN ANAK YATIM—SEKIM

5. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada bekas-bekas kakitangan Kerajaan yang telah meletakkan jawatan setelah sembilan tahun berkhidmat dengan Council Negeri diantara tahun-tahun 1962 hingga 1970 boleh mengeluarkan wang pencaruman mereka daripada Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, Ahli-ahli Majlis Negeri, Sarawak tidaklah dikehendaki di bawah Ordinan Penchen Balu dan Anak Yatim (Bab 90) mencharumkan kepada Kumpulan Wang Penchen Balu dan Anak Yatim Negeri, Sarawak. Hanya pegawai yang boleh dipersarakan dikehendaki mencarum. Soalan yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat nampaknya boleh dipakai kepada pegawai-pegawai yang boleh di sarakan, yang berkhidmat di Majlis Negeri, Sarawak diantara 1962 hingga 1970 dan kepada sesiapa yang kemudiannya meletakkan jawatan.

Surohanjaya Suffian telah mengesyorkan bahawa Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim yang terpakai di Malaysia hendaklah digolongkan dan digantikan dengan suatu Sekim Penchen Bantuan Keluarga. Sebagai langkah sementara, Kerajaan telah membuat suatu Sekim Penchen Keluarga yang boleh dipakai oleh semua pegawai-pegawai yang menikmati tangga gaji berseh sebagai mana yang disyorkan oleh Surohanjaya Suffian.

Tindakan telah diambil untuk menggolongkan Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim di Malaysia Barat dan pulangwang sedang dibuat kepada pencarum-pencarum yang

telah memilih keluar dari sekim itu. Perbincangan telah diadakan dengan pihak berkuasa berkenaan di Sabah dan Sarawak untuk menggolongkan Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim yang terpakai di Malaysia Timor. Sama ada pegawai Kerajaan di Sarawak yang meletakkan jawatan selepas sembilan tahun berkhidmat sebagai pegawai Kerajaan dalam Majlis Negeri berhak mengeluarkan carum dari Kumpulan Wang Penchen Balu dan Anak Yatim Sarawak hanya boleh ditentukan selepas penggolongan asas Kumpulan Wang Penchen Balu dan Anak Yatim Sarawak telah dilakukan dan keputusan telah dibuat oleh Kerajaan.

LESEN-LESEN TEKSI KEPADA PASOKAN KESELAMATAN

6. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan lesen-lesen taksi yang telah dikeluarkan dari 1hb Jun, 1971 hingga 30hb Jun, 1972; dan
- (b) daripada lesen-lesen yang dikeluarkan itu berapakah yang diberikan kepada bekas Pasukan Keselamatan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Jumlah bilangan lesen-lesen taksi yang telah dikeluarkan dari 1hb Jun, 1971 hingga 30hb Jun, 1972 ialah 384.
- (b) Sebanyak 265 lesen-lesen tersebut telah diberikan kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan.

Tuan Loh Jee Mee: Bukankah ini satu kenyataan membentangkan peratus pengeluaran lesen-lesen yang kecil kepada bekas-bekas perajurit menentukan yang Kerajaan tidak memprektikkan apa yang mereka katakan mengenai membantu bekas-bekas perajurit yang telah memberi sebahagian besar jasa-jasa mereka di dalam mempertahankan negara kita.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tentulah faham tiap-tiap pemohon daripada bekas Pasukan Keselamatan akan ditimbang dan diberi keutamaan, tetapi kalau yang memohon itu cuma sedikit tentulah yang diberi itu juga sedikit. Ada yang memohon tidak tinggal

ditempat teksi yang diminta jadi tidak boleh ditimbangkan. Kalau ditimbangkan bila teksi di bawa ke timor bukan tempatnya di barat. Jadi, kalau faham, tahulah sebab apa bilangan itu tidak begitu besar, kalau dibandingkan dengan kita keluarkan itu, tetapi kita bersedia membagi pertimbangan yang saksama dan istimewa bahkan apabila telah ditubuhkan Persatuan Bekas Perajurit-perajurit ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Tadi kita sudah dengar Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada berkata setahun dahulu ada diberi 384 lesen sahaja, dan disini saya suka memberitahu pada satu tahun ada sekurang-kurangnya ada 150,000 murid-murid yang berhenti daripada sekolah, kalau penganggoran ini sangat besar, bolehkah Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya melebihi sedikit lesen taksi untuk orang-orang yang tidak bekerja?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, itu boleh ditimbangkan, lebih banyak lagi boleh, tetapi dalam hal ini mestilah dirundingkan dahulu kalau hendak diperuntukkan, kerana dasar Kerajaan Perikatan tiap-tiap seorang pemandu sekarang kalau dia dapat \$20 kita mahu dia naik \$25 atau \$30 tetapi kalau diberi terlalu banyak teksi, pendapatannya bukan \$20 dia akan turun \$15, \$10 barangkali \$5 satu hari.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Saya menguchapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang begitu menjaga kehidupan pemandu-pemandu teksi. Dan saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar di kawasan saya ada sebuah tempat bernama Tempatan Baru iaitu di Jinjang dan di sana tidak mencukupi pemandu-pemandu teksi. Jika beliau tidak sedar, bolehkah beliau siasat atas perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan saya, kita akan timbangkan, kita akan berhubung dengan Kerajaan Negeri, kalau cakap disini tidak guna.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri berkata, beliau mahu mengambil tindakan

bagi sesiapa yang dapat lesen teksi dan dipajakkan, kami hendak tahu adakah Kerajaan mengambil tindakan sesiapa yang memegang lesen teksi, dia tidak membawa teksi sendiri tetapi dipajakkan kepada orang lain.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soal lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Daripada yang diluluskan kepada Pasokan Keselamatan sebanyak 265 itu adakah permohonan-permohonan mereka sebanyak itu, atau lebih daripada itu? Jika lebih, sila Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soal lain. Ini soal berapa, umumnya telah diberi.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, soal tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Perhubungan ada berkata, kalau boleh dia akan memberi lebih banyak lagi lesen teksi, adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar di Subang ada banyak pengaduan dibuat iaitu apabila tourist sampai di Subang mereka telah menunggu teksi, tetapi tidak ada teksi. Dan apabila naik teksi, dia akan minta sekurang-kurangnya \$6 kalau pergi ke Petaling Jaya pun dikenakan \$6. Saya fikir perkara ini sangat mustahak. Dan di sini saya minta Menteri yang berkenaan, bolehkah disiasat dan jika perlu diberi lebih banyak lesen teksi di Subang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, kalau Yang Berhormat itu ada tolonglah beritahu komplek kepada pegawai, kita boleh siasat.

Yang kedua-nya, siapa pun dibagi teksi, umpamanya di Seremban dia tidak ada di Seremban, sebab dia lari ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru saya tahu. Dengan sebab itu, sebelum kita hendak timbang dan tambah, kita siasat betul-betul.

Tuan Fan Yew Teng: Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bukankah perlu kita mesti ada satu jenis teksi sahaja diseluruh negeri, tetapi dua atau tiga jenis teksi. Sebuah teksi yang boleh pergi kemana-mana diseluruh negeri dan satu untuk kawasan sahaja.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Semua teksi hari ini, Tuan Yang di Pertua, diperuntukkan di tempat-tempat itu, kerana kenderaan bas ada, keretapi ada, kalau diberi teksi sebagai express—bas akan ditutup, keretapi tutup, tetapi kita pakai limousine kerana membawa tourist, itu istimewa—air-conditioned.

Dr Tan Chee Khoo: Tadi Menteri Perhubungan menyatakan 1hb Jun, 1971 sehingga 30hb Jun, 1972 Kerajaan telah mengeluarkan 384 lesen teksi, bolehkah beliau menerangkan kalau sekiranya di antara 384 lesen teksi itu dikeluarkan, adakah tuan punya lesen teksi itu di paksa memandu teksinya sendiri? Kalau tidak, mengapa?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soal lain. Syarat-syaratnya siapa yang hendak memohon seberapa daya dia tahu membawa teksi dan dia memandu sendiri. Tetapi kadang-kadang dia sakit dia pergi berjumpa dengan doktor Yang Berhormat ini, bagaimana?

Dr Tan Chee Khoo: Maksud saya, Tuan Yang di Pertua, bukan pemandu teksi itu sakit, memanglah kita sedar beliau tidak boleh memandu teksi, tetapi maksud saya kalau seseorang dapat teksi senang, tetapi tidak memandu teksi dan dipajakkan kepada orang lain, itu yang saya hendak Menteri yang berkenaan menjaganya.

Tuan Yang di Pertua: Itu yang dikatakan soalan lain tadi!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi menunjukkan bahawa lebih daripada 100 atau pun 119 diberi kepada bukan daripada bekas Pasukan Keselamatan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berapa orang pemohon daripada bukan bekas pasukan keselamatan dan demikian juga dari bab (b) berapa daripada bekas keselamatan yang memohon?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini soalan yang lain. Kalau tolak daripada yang banyak, yang sedikit itulah bakinya bagi orang awam. Itu umum sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya sayang ini, dia telah mengatakan

bahawa Kementerian ini akan banyak lagi mengeluarkan lesen-lesen teksi. Dapatkah Yang Berhormat Menteri ini menganggarkan berapa banyak lesen teksi kita keluarkan, adakah sampai setakat ini pihak negeri telah menyampaikan laporan berkenaan dengan anggaran banyak negeri-negeri itu berkehendakkan lesen teksi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seluruhnya, tiap-tiap tahun daripada pihak negeri mencadangkan beberapa banyak. Kita tidak bakhil. Kita akan terima. Sudah tengok, kepada keadaan negeri-negeri itu. Kita bukan minta, tetapi negeri-negeri yang memintanya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya hendak tahu daripada Kementerian ini, adakah pemohon yang telah dikemukakan oleh tiap-tiap negeri itu telah diberi persetujuan oleh Kementerian ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu sudah sampai dan saya sudah tengok, saya beri persetujuan. Yang belum itu saya tidak boleh jawab.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah benar bahawa selain daripada 295 orang ini yang termasuk 250 orang ahli bekas Pasukan Keselamatan ini adalah terdiri daripada orang-orang kuat UMNO, MCA atau pun MIC?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya hendak beritahu balek. Soal politik itu tidak timbul, kerana Majlis Pelesen adalah bebas, dia tidak nampak cap UMNOkah atau PASKah.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, ini bukan berkait soal politik. Kita hendak tahu dalam soalan ini berapa orang ahli MCA, berapa orang ahli UMNO, dan berapa orang ahli MIC yang ada dapat lesen. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak tahu, saya boleh beri nama.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, wakil dari Dato Kramat ini memanglah membangkit-bangkitkan soal perkauman. Majlis Pelesen yang menimbangkan itu. Siapa pun boleh memohon termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat. Bukan perkauman, bukan parti

siasah. Sekarang beliau menimbulkan perkauman. Saya harap benda yang semacam ini tidak boleh dibawa dalam rumah yang mulia ini. Saya pun maseh sabar lagi.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa lebih daripada 20 lesen teksi yang didapati oleh penduduk-penduduk di kawasan Jerai di Kedah pada keseluruhannya adalah ahli-ahli dan orang-orang kuat UMNO yang telah diberikan dari tahun 1971 dengan tahun 1972?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan yang lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan ini kepada Dewan yang mulia ini tentang Majlis Pelesen ini benar-benar tidak memilih parti dalam memberikan permit-permit teksi itu?

Tuan Yang di Pertua: Itu minta jaminan, atau minta jawapan?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jawapan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, dia kalau tidak puas hati, boleh appeal kepada Menteri. Soal appeal itu boleh kemudian menyiasat perkara itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan orang-orang yang mendapat lesen teksi di Trengganu adalah bukan daripada ahli-ahli ataupun penyokong-penyokong parti Pembangkang.

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain sama sekali.

Tuan Othman bin Abdullah: Adakah Kementerian ini sedar bahawa ada beberapa buah teksi yang dibenarkan itu menggunakan Kesatuan Bekas-bekas Pasukan Keselamatan yang pada hakikatnya dimiliki oleh beberapa orang ahli itu sahaja untuk faedah orang-orang itu sahaja?

Yang kedua, adakah Kementerian

Tuan Yang di Pertua: Bertanya satu-satu dahulu. Kalau dua, nanti tidak ingat!

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di Pertua: Yang satu itu pun sudah dikatakan soalan lain!

Tuan Othman bin Abdullah: Ini adalah dalam jumlah, dalam pertanyaan yang keenam ini, 1hb Januari, 1972 hingga Jun 1972. Dari itu ada teksi-teksi yang telah dibenarkan, saya hendak tahu adakah Kementerian ini sedar bahawa ada beberapa buah teksi yang telah dibenarkan dengan secara lengkungan tarik itu menggunakan nama Persatuan Bekas Pasukan Keselamatan yang pada hakikatnya dimiliki oleh beberapa orang ahli-ahli itu sahaja untuk faedah mereka.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat itu mesti faham Pasukan Bekas Perajurit ini baharu hendak ditubuhkan. Selama ini dia sebagai diri dia tetapi kita tahu dia bekas S.C. Kalau kita tanya ada pekerjaan dahulu, jawabnya bekas S.C.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana bekas-bekas Pasukan Keselamatan banyak yang akan datang dan sekarang banyak yang keluar tak diberi pekerjaan, maka saya harap bolehkah atau tidak untuk mengelakkan segala-galanya, segala teksi pada hari akan datang diberi kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan sahaja?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Soalan itu, saya akan timbangkan, kerana itu polisi baharu.

LORI-LORI MELEBIHI HAD LAJU— PERONDA JALAN RAYA

7. **Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Perhubungan menyatakan kesan dari adanya Peronda Jalanraya kita untuk menahan pelari-pelari deras terutama lori-lori yang berjalan melebihi had lajunya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Kereta Peronda Jalanraya adalah ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja Kuat Kuasa Undang-undang Lalu Lintas Jalan dan jenayah yang berlaku di atas jalanraya. Untuk memperhebatkan lagi tindakan kuat kuasa undang-undang itu maka semenjak 1hb Mei, 1972, satu pasukan Gerak

Cepat (Flying Squad) yang dianggotai oleh Polis dan Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan telah ditubuhkan di semua negeri dalam Malaysia Barat dan pasukan ini dapat menjaikan kerja-kerja tindakan kuat kuasa undang-undang dengan memuaskan dan berkesan termasuk tindakan terhadap pelari-pelari deras. Bilangan kenderaan-kenderaan perdagangan termasuk lori yang telah diambil tindakan oleh Pasukan Gerak Cepat dan disaman oleh Mahkamah kerana melakukan berbagai kesalahan-kesalahan termasuk lori deras di sepanjang bulan Mei 1972 adalah seperti berikut:

<i>Jenis</i>	<i>Bilangan tindakan</i>
Lori	433
Bas	47
Teksi	103
Van	44

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri beritahu jumlah kemalangan dan kematian yang berlaku semasa Minggu Keselamatan Jalanraya baharu-baharu ini. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menyatakan samada ini benar atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Soal benar atau tidak, saya tidak boleh hendak jawab. Soal kemalangan tidak berbau. Sedangkan dalam masa kempenpun begitu juga, banyak kemalangan telah berlaku. Boleh jadi dengan sebab macam-macam sebabnya. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat semua sekali di kawasan masing-masing samalah beri kerjasama kepada Jawatankuasa yang hendak mengeiakkan kemalangan ini dan juga pihak Polis, pihak Pegawai Enforcement kita telah menjalankan kewajipan dengan seberapa daya upaya dan juga di tempat kereta-kereta yang telah tersok diletak di selekoh-selekoh, Ahli Yang Berhormat patut nampak kalau lalu dalam Kuala Lumpur ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang walaupun Kementerian Perhubungan ada kereta peronda dan flying squad tetapi kematian dan kemalangan di jalanraya makin lama makin bertambah dan jika sedar bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan

memperluaskan flying squad dan juga Kereta Peronda di Raja supaya kami boleh berhenti-kemalangan dan kematian di jalanraya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, cadangan daripada Kementerian untuk hendak mengetatkan undang-undang saya harap Ahli Yang Berhormat di Rumah yang berbahagia ini akan menyokong. Kalau lori yang lari laju itu siapa yang tuan punyanya apabila dia kena hukum di mahkamah, ada kematian, patut lesen lori pun kena dibatalkan. Lesen drebar itu samada dibatalkan atau akan ditahan 3 tahun kita sedang menyelidiki perkara ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Batu dan siapa-siapa yang bercakap tadi sokong nanti apabila ada pindaan itu dikemukakan di Dewan ini.

Yang keduanya berkenaan dengan yang dicadangkan ini pun saya cuba berkenaan dengan flying squad kita akan timbang dan fikirkan, kerana ini juga soal kewangan dan kakitangan, kita akan timbangkan.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tiap-tiap hari atau pun di seluruh negeri kita ada grandprix lori umpamanya kerana Highway Petrol tidak cukup sebab itu dia tak cukup, Highway Petrol pun tak efektif, tak ada berguna. Bolehkah Yang Berhormat Menteri kalau sedar keadaan itu timbang dengan telitinya satu cara yang baharu selain daripada cara-cara yang ada sekarang untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan di jalanraya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah arahkan pegawai-pegawai saya telah menyiasat teksi-teksi yang berjalan 50 batu sejam itu kita hendak seal kubareta-nya sampai 50 b.s.j. naik gunung pun dia turun 40, 30, b.s.j. tak melorot, tetapi tentang lori berat, ini kalau kita hendak seal, dia melorot, nanti Ahli Yang Berhormat itu bawa kereta di belakang, dia dilanggar oleh lori itu susah kita kena dakwa. Jadi kita akan siasat lagi perkara ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya hendak tahu dalam kawasan Kuala Lumpur, jalan daripada Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang tiap-tiap pagi kita nampak lori-lori yang berat berjalan bukan 30 atau 40 b.s.j. tetapi barangkali boleh

dikatakan 60 b.s.j. dan kita tidak nampak pasukan-pasukan polis bahagian peronda jalan raya di sana. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong tengok ada orang yang lebih boleh pakai tiap-tiap jalan mana yang lori-lori yang ada lari laju.

Tuan Yang di Pertua: Ini minta tolong tengokkan atau minta soal jawab?

Tuan V. David: Soal yang semacam ini bagaimana Kerajaan mahu menyelesaikan perkara ini selalu. Saya minta soal ini dijawab.

Tuan Yang di Pertua: Itu sudah dijawab tadi.

Tuan V. David: Tetapi Kerajaan tidak ada beritahu satu contoh yang mereka telah mengambil tindakan yang ketat atas perkara ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, jika Ahli Yang Berhormat itu nampak lori terlampau laju, beri nombor lori itu, pukul berapa, berapa had lajunya dan beritahu kepada Pejabat Pendaftar atau saya sendiri kita akan jalankan siasatan kita boleh gantungkan lesen drebarnya, kalau betul. Kalau tak betul, itu lain kesah.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri Perhubungan mengetahui kemalangan yang berlaku selalunya adalah disebabkan oleh lori kerana dia membawa muatan yang lebih. Misalnya lori itu berat 10 tan diisinya barang 12 tan. Apakah tindakan akan dibuat oleh Menteri Perhubungan kepada lori yang demikian itu. Biasanya peronda jalanraya ini ada bercerita dengan saya lori yang lebih berat itu bila ditahan dibawa ke mahkamah, dibuang bicara, kerana bila hendak ditimbang, penimbang mereka itu setakat 30 sahaja, lori itu 10 roda dia tak boieh masuk. Kalau ditimbang dua kali bawa kemahkamah, dia pakai loyar, buang bicara. Adakah Kementerian Perhubungan hendak mengadakan penimbang yang lebih besar lagi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, ini soal cerita-cerita ini saya tak boleh pakai, tetapi ada aduan apabila bawa mahkamah kalaulah timbang dia itu, weight machine tak cukup besar, jadi lori yang besar ini tak dapat keputusan yang

muktamad. Sebab itu mahkamah tidak dapat hendak menghukum, tetapi Kementerian saya, Pejabat Kenderaan Jalanraya (Transport) telah memberi peruntukan tiap-tiap Pejabat Pendaftar Kereta-Kereta Motor kita hendak mengadakan weighing machine 250,000 berharga bukannya sebuah, itu timbangan yang besar dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu cubalah tengok boleh berhubung dengan pendaftar Ipoh barangkali ada yang besar. Kita harap nanti apabila pejabat baharu akan dibena di sana dilengkapi dengan weighing machine besar itu.

TEKSI HARAM (PIRATE TAXI)— PENDAKWAAN DI MAHKAMAH

8. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan memberikan perangkaan tentang bilangan teksi haram atau "Pirate Taxi" yang telah ditangkap dan telah berjaya didakwa di antara tarikh 1hb Julai, 1971 dan 31hb Disember, 1971.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, bilangan teksi haram yang didakwa di mahkamah di antara 1hb Januari, 1971 dan 31hb Disember, 1971 adalah sebanyak 96 buah.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bukankah menjadi satu kenyataan yang dengan terdapatnya banyak teksi-teksi yang tidak berlesen iaitu pirate taxi menjadi bukti yang jelas akan perlunya diadakan lebih banyak lesen-lesen untuk teksi.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dia hendak minta teksi lebih sebab ada banyak teksi sapu, Tuan Yang di Pertua. Pada menjawabnya itu pada pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Kalau ada 1,000 pun teksi dikeluarkan ada 2,000 juga teksi sapu, sebab teksi sapu ada kerana teksi-teksi di kampung-kampung dia lari ke bandar. Keduanya teksi sapu tak bayar insuran nyawa. Yang ketiganya teksi sapu tiap-tiap 6 bulan teksi kena periksa. Jadi dia tak betulkan, kadang-kadang rodanya sudah bergoyang, ini pun bawa maut sahaja. Silap-silap teksi sapu itu yang membawa maut. Jadi di mana dunia pun memang ada teksi haram, cuma berapa buah ada nya atau tidak bukan sahaja kawasan teksi itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah cara penangkapan terhadap teksi haram ini dilakukan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tentulah ada keterangan orang yang naik teksi haram itu bayar duit, kadang-kadang dia pecah lobang juga. Jadi bagitulah pehak yang menyiasat ada.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan sedar bahawa terdapat tangkapan-tangkapan dilakukan terhadap motokar-motokar pakai yang kadang-kadang mengambil penumpang bukan di atas asas kerana hendak menjadi teksi bahkan sebagai tolong-menolong di kampung-kampung untuk jajan-jalan kecil yang tidak dilalui oleh teksi-teksi yang berlesen. Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar dan menimbangkan supaya motokar-motokar seperti itu tidak ditangkap dan diharamkan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya tak menguatkuasakan undang-undang, ini bagi pehak polis, jadi saya percaya sebelum ditangkap, dia ada diary berapa kali sehari. Kalau drebarnya orang Melayu, Punjabi pakai sereban, katanya dia bawa saudara. Boleh jadi saudara kita tak tahulah. Sampai dua minggu dia ada diary. Kalau barangkali dengan secara ikhlas dia tolong orang itu lain kesah. Saya fikir pegawai polis kita memang menimbang rasa, dia tahu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa teksi sapu (pirate taxi) ini dijalankan selepas daripada dia berputus asa daripada mendapat lesen teksi yang sebenarnya. Misalnya dia telah banyak kali meminta, minta, minta lesen teksi yang halal tak dapat, maka dia ya tak ya terpaksa menjalankan teksi secara haram.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab tetapi sebagai mereka yang putus asa mintalah bas sekolah dan saya sudah jawab pada hari itu 500 buah bas sekolah sudah ada di Ipoh. Apa kurangnya, ikhtiar.

Tuan Fan Yew Teng: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah teksi yang dipanggil teksi haram itu bukan satu

masaalah undang-undang, tetapi sebenarnya ialah satu masalah sosial ekonomi yang mana pemandu-pemandu itu tak suka melanggar undang², tetapi kerana desakan keadaan sosial ekonomi mereka seperti yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi, mereka ada cuba minta lesen beberapa kali tetapi tidak berjaya?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri ini membuat satu langkah bagi mendapatkan berapa jumlahnya teksi sapu dalam negeri ini kerana langkah seumpama itu supaya dapat memberi kenyataan yang sebenarnya berapa banyak teksi sapu dalam negara kita?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini soalan teksi sapu atau tidak, saya tak dapat hendak jawab. Apabila kita dapat tangkap, baharu kita tahu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Menteri Perhubungan bercadang hendak memberi lesen sementara kepada motokar-motokar kecil yang di katakan teksi sapu yang berjalan hanya untuk jalan-jalan kecil di kampung-kampung bagi memberi kemudahan kepada orang-orang di luar bandar membawa barang-barang perusahaannya ke dalam bandar?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan yang lain.

Tuan Othman bin Abdullah: Adakah Kementerian ini sedar bahawa kebanyakan kereta-kereta atau teksi-teksi sapu ini timbul di sebabkan permohonan untuk mendapatkan teksi di daerah-daerah itu lambat mendapat timbangan daripada Kerajaan sehingga bertahun-tahun lamanya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab tadi.

BEKAS-BEKAS PERAJURIT— KEUTAMAAN PEKERJAAN

9. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan dan Pihak-pihak Swasta tidak mengindahkan seruan

Kerajaan supaya memberikan keutamaan kepada bekas-bekas perajurit, apabila mereka memohon tanah atau pekerjaan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya pihak-pihak yang berkenaan mematuhi seruan-seruan ini; dan

- (b) sama ada beliau sedar masih ada lagi Kerajaan-kerajaan Negeri yang belum menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Bekas-bekas untuk mengatasi kepincangan hidup beribu-ribu orang bekas perajurit.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua,

- (a) pada akhir-akhir ini sambutan dari pada badan-badan Kerajaan dan swasta kepada rayuan Kerajaan supaya diberi layanan istimewa kepada bekas-bekas perajurit sebagai menghargai jasa-jasa mereka kepada negara, adalah pada amnya memuaskan. Bekas-bekas perajurit telah mendapat faedah khususnya daripada layanan istimewa yang diberi kepada mereka oleh Jabatan-jabatan Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri dan juga badan-badan berkanun dalam tawaran-tawaran pekerjaan, pembahagian tanah, pengeluaran permit-permit dan lesen-lesen perniagaan dan juga dalam projek-projek yang dilancarkan oleh Kerajaan. Untuk menentukan supaya bekas-bekas perajurit menerima segala bantuan yang dapat diberikan oleh Kerajaan, tiap-tiap agensi Kerajaan telah diminta supaya melaporkan dari semasa kesemasa kepada Kementerian Pertahanan atas langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu bekas-bekas perajurit. Kementerian saya adalah juga sentiasa berhubung dengan sektor-sektor swasta untuk mendapatkan kerjasama mereka dalam mengadakan peluang-peluang pekerjaan bagi bekas-bekas perajurit. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa beberapa buah syarikat perusahaan dan perdagangan telah menunjukkan kesedaran atas masalah ini dan telah tampil kemuka memberikan bantuan.

- (b) Jawatankuasa Pemulihan Bekas-bekas Perajurit telah ditubuhkan disemua negeri. Namun begitu, adalah diketahui juga bahawa ada beberapa Jawatankuasa yang tidak bergerak dengan aktifnya. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya dan saya sendiri telah dan akan membuat lawatan-lawatan dari semasa kesemasa keseluruh negeri untuk meninjau dan mengaktifkan perjalanannya. Jawatankuasa-jawatankuasa itu. Untuk maksud ini, setengah Kerajaan-kerajaan Negeri telah melantik pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan masing-masing untuk mengendalikan perkara-perkara berkaitan dengan hal ehwal bekas-bekas perajurit di negeri yang berkenaan dan juga untuk menjadi pegawai perhubungan antara Kerajaan-kerajaan Negeri itu dengan Kementerian Pertahanan.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Oleh sebab banyak pengaduan daripada bekas perajurit, sungguhpun Kerajaan ada menjalankan beberapa cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini, tetapi oleh sebab bekas perajurit tidak berpuas hati, bolehkah Kerajaan menubuhkan satu Jabatan Khas untuk bekas-bekas perajurit?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya rasa tidak memerlukan satu Jabatan Khas pada masa sekarang, kerana kita telah mengadakan satu bahagian di dalam Kementerian Pertahanan yang dinamakan Bahagian Hal Ehwal Veteran yang mana telah dimulakan dan ditubuhkan lebih kurang setahun dahulu. Dan dengan penubuhan Bahagian ini, saya rasa perkara-perkara berhubung dengan hal ehwal veteran telah diambil tindakan dengan bagitu memuaskan.

NELAYAN-NELAYAN PULAU PANGKOR DAN PULAU KETAM

10. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar akan perbuatan-perbuatan merompak di perairan Malaysia di Selat Melaka di mana nelayan-nelayan dari Pulau Pangkor dan Pulau Ketam telah kehilangan bukan sahaja bot-bot mereka tetapi juga wang mereka untuk membayar tebusan bagi membebaskan diri mereka; jika ya, apakah

langkah-langkah yang sedang diambil oleh Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk menghalang kejadian-kejadian merompak daripada berlaku lagi.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan bukan sahaja sedar tetapi juga adalah mempunyai rekod mengenai kejadian-kejadian rompakan di laut di perairan kita. Berlawanan dengan apa yang diangkakan, rekod kejadian-kejadian rompakan di laut bagi 10 tahun yang lalu adalah menunjukkan bahawa sebenarnya bilangan kejadian-kejadian rompakan adalah berkurangan. Daripada hitung panjang setahun sebanyak 70 kejadian rompakan didapati bagi tempoh masa 1963-1967, hitung panjang bagi tahun 1970-1971 telah turun ke 20; dalam tahun 1972 ini, hanya 9 kejadian sahaja telah dilaporkan.

Tentera Laut Di Raja Malaysia dalam menjalankan gerakan-gerakan menentang rompakan di laut mungkin tidak dapat menjamin keselamatan nelayan-nelayan kita oleh kerana perairan kita terlalu luas untuk dikawal, tetapi kami percaya pasokan ini boleh mengurangkan bahaya-bahaya itu sehingga kejumlah yang serendah-serendahnya, sebagaimana yang telah dibuktikan oleh perangkaan-perangkaan yang disebutkan tadi.

Pembentukan Jawatankuasa Sempadan Wilayah Barat Malaysia dan Indonesia, akan membolehkan gerakan-gerakan selaras dijalankan di perairan kedua-kedua negara tersebut. Adalah diharapkan kerjasama ini akan dapat menghapuskan sama sekali rompakan-rompakan di laut kawasan ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan menerangkan adakah Kerajaan atau Kementerian Pertahanan mengambil tindakan untuk membantu atau memulehkan kehidupan nelayan-nelayan yang bot-botnya mereka telah kena dirompak itu.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya tak faham bantuan cara mana, jika boleh diterangkan.

Dr Tan Chee Khoo: Maksud saya nelayan-nelayan yang botnya telah dirompak dan juga kerana mereka kena bayar ransom, bolehkan Kerajaan membantu atau menolong

mereka membelikan bot-bot yang baharu atau bot-bot lain untuk mereka keluar menangkap ikan di laut.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, yang saya ketahui memang ada bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada nelayan-nelayan yang terlibat dan bantuan ini sebagai *ex-gratia* kepada nelayan-nelayan yang terlibat dalam perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Sungguhpun daripada rekod-rekod Kerajaan bahawa kejadian-kejadian rompakan laut itu telah turun dari setahun kesetahun, tetapi kerana rekod-rekod itu tidak membayangkan kenyataan, oleh sebab ramai nelayan-nelayan yang menjadi mangsa lanun-lanun tidak mahu melapurkan kepada Kerajaan hasil daripada pengalaman mereka yang tidak mendapat apa-apa bantuan dari Kerajaan, apakah pertolongan daripada pihak Kerajaan secara tegas, bolehkah Kerajaan menghantar satu rombongan untuk melawat dan menemui nelayan-nelayan kita itu dan mendapatkan butir-butir yang betul untuk menolong memulehkan kehidupan mereka kerana sekarang ramai di antara mereka yang takut pergi ke laut untuk menangkap ikan?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, kalau nelayan tak membuat laporan, saya tak tahu macam mana Ahli Yang Berhormat itu dapat tahu nelayan-nelayan tidak melapurkan. Adakan Ahli Yang Berhormat itu sendiri terlibat dalam perkara ini. Jadi saya tak tahu adakah angka-angka ini pada masa yang lampau, kalau betul dia kata tak melapurkan, dari mana dia tahu? Kalau dia tahu, silalah buat laporan. Yang keduanya, Tuan Yang di Pertua, saya sendiri telah membuat beberapa lawatan ke kampung-kampung nelayan, mengkaji sendiri dan menanya adakah mereka membuat laporan, dan menasihatkan mereka itu sekiranya berlaku satu-satu rompakan di laut hendaklah mereka itu memberikan laporan kepada Polis supaya kita tahu kejadian itu. Dan saya rasa, apa yang dituduhkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu kerana ada nelayan-nelayan menjadi mangsa piracy menerangkan kepada saya tidak guna dilaporkan kepada Kerajaan; itu bukan satu keadaan di mana nelayan-nelayan kita . . .

Tuan Yang di Pertua: Saya tidak suka dijadikan perbincangan. Kalau ada soalan tambahan hendak bertanya, sila buat soalan tambahan straight—habis—duduk balik!

Tuan Lim Kit Siang: Setujukah Yang Berhormat Menteri bahawa satu keadaan di mana nelayan-nelayan kita ada satu perasaan tidak guna buat lapuran, sungguhpun mereka jadi mangsa lanun-lanun kerana tidak dapat apa-apa kesan, itu satu keadaan tidak sihat dan Kerajaan mesti mengkaji dengan lebih mendalam untuk ditimbangkan atas perkara ini.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tidak ada soalan.

SYARIKAT LION METAL— KEENGGANAN MENGIKTIRAF KESATUAN

11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan.

- (a) sama ada benar bahawa Syarikat Lion Metal di No. 4 Jalan 213, Petaling Jaya enggan mengiktiraf Kesatuan Pekerja-pekerja selepas hampir enam bulan ianya ditubuhkan dan kemudiannya telah membuang 2 orang pekerja Melayu dan 1 orang pekerja Cina kerana mempelupuri penubuhan Kesatuan Pekerja-pekerja itu; dan
- (b) sama ada benar yang pihak pengurus enggan mengambil balik pekerja-pekerja yang telah dibuang itu dan mengugut hendak membuang semua pekerja-pekerja yang lain; sekiranya mereka ingin bekerja balik, mereka hendaklah membuat permohonan-permohonan yang baru, sungguhpun pegawai buruh yang diarah untuk menyiasat permogokan yang berbangkit dari pembuangan 3 orang pekerja itu telah mengesyor dan mendapat persetujuan dengan pihak pengurus bahawa mereka patut diambil semula.

Setiasusaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, jawapan:

- (a) Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Logam meminta pengiktirafan dari Syarikat Lion Metal Sdn. Bhd., Petaling Jaya pada 9hb Februari, 1972

menuntut Kesatuan mewakili majoriti pekerja-pekerja di dalam Syarikat itu. Syarikat meminta Kementerian saya menentukan kedudukan perwakilan Kesatuan. Penentuan yang telah dijalankan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja pada 13hb Mac, 1972 menunjukkan bahawa Kesatuan tidak mewakili majoriti pekerja-pekerja Syarikat (mewakili hanya 35%) dan, seterusnya, menolak tuntutan Kesatuan. Berikutnya Kesatuan telah dinasihatkan oleh Kementerian saya supaya mengemukakan satu tuntutan baharu untuk menuntut pengiktirafan, jika ia mahu, mengikut cara-cara yang dinyatakan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967, tetapi Kesatuan tidak berbuat demikian kerana sebab-sebab yang diketahuinya sendiri. Bagi meringkas-kannya, walaupun tuntutan untuk pengiktirafan telah dibuat oleh Kesatuan kira-kira 6 bulan yang lalu, tetapi ia tidaklah dapat dianggap sebagai mewakili majoriti pekerja-pekerja Syarikat. Adalah tidak betul bahawa Syarikat membuang 2 pekerja Melayu dan 1 orang pekerja Cina kerana mengasas pembenukan satu Kesatuan. Mengikut penyiasatan Kementerian saya mereka dibuang kerana kerja-kerja yang tidak memuaskan.

- (b) Hasil dari campurtangan rakan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, majoriti pekerja-pekerja Syarikat yang telah mogok sejak 9hb Jun, 1972, membantah di atas pembuangan 3 orang pekerja-pekerja itu, telah pun diambil bekerja semula oleh Syarikat dan tidak seorang dari mereka itu diminta mengemukakan permohonan baru untuk pekerjaan. Pengambilan yang selebihnya adalah diteruskan oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 12 hingga 41 adalah diberi di bawah ini.)

DOLLAH BIN NGAH SAIM—POST-MORTEM DI HOSPITAL UNIVERSITI

12. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa doktor-doktor di Hospital Universiti enggan

membedah sertamerta seorang Melayu yang terbunuh di dalam satu kemalangan jalanraya dengan sebuah lori di Petaling Jaya pada 14hb Jun, 1972 setelah mayat itu dibawa ke Hospital Universiti tetapi telah menanggungkan pembedahan itu hingga hari esoknya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuduhan tersebut adalah tidak benar. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat simati, Encik Dollah bin Ngah Saim, lelaki, berumur 54 tahun telah dibawa ke Hospital Universiti pada petang 14hb Jun, 1972 oleh Polis Petaling Jaya dengan permintaan untuk post-mortem. Ada sekeping surat dari Hospital Assunta menyertai mayat itu yang mengesahkan kematian itu. Post-mortem bermula pada 9.10 malam dan mayat itu telah dibawa balik pada pukul 11.00 malam pada hari yang sama.

TAUN-CACAR—MENGADAKAN WAD PENGASINGAN

13. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah Kementerian tidak menyediakan sebuah wad yang cukup dengan alat kelengkapan tempat tidur yang bersih bagi mencegah sesuatu penyakit yang datang dengan mengejut seperti taun, atau penyakit cacar di Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Tan Sri Lee Siok Yew: Di dalam sebuah negara seperti Malaysia yang mempunyai taraf Perkhidmatan-perkhidmatan Kesihatan yang tinggi, adalah tidak perlu mengadakan wad pengasingan bagi penyakit-penyakit berjangkit seperti taun dan cacar. Wad-wad pengasingan boleh diadakan dengan sertamerta bila-bila sahaja satu-satu wabak penyakit berlaku.

PINGAT-PINGAT KEPADA PENDERMA DARAH— MENYAMPAIKAN

14. Tuan Hashim Gera minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab mengapa Kementerian tidak menyampaikan lagi pingat-pingat kepada orang yang menderma darah di Rumah Sakit Besar, Ipoh, sejak belakangan ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pengurniaan pingat-pingat kepada penderma-penderma darah di Hospital Besar, Ipoh telah digantungkan buat sementara waktu oleh kerana Kementerian saya adalah di dalam proses menyediakan satu piawai pingat-pingat kepada Penderma Darah di seluruh negara. Pingat-pingat itu adalah seperti berikut:

- | | |
|--|---|
| (i) Pendermaan 3 dan ke atas | Sijil |
| (ii) Pendermaan 6-14 | Sijil dan satu Lencana Perak dengan nombor pendermaan ditulis di atasnya |
| (iii) Pendermaan yang lebih dari 15 | Sijil dan satu Lencana Emas dengan nombor pendermaan ditulis di atasnya |
| (iv) Tiap-tiap tambahan 5 lagi pendermaan setelah 15 | Sijil dan satu Lencana Emas akan dihadiahkan dengan nombor pendermaan ditulis di atasnya 20, 25, 30 dan seterusnya. |

Lencana-lencana telahpun dipesan dan dijangkakan akan diterima tidak berapa lama lagi. Saya percaya pengurniaan sijil-sijil beserta dengan lencana-lencana adalah satu sistem yang lebih baik dalam mana penderma-penderma dapat memakai lencana-lencana itu tiap-tiap hari menunjukkan beliau adalah seorang penderma darah. Beliau juga akan dapat mempamerkan sijil yang diterimanya.

FILEM LUCAH DI HOSPITAL IPOH— TINDAKAN MENUNJUKKAN

15. Tuan Hashim Gera minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap kakitangan-kakitangan Hospital Besar, Ipoh, yang terlibat dalam menunjukkan filem lucah di Dewan Rumah Sakit Batuk Kering baru-baru ini yang telah tersiar di suratkhbar-suratkhbar.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tindakan tata-tertib akan diambil oleh Lembaga Tata-tertib terhadap kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam perkara tayangan filem lucah atau Blue Film. Tindakan tata-tertib yang direkommendkan ialah amaran yang dicatitkan dan denda. Sebahagian akan ditukarkan. Mereka-mereka yang terlibat ini telahpun didakwa dalam mahkamah dan dihukum.

SUKAN OLIMPIK DI MUNICH— AHLI-AHLI OLAHRAGA

16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Malaysia telah menghantar ahli-ahli olahraganya untuk mengikuti kursus di luar negeri sebagai persiapan untuk Sukan Olimpik di Munich; jika ya, nyatakan bilangan yang dihantar, jenis latihan dan ke negara manakah mereka dihantar.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sebagai persiapan untuk Sukan Olimpik di Munich yang akan berlangsung dalam bulan Ogos tahun ini, Malaysia telah menghantar ahli-ahli olahraganya untuk mengikuti kursus-kursus latihan di luar negeri. Dalam bahagian olahraga, 4 orang olahragawan kita telah dihantar ke Negeri Jerman atas jemputan Kerajaan Jerman Barat untuk mengikuti latihan bersama dengan jagoh-jagoh dari negeri-negeri yang sedang membangun. 5 orang lagi olahragawan kita telah dihantar ke Amerika Syarikat untuk berlatih bersama-sama dengan olahragawan-olahragawan terkemuka di Amerika Syarikat bagi mendapatkan pengalaman dalam latihan-latihan cara baru. Mereka juga telah mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan di Los Angeles dan di bandar-bandar lain di California. 4 orang daripada mereka sedang menyambung latihan di Negeri Jerman. 9 orang pelumba basikal Malaysia telah dihantar ke Bangkok untuk menjalani latihan menggunakan 'velodrome' juga untuk menguji kebolehan tiap-tiap pelumba basikal kita. Malaysia juga telah menghantar Pasukan Bola-Sepak Kebangsaannya yang terdiri daripada 24 orang pemain-pemain ke Holland dan Jerman untuk mendapatkan pengalaman dalam cara bermain dan bertanding dengan Pasukan-pasukan negeri Eropah. Seramai 20 orang pemain-pemain Hoki Malaysia pula telah dihantar ke Jerman Barat untuk mendapat pengalaman dalam cara bermain dengan Pasukan-pasukan Eropah dan juga untuk menyesuaikan permainan mereka dengan keadaan di Jerman Barat.

KURSUS DALAM PERKHIDMATAN BAGI GURU-GURU SEMENTARA

17. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan

menimbang menyediakan kursus-kursus di dalam perkhidmatan bagi guru-guru di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris supaya mereka dapat menjadi guru-guru tetap sebagaimana yang telah dibuat di sekolah-sekolah Cina dan Tamil; jika tidak, kenapa.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak mengadakan Kursus-kursus Dalam Perkhidmatan bagi Guru Sementara di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris).

Guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) itu adalah dilatih di Maktab-maktab/Pusat-pusat Latihan Guru dengan mengikuti kursus dua tahun sepenuh masa. Oleh hal yang demikian, semua Guru-guru Sementara di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) itu diberi peluang memohon latihan tersebut tiap-tiap tahun, jika mereka memenuhi syarat-syarat.

Guru-guru Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) itu juga dilatih di Maktab-maktab/Pusat-pusat Latihan Guru. Oleh kerana bilangannya terhad, maka diadakan pula Kursus Dalam Perkhidmatan untuk Guru-guru Sementara Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang memenuhi syarat-syarat latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Rancangan ini akan dapat menambahkan bilangan guru-guru sekolah Cina yang berkurangan itu.

Kursus latihan penuh masa untuk Guru-guru Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) tidak dijalankan lagi di Maktab-maktab/Pusat-pusat Latihan. Sebagai gantinya, dijalankan Kursus Dalam Perkhidmatan untuk Guru-guru Sementara yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA— MAJLIS UNIVERSITI

18. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Universiti Sains Malaysia mempunyai Majlis Universitinya sendiri; jika tidak, mengapa.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Universiti Sains Malaysia belum mempunyai Majlis Universiti seperti diperuntukan di bawah Seksyen 15 Jadual kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 kerana Perlembagaannya belum diluluskan lagi. Tetapi ianya

mempunyai satu Lembaga Pengurus yang dibentuk mengikut Seksyen 18 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang membolehkan Yang di Pertuan Agong memperuntukan apa-apa peruntukan peralihan yang difikirkan perlu bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat Universiti itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Perlembagaan Universiti Sains Malaysia mengikut Jadual kepada Akta telah siap digubal dan akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

TINGKATAN VI INGGERIS DI KULIM—MENGADAKAN

19. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan Kelas-kelas Tingkatan Enam di sekolah-sekolah Aliran Inggeris di daerah Kulim, Kedah; jika ya, bila.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Belum ada rancangan buat masa ini, kerana bilangan murid belum mencukupi.

PENUNTUT-PENUNTUT INDIA DI UNIVERSITI—SUNGUTAN

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan perasaan tidak senang hati dan

kegusaran yang merebak di kampus Universiti Malaya semasa permulaan tahun Universiti yang baru terhadap pengambilan penuntut-penuntut di atas asas peratus mengikut kaum, dan nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan pengambilan yang adil, saksama dan sama rata akan penuntut-penuntut ke Universiti Malaya.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Jika Ahli Yang Berhormat itu maksudkan sungutan penuntut-penuntut keturunan India mengenai kepayahan masuk ke Universiti itu, perkara ini telah pun saya mengambil tindakan.

Pada permulaan tahun akademik 1972/73 bilangan penuntut-penuntut keturunan India yang berjaya masuk ialah 5.8% atau 475 orang. Saya telah meminta Universiti Malaya menambah pengambilan penuntut-penuntut tersebut hinggalah menjadi 555 orang atau 6.7%.

Ahli Yang Berhormat harus sedar kepayahan masuk ke Universiti ini dirasai oleh penuntut-penuntut keturunan semua kaum kerana tempat-tempat adalah terhad.

Walau bagaimanapun Kementerian saya akan mengawasi supaya bilangan penuntut-penuntut yang diterima masuk ke Universiti tiap-tiap tahun akan mencerminkan keperibadian Malaysia, bukan sahaja di Universiti itu pada keseluruhannya tetapi juga dalam fakulti-fakultinya.

PENUNTUT-PENUNTUT UNIVERSITI MALAYA—ANGKA

21. Dr S. Seeveratnam minta Menteri Pelajaran memberi angka-angka mengikut kaum di dalam peratus dan jumlah angka, pengambilan penuntut-penuntut bagi setiap tahun ke Universiti Malaya sejak ianya ditubuhkan di Kuala Lumpur hingga ke tahun akademik sekarang, dengan memberi angka-angka yang berlainan bagi jurusan-jurusan (i) Sastera dan (ii) Sains.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Angka-angka peratus penuntut Universiti semenjak tahun pengajian 1959/69 adalah seperti berikut:

PERATUS PENUNTUT MENGIKUT KAUM DI DALAM JURUSAN-JURUSAN SASTERA DAN JURUSAN-JURUSAN SAINS

Tahun Akademik	JURUSAN-JURUSAN SASTERA				JURUSAN-JURUSAN SAINS			
	Fakulti Bangsa	Sastera	Pendidikan	Ekonomi dan Pentadbiran Awam	Sains	Perubatan	Kejuruteraan	Pertanian
1959-60	Melayu	58 (35.8%)	—	—	3 (9.7%)	—	1 (0.7%)	—
	China	65 (40.1%)	—	—	22 (70.9%)	—	108 (83.8%)	—
	Lain ²	39 (24.1%)	—	—	6 (19.4%)	—	20 (15.5%)	—
	Jumlah	162 100%			31 100%		129 100%	
1960-61	Melayu	128 (36.26%)	—	—	10 (8.7%)	—	4 (2.54%)	2 (7%)
	China	142 (40.23%)	—	—	73 (64.03%)	—	132 (83.02%)	20 (74%)
	Lain ²	83 (23.51%)	—	—	31 (27.27%)	—	23 (14.44%)	5 (19%)
	Jumlah	353 100%			114 100%		159 100%	27 100%
1961-62	Melayu	193 (34.8%)	—	—	13 (6.4%)	—	4 (2.02%)	7 (13%)
	China	250 (45%)	—	—	138 (67.98%)	—	159 (80.3%)	37 (70%)
	Lain ²	113 (20.2%)	—	—	52 (25.61%)	—	35 (17.68%)	9 (17%)
	Jumlah	556 100%			203 100%		198 100%	53 100%
1962-63	Melayu	247 (34%)	—	—	16 (5.03%)	—	5 (2.21%)	6 (8.2%)
	China	319 (44%)	—	—	228 (71.76%)	—	183 (80.98%)	56 (75.4%)
	Lain ²	157 (22%)	—	—	74 (23.21%)	—	38 (16.81%)	74 (16.4%)
	Jumlah	723 100%			318 100%		226 100%	74 100%
1963-64	Melayu	310 (34%)	10 (29.45%)	—	18 (4.52%)	7 (17.5%)	2 (0.78%)	11 (11%)
	China	400 (44%)	15 (44.12%)	—	302 (75.93%)	28 (70%)	221 (86.07%)	76 (76%)
	Lain ²	198 (22%)	9 (26.43%)	—	78 (19.55%)	5 (12.5%)	34 (13.15%)	12 (13%)
	Jumlah	908 100%	34 100%		398 100%	40 100%	257 100%	99 100%
1964-65	Melayu	459 (38.6%)	28 (31.8%)	—	24 (5.19%)	11 (10.78%)	4 (1.53%)	17 (13.8%)
	China	506 (42.8%)	48 (54.55%)	—	374 (80.99%)	80 (77.84%)	230 (88.1%)	92 (74.8%)
	Lain ²	223 (18.6%)	12 (13.65%)	—	64 (13.82%)	11 (11.38%)	28 (10.37%)	14 (11.4%)
	Jumlah	1,188 100%	88 100%		462 100%	102 100%	262 100%	123 100%

1965-66	..	..	Melayu	..	..	606 (40.51%)	27 (18%)	—	28 (4.93%)	23 (12.37%)	3 (1.07%)	34 (22.08%)
			China	..	..	620 (41.44%)	79 (52.67%)	—	472 (83.1%)	146 (78.49%)	250 (88.97%)	102 (66.23%)
			Lain ²	..	..	270 (18.05%)	44 (29.33%)	—	68 (11.97%)	17 (9.14%)	28 (9.96%)	18 (11.69%)
			Jumlah	..	..	1,496 100%	150 100%	—	568 100%	186 100%	281 100%	154 100%
1966-67	..	..	Melayu	..	..	780 (42.48%)	54 (28.27%)	49 (36.84%)	50 (7.46%)	44 (15.88%)	5 (1.61%)	56 (30.27%)
			China	..	..	729 (39.71%)	89 (46.6%)	72 (54.14%)	546 (81.49%)	204 (73.65%)	280 (90.03%)	114 (61.62%)
			Lain ²	..	..	327 (17.81%)	48 (25.13%)	12 (9.02%)	74 (11.05%)	29 (10.47%)	26 (8.36%)	15 (8.11%)
			Jumlah	..	..	1,836 100%	191 100%	133 100%	670 100%	277 100%	311 100%	185 100%
1967-68	..	..	Melayu	..	..	966 (45.31%)	51 (23.72%)	159 (38.13%)	84 (9.57%)	70 (17.99%)	11 (3.37%)	60 (29.7%)
			China	..	..	800 (37.53%)	127 (59.07%)	217 (52.04%)	721 (82.12%)	273 (70.18%)	293 (89.6%)	128 (63.37%)
			Lain ²	..	..	366 (17.16%)	37 (17.21%)	41 (9.83%)	73 (8.31%)	46 (11.83%)	23 (7.03%)	14 (6.93%)
			Jumlah	..	..	2,132 100%	215 100%	417 100%	878 100%	389 100%	327 100%	202 100%
1968-69	..	..	Melayu	..	..	1,115 (47.8%)	109 (33%)	305 (39%)	133 (12.8%)	95 (18.6%)	6 (1.8%)	62 (26.2%)
			China	..	..	867 (37.2%)	164 (49.7%)	396 (50.7%)	843 (81.2%)	360 (70.6%)	313 (92.6%)	159 (67.1%)
			Lain ²	..	..	350 (15%)	57 (17.3%)	80 (10.3%)	62 (6%)	55 (10.8%)	19 (5.6%)	16 (6.7%)
			Jumlah	..	..	2,332 100%	330 100%	781 100%	1,038 100%	510 100%	338 100%	237 100%
1969-70	..	..	Melayu	..	..	1,489 (52.74%)	102 (31.9%)	442 (38.8%)	150 (12.6%)	109 (19.2%)	11 (3.1%)	70 (25.5%)
			China	..	..	930 (32.94%)	171 (53.4%)	563 (49.5%)	965 (81.2%)	388 (68.3%)	328 (91.4%)	187 (68.2%)
			Lain ²	..	..	404 (14.32%)	47 (14.7%)	134 (11.7%)	74 (6.2%)	71 (12.5%)	20 (5.5%)	17 (6.3%)
			Jumlah	..	..	2,823 100%	320 100%	1,139 100%	1,189 100%	568 100%	359 100%	274 100%
1970-71	..	..	Melayu	..	..	1,996 (61.13%)	236 (53.39%)	510 (37.5%)	157 (11.52%)	128 (20.29%)	5 (1.3%)	91 (28.08%)
			China	..	..	867 (26.56%)	147 (33.26%)	663 (48.75%)	1,118 (82.03%)	417 (66.09%)	365 (93.1%)	208 (64.2%)
			Lain ²	..	..	402 (12.31%)	59 (13.35%)	187 (13.75%)	88 (6.45%)	86 (13.62%)	22 (5.6%)	25 (7.72%)
			Jumlah	..	..	3,265 100%	442 100%	1,360 100%	1,363 100%	631 100%	392 100%	324 100%
1971-72	..	..	Melayu	..	..	2,480 (69.3%)	185 (35.31%)	590 (40.15%)	147 (10.23%)	157 (24.01%)	29 (5.81%)	149 (38.90%)
			China	..	..	723 (20.21%)	266 (50.77%)	674 (45.85%)	1,169 (81.43%)	409 (62.53%)	448 (89.77%)	203 (53.01%)
			Lain ²	..	..	374 (10.46%)	73 (13.92%)	206 (14%)	120 (8.3%)	88 (13.46%)	22 (4.42%)	31 (8.11%)
			Jumlah	..	..	3,577 100%	524 100%	1,470 100%	1,436 100%	654 100%	599 100%	383 100%
1972-73	..	..	Melayu	..	..	2,588 (76%)	240 (39.80%)	680 (46.6%)	196 (12.8%)	173 (26.3%)	45 (7.3%)	193 (45.2%)
			China	..	..	543 (15.9%)	315 (52.23%)	617 (41.7%)	1,180 (76.9%)	401 (60.9%)	541 (87.5%)	202 (47.3%)
			Lain ²	..	..	274 (8.1%)	48 (7.07%)	174 (12.4%)	158 (10.3%)	84 (12.6%)	32 (5.2%)	32 (7.5%)
			Jumlah	..	..	3,405 100%	603 100%	1,480 100%	1,534 100%	658 100%	618 100%	427 100%
Tahun Akademik						Undang-undang			Pergajian			
1972-73	..	..	Melayu	..	..	31 (60.9%)			Melayu	..	..	14 (43.7%)
			China	..	..	10 (19.6%)			China	..	..	17 (56.0%)
			Lain ²	..	..	10 (19.6%)			Lain ²	..	..	1 (0.3%)
			Jumlah	..	..	51 100%			Jumlah	..	..	32 100%

GURU-GURU SISWAZAH INDIA BUKAN KERAJAAN

22. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian-nya akan menimbangkan dengan sewajarnya permintaan guru-guru siswazah India bukan Kerajaan supaya ditempatkan mereka di tangga-gaji D2 di dalam Perkhidmatan Pelajaran yang baru, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan permintaan Guru-guru Siswazah India bukan Kerajaan yang dahulunya di tempatkan di atas tangga-gaji U.T.S. Gred I (a), iaitu tangga-gaji bagi Ijazah Am, maka perkara ini sedang ditimbangkan. Masaalah ini ada kaitannya dengan soal pengiktirafan ijazah yang sedang dikaji oleh Jawatankuasa Tetap Pengiktirafan Kelayakkan Asing yang akan membuat keputusannya dalam tahun ini.

SUARA MALAYSIA— PERKHIDMATAN LUAR NEGERI

23. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan:

- dalam berapa bahasakah Perkhidmatan Luar Negeri Suara Malaysia disiarkan dan berapa negerikah yang mendapat faedah perkhidmatan ini;
- bila siaran dalam Bahasa Tagalog akan diadakan supaya dapat mengujudkan persafahaman dengan rakyat Filipina;
- bila siaran dalam Bahasa Arab akan diadakan untuk faedah negara-negara di Asia Barat dan Afrika; dan
- sama ada pemancaran sekarang ini memadai untuk perkhidmatan tersebut.

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):

- Perkhidmatan Luar Negeri, Suara Malaysia adalah di buat dalam Bahasa Indonesia, Inggeris, Mandarin, Thai dan dapat di dengar di Indonesia, Filipina, Cina, Jepun, Australia, New Zealand, Taiwan dan Thailand.
- Setakat ini belum ada sebarang rancangan.

(c) Perkara ini ada dalam timbangan Kementerian Penerangan.

(d) Soalan ini tidak berapa terang. Kalau maksudnya kuasa transmitter maka kekuatan yang ada itu mencukupi dengan siaran yang ada pada masa ini.

RADIO MALAYSIA SABAH— PANCARAN KE SEMPORNA

24. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan sama ada beliau sedar bahawa pancaran Radio Malaysia Sabah ke Daerah Semporna tidak begitu terang, dan kadang-kadang langsung tidak dapat didengar; jika ya, sama ada beliau akan mengambil tindakan supaya pancaran ini diperbaiki agar penduduk-penduduk di daerah tersebut, khasnya penduduk-penduduk di luar bandar, akan dapat menggunakan radio transistor mereka mendengar lagu-lagu dan berita-berita penting.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya tahu bahawa pancaran Radio Malaysia Sabah ke Daerah Semporna kurang begitu baik. Usaha-usaha sedang diambil dan diharap bila sebuah stesyen pemancar yang baru yang mengandungi kuasa yang lebih di Tawau siap pada pertengahan tahun hadapan, penerimaan Radio Malaysia Sabah di Semporna akan terang lagi.

GAMBAR MENTERI-MENTERI KERAJAAN PUSAT— MEMBAHAGIKAN

25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdulah minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan sama ada Kementerian beliau akan mengeluarkan gambar Menteri-menteri Kerajaan Pusat untuk di-bahagi-bahagikan kepada orang ramai supaya tiap-tiap rakyat dapat tahu dan kenal siapakah Menteri-menteri di tiap-tiap Kementerian.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, Kementerian Penerangan akan berbuat demikian.

LAKUNAN/TARIAN—TAYANGAN DI TV MALAYSIA

26. Tuan Joseph Unting anak Umang minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan memberikan nama jenis-jenis lakunan

dan tarian Malaysia atau asing yang boleh dan yang tidak boleh ditayangkan di dalam TV Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya kurang mengerti dengan maksud Yang Berhormat itu tetapi pada amnya, sebarang lakunan atau tarian Malaysia atau asing tidak akan ditayangkan di TV Malaysia jikalau rancangan-rancangan itu bertentangan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukunegara.

TV MALAYSIA— MENYEDIAKAN KEMUDAHAN

27. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan sama ada beliau akan mengambil langkah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan TV Malaysia bagi penuntun-penuntun Malaysia menikmati rancangan-rancangan TV Singapura.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya telah sebut di Dewan ini pada penggal yang dulu bahawa Malaysia dan Singapura adalah dua buah negara yang berasingan, masing-masing dengan dasar-dasarnya yang berlainan. Oleh sebab itu Kementerian Penerangan tidak akan menyediakan kemudahan-kemudahan TV Malaysia untuk rakyat di Malaysia menikmati rancangan-rancangan TV Singapura.

BERITA DI TV MALAYSIA—NILAI

28. Tuan V. David minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan siapa yang menentukan nilai-nilai berita di dalam Bahagian Berita di TV Malaysia, dan sama ada Pembukaan Persidangan Perwakilan UMNO mendapat keutamaan lebih dahulu daripada berita-berita Kebangsaan dan Antarabangsa.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: UMNO adalah teras Kerajaan Malaysia. Tiap-tiap berita yang besar mengenai UMNO ada nilai berita kepada Kementerian Penerangan.

FILEM TAMIL/HINDI— TAYANGAN DI TV

29. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan samada beliau akan menimbang untuk menayangkan sekurang-kurangnya satu

filem Tamil dalam seminggu di TV Malaysia dan demikian juga dengan filem-filem Cina dan Melayu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian Penerangan telahpun mengambil keputusan untuk menayangkan dua filem Tamil dan dua filem Hindi sebulan mulai daripada 1hb September, 1972.

FILEM CANTONESE/TAMIL— TAYANGAN DI TV

30. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Filem-filem Cantonese dan Tamil yang ditayangkan oleh TV Malaysia adalah filem-filem yang sangat lama dan tidak sesuai dengan masyarakat berbilang kaum, dan apakah tindakan yang Kementerian ini telah ambil untuk membetulkan hal ini supaya filem-filem lama itu tidak ditayangkan lagi pada masa hadapan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Filem-filem Cantonese dan Tamil yang ditayangkan di TV adalah dibuat untuk ditayangkan di panggong wayang dan bukan untuk TV. Oleh sebab itu Syarikat-syarikat Pengeluaran Filem tidak akan membenarkan pihak TV menyiarkan filem-filem ini sebelum habis ditayangkan di panggong-panggung wayang. Oleh itu filem-filem yang kita dapati memanglah sudah lama dan setengah-tengahnya itu kurang baik.

COLOUR TV MALAYSIA— MEMULAKAN

31. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan bila Kementerian hendak memulakan Talivisyen berwarna di Malaysia seperti yang dibuat di Negara-negara yang maju seperti Negeri Jepun dan Hongkong, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Memanglah matlamat jangka panjang kita untuk mengadakan colour TV, tetapi selepas kita dapat mengadakan liputan TV (black & white) ke seluruh Malaysia. Walaubagaimana pun alat-alat teknik TV yang akan dibeli masa hadapan akan dilengkapi dengan "colour compatible". Begitu juga dengan kakitangan yang pergi berlatih ke luar negeri akan diarah mempelajari aspek-aspek TV warna-warni.

LESEN KEPADA PENJAJA DI JALAN PETALING

32. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk memberi lesen-lesen kepada semua penjaja-penjaja yang tiada berlesen di Jalan Petaling, yang telah berjaja barang-barang berpuluh-puluh tahun, supaya mereka tidak dikacau dan didakwa oleh Badan Penguatkuasa Bandaraya Kuala Lumpur.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Dewan Bandaraya telah mengeluarkan lesen-lesen kepada penjaja-penjaja dan telah mengadakan sebanyak 327 tapak² penjaja di Jalan Petaling untuk perniagaan mereka di waktu malam jam 6 petang hingga 1 pagi. Pada siang hari penjaja-penjaja tidak dapat dibenarkan berniaga di jalan ini oleh kerana kesebukan trafik, jalan yang sempit dan dengan ada-nya tempat-tempat letak kereta di sisi jalan itu. Walaubagaimanapun, beberapa tapak-tapak penjaja telah disediakan untuk penjaja-penjaja di lorong-lorong kecil berdekatan dengan Jalan Petaling.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—MENDAPATKAN PENYOKONG

33. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa syarat berkehendakkan seorang penyokong di dalam borang permohonan paspot menyebabkan kesusahan kepada pemohon-pemohon paspot; dan
- (b) sama ada beliau akan menimbang untuk mengenyepikan syarat ini kerana perkara ini tidak bermakna memandangkan bahawa semua butir-butir yang perlu terhadap pemohon dapat disahkan dari kad pengenalan dan pegawai-pegawai yang mengeluarkan paspot juga dapat mengesahkan sendiri samada wajah pemohon-pemohon serupa dengan wajah di dalam gambar yang dikirimkan oleh pemohon-pemohon.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Sejak tahun 1960 hingga bulan Jun 1972 sebanyak 608,439 Pasport Antarabangsa Malaysia telah dikeluarkan dengan menggunakan syarat-syarat yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dan ini tidak pula didapati memberi apa-apa kesusahan untuk mereka mendapat penyokong-penyokong seperti dikehendaki. Oleh yang demikian saya tidak bercadang hendak meminda peraturan ini.

RACUN SERANGGA—MENGAWAL MUSOH TANAMAN

34. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada ia sedar akan kebimbangan orang ramai tentang kegunaan ubat binatang (Pesticides) oleh penanam-penanam sayur-sayuran yang dikatakan boleh menjadikan tanam-tanaman itu beracun (poisonous) kepada manusia. Jika ya, apakah langkah-langkah yang sudah, sedang dan akan diambil supaya kegunaan ubat itu dielakkan atau dilarang langsung demi untuk kesihatan orang ramai.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Sebenarnya bukan semua racun serangga yang dipasarkan itu beracun (poisonous). Ada beberapa jenis racun serangga yang tidak merbahaya kepada manusia sekiranya digunakan mengikut cara-cara menggunakan racun-racun itu. Walaubagaimanapun perkhidmatan perkembangan Kementerian Pertanian dan Perikanan sentiasa menjalankan tunjok-chara (demonstration) dan memberi nasihat kepada peladang-peladang am bagaimana racun-racun serangga patut digunakan untuk mengawal musuh-musuh tanam-tanaman.

Satu akta racun-racun serangga (Pesticide Ordinance) akan di bawa ke Parlimen supaya pemasaran dan penggunaan racun-racun serangga boleh dikawali.

KELAPA SAWIT—RANCANGAN MENGADAKAN

35. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada beliau akan

menimbang memasukkan semua kawasan-kawasan berikut iaitu:

- (a) Kampong Tringgus;
- (b) Kampong Gumbang;
- (c) Kampong Pangkalan Tebang;
- (d) Kampong Segubang;
- (e) Kampong Stass;
- (f) Kampong Jagoi;
- (g) Kampong Stenggang;
- (h) Kampong Singgai;
- (i) Lundu dan Sematan;

dalam Bahagian Pertama Sarawak di bawah suatu rancangan kemajuan tanah bagi Rancangan-rancangan Ubi Kayu dan Kelapa Sawit untuk memperbaiki taraf kehidupan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Pada masa sekarang Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak sedang mengkaji kemungkinan samada kawasan sepanjang jalan raya Bau/Lundu di antara Kampong Setenggang dan Kampong Stungkor cukup sesuai untuk ditanam dengan kelapa sawit. Keputusan akan diambil secepat mungkin.

Lembaga ini tidak ada rancangan menanam ubi kayu.

PERWAKILAN DIPLOMATIK ANTARA BANGLADESH—MALAYSIA

36. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan yang dibuat oleh Menteri Luar Bangladesh ke Malaysia pada bulan Jun baru-baru ini dan adakah masaalah penyelesaian antara Bangladesh dan Pakistan juga dibincangkan, dan jika ya, apa kesimpulannya. Adakah Menteri Luar itu memberitahu tentang tentera India masih berada di Bangladesh atau tidak. Jika ada, bila tentera itu hendak keluar.

Perdana Menteri: Lawatan Menteri Luar Bangladesh ke Malaysia telah menghasilkan satu persetujuan di mana kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan pertukaran perwakilan Diplomatik di peringkat

Pesuruhjaya Tinggi. Adalah juga diperseutujui bahawa pada masa hadapan Malaysia dan Bangladesh akan bekerjasama dalam bidang teknologi, jute, beras dan getah serta meluaskan lagi perniagaan di antara kedua negara. Kerjasama akan juga diadakan dalam bidang pertukaran delegasi perdagangan dan perniagaan, rombongan kebudayaan, kumpulan sukan dan lain-lain pertubuhan kebudayaan. Kerajaan Bangladesh akan terus mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran kepada penuntut-penuntut Malaysia dalam bidang perubatan, pertanian kejuruteraan dan lain-lain bidang teknik.

Selain daripada perkara-perkara mengenai perhubungan dua-pihak itu, perbincangan itu menempuh juga hal-hal kawasan ini dan antara bangsa.

Dalam perbincangan itu juga, soal perhubungan di antara Bangladesh/Pakistan telah ditimbulkan dan Menteri Luar Negeri Bangladesh menyatakan dengan terangnya pendirian Kerajaannya, iaitu bahawa tidak mungkin diadakan dialogue diantara Bangladesh dan Pakistan kecuali atas asas persamaan, yang bermakna iaitu Pakistan mengiktiraf Bangladesh.

Soal mengenai tentera-tentera India tidak ditimbulkan dalam perbincangan kami itu.

RAMBUT PANJANG—CADANGAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG

37. Tuan Joseph Unting anak Umang bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau bercadang hendak membuat suatu undang-undang yang mensyaratkan supaya orang lelaki yang berambut panjang tidak boleh diambil bekerja dalam perjawatan-perjawatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

Perdana Menteri: Kerajaan tiada bercadang hendak membuat Undang-undang bagi maksud yang berkenaan. Menyimpan rambut panjang adalah kebebasan diri perseorangan. Sekiranya perkara ini mengganggu kecekapan dalam menjalankan tugas-tugasnya atau pun mencemar nama baik perkhidmatan awam atau pun menyentoh tata kesusilaan, maka tindakan yang sesuai akan diambil terhadap pegawai yang berkenaan.

PROJEK-PROJEK UDA— PERLAKSANAAN

38. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan bagi meninggikan taraf hidup orang-orang yang tidak berada dan bumiputra-bumiputra hingga kini oleh Perbadanan Pembangunan Bandar.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Ahli Yang Berhormat maseh ingat bahawa dalam persidangan Parlimen yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa UDA telah dilancarkan dengan rasminya pada bulan November tahun lepas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa sementara menyusun Perbadanan tersebut dengan lebih teratur, UDA juga telah melaksanakan tiga jenis projek.

Di bawah projek jenis pertama, yang meliputi rancangan kilat, UDA telah melaksanakan 20 projek di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Projek-projek ini meliputi bangunan-bangunan yang telah sedia ada pada masa ini ataupun yang baharu dibina di Kawasan-kawasan Strategi dari segi kuasa permintaan pasaran, serta keperluan-keperluan dari segi saikoloji dan keperluan negara untuk menyusun semula satu-satu kawasan. Bangunan-bangunan ini diberi sewa atau diberi oleh UDA, diperbaiki dan dilengkapi dengan perbelanjaan UDA ke satu taraf yang sesuai untuk satu-satu jenis perniagaan, kemudian diberi sewa atau dijual kepada peniaga-peniaga dengan cara bayaran ansuran mengikut peraturan yang paling sesuai bagi mereka. Beberapa jenis perniagaan dijalankan dalam bangunan kedai yang disediakan itu.

Di bawah projek jenis kedua yang meliputi rancangan jangka pertengahan, UDA telah memulakan satu projek bagi menyediakan tapak-tapak bangunan dan juga telah menjalankan tiga projek bagi kerja-kerja peringkat awalan. Ke empat-empat projek ini adalah terletak di Bandar Raya Kuala Lumpur. Projek-projek ini melibatkan kerja-kerja pembenaan di atas tanah Kerajaan dan ianya akan menghasilkan satu blok pejabat dengan segala kemudahan untuk membeli belah dan perkhidmatan kesihatan Kerajaan, sebuah perhentian kenderaan yang juga disediakan dengan kemudahan-kemudahan untuk membeli belah, dan satu blok

untuk kedai-kedai runcit dan perkhidmatan (kedai kopi, gunting rambut dan lain-lain) serta satu kompleks pelancung yang kecil. Ke empat-empat projek ini di jangka siap pada akhir tahun 1974.

Di bawah projek jenis ketiga pula yang mana meliputi rancangan-rancangan jangka panjang, UDA menjalani penyiasatan yang teliti bagi beberapa tempat yang secara relatif sama luas dengan Bandar Raya Kuala Lumpur bagi rancangan Pembangunan Bandar yang lebih meluas dan 'Comprehensive'. Dengan sebab-sebab yang nyata, tidak ada penelitian yang dapat diberi tentang projek-projek tersebut sebelum sampai masanya.

PENGECEUALIAN ASIA TENGGERA—CADANGAN

39. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil mesyuarat Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada awal bulan Julai, 1972 untuk membentuk suatu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali.

Perdana Menteri: Di Mesyuarat tersebut Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kanan ASEAN telah bertukar-tukar fikiran tentang cadangan bahawa pengecualian Asia Tenggara dikaji sebagai satu jalan untuk menubuhkan Kawasan yang aman, bebas dan berkecuali. Mereka telah mencapai persetujuan bersama atas terjemahan "Kawasan yang Aman, bebas dan Berkecuali." Jawatankuasa itu telah mengambil keputusan meneruskan kajian mereka dan tempat dan hari persidangan mereka yang akan datang akan ditetapkan dan diumumkan kelak.

NEGARA-NEGARA ASIA— CADANGAN BERKECEUALI

40. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan sambutan yang telah diberi terhadap cadangan Malaysia supaya sepuluh buah negara-negara Asia (Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia, Negeri Thai, Laos, Republik Khmer, Burma, Vietnam Selatan dan Vietnam Utara) dirangkaikan sebagai negara-negara kecil yang mahu bebas dan berkecuali.

Perdana Menteri: Secara umumnya, sambutan terhadap cadangan kita adalah baik sekali. Kebanyakan negara-negara Asia Tenggara, telahpun menyokong cadangan itu. Adalah jelas bahawa tidak ada tentangan sama sekali terhadap cadangan itu. Negara-negara Berkecuali telahpun memberi sokongan secara aktif mereka sejak cadangan ini dikemukakan kepada mereka pada masa persidangan Lusaka dalam tahun 1970.

UJIAN BOM NUKLEAR PERANCHIS DI PASIFIK

41. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada Malaysia sebagai Anggota Peraturan Pertahanan Lima Negara telah membuat apa-apa bantahan terhadap ujian bom nuklear Perancis di kawasan Pasifik; dan
- (b) samada debu radioaktif ujian itu akan mendatangkan bahaya kepada dunia ini.

Perdana Menteri:

- (a) Saya minta Ahli Yang Berhormat itu merujuk kepada jawapan saya kepada soalan yang serupa dalam Dewan ini dua hari yang lepas, di mana diterangkan kedudukan kita sebenarnya.
- (b) Sudah tentu satu daripada sebab-sebab mengapa kita menentang ujian-ujian bom nuklear ialah sebab bahayanya daripada debu radioaktif itu terhadap dunia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PASARAN DAN PELESEN GETAH MALAYSIA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Ogos, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, saya akan menjawab dalam Bahasa Malaysia dan mohon izin juga menjawab dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang mengujudkan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telah menimbulkan perkara-perkara yang amat diminati oleh beberapa orang Ahli-ahli Dewan ini. Di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini, ahli-ahli telah mengemukakan beberapa perkara yang serba luar; di antaranya mempunyai kaitan yang rapat dengan ini Undang-undang ini, dan ada pula perkara-perkara yang timbul daripada hasrat hendak mendapat maklumat yang lebih jelas lagi.

Jawapan berasingan kepada satu-satu soalan yang dikemukakan itu, dalam pendapat saya, mungkin tidak akan menggambarkan dengan jelasnya falsafah yang menjadi asas perubahan-perubahan yang dimaksud oleh Rang Undang-undang ini.

Oleh itu sebagai permulaan, saya suka memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan telah memberi segala pertimbangan halus kepada perkara-perkara dalam beberapa bidang perjalanan pemasaran yang terletak di bawah kawalan negara kita Malaysia.

Rang Undang-undang ini sebagai hasil daripada Lapuran Jawatankuasa Petugas Rama Iyer adalah bertujuan untuk mengujudkan satu ukuran disiplin dan susunan teratur di dalam sistem pasaran dalam negeri. Dalam memulai langkah yang hendak dicapai oleh Rang Undang-undang ini tugas mempertahankan kekuatannya dan kestabilan perusahaan getah pada amnya dan tugas meninggikan pendapatan-pendapatan pekebun-pekebun kecil khasnya tidak boleh dikaji secara berasingan. Kedua-duanya mestilah ditinjau di dalam konteks langkah-langkah yang telah dimajukan oleh Kerajaan dalam seluruh Rang Undang-undang yang dibentangkan termasuk juga dalam konteks langkah-langkah yang tidak berkehendak sokongan Undang-undang. Di atas asas inilah, saya mengkaji soalan-soalan yang telah dikemukakan itu.

Soalan-soalan yang telah dikemukakan boleh disusun secara ringkas seperti berikut:

- (1) Kedudukan segi Undang-undang bagi beberapa peruntukan di dalam Undang-undang ini;
(The legal standing of some of the provisions under the Bill)

- (2) Beberapa perkara berkaitan dengan keanggotaan Lembaga tersebut dan kedudukan Pengerusinya;

(Issues concerning composition of the Board and Chairmanship)

- (3) Kedudukan luasnya tanah pekebun-pekebun kecil dan keperluan bagi penyatuan tanah-tanah;

(Issues concerning uneconomic sizes of smallholdings and the need for land consolidation)

- (4) Kelewatan bagi mengemukakan perubahan "structure" kepada pasaran;

(The delay in introducing structural changes to the market)

- (5) Samada Kerajaan ada menggunakan penjual beli dan peniaga-peniaga sebagai "scapegoat", akibat kejatuhan harga getah;

(Whether the Government is using the dealers and the traders as scapegoats for falling rubber prices)

- (6) Samada getah asli menduduki tempat kedua di antara getah-getah dalam dunia ini;

(Has natural rubber become a second class citizen in the kingdom of elastomers)

- (7) Samada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Sendirian Berhad mengikut jejak langkah RIDA dalam usahanya;

(Would MRDC go the same way as the earlier RIDA efforts)

- (8) Mengapakah Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Sendirian Berhad tidak melibatkan diri di dalam penyatuan pekebun-pekebun kecil selain daripada memproses dan memasarkan;

(Why the MRDC does not involve itself in consolidating smallholdings apart from processing and marketing)

- (9) Tidak bolehkah diadakan satu lembaga besar atas nama Lembaga setarajiji pengeluaran, penyelidikan dan kemajuan, perlaksanaan dan pemasaran bagi getah, mengambil alih beberapa badan-badan yang dicapai atau pun

(Shouldn't there be an omnibus body under the name of strategic production, research, development implementation and marketing authority for rubber, in place of the many bodies proposed)

- (10) Adakah Kerajaan terburu-buru di dalam menguatkuasakan Undang-undang ini yang mengakibatkan permusuhan di antara rakan-rakan perindustrian getah dibidang perdagangan;

(Is the Government too hasty in enacting the Bill and causing enmity with friends of the industry in the trade)

- (11) Ketetapan harga minima atau pun guaranteed price;

- (12) Nationalisation.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bertanya sebab-sebab kedudukan harga yang turun naik dan ada juga yang berpendapat bahawa asas kepada masalah ini adalah soal supply and demand sahaja. Ada kemungkinannya juga, Tuan Yang di Pertua, bagi saya meninggalkan beberapa soalan-soalan lain tetapi saya penuh kepercayaan bahawa dengan cara menegaskan sekali lagi tujuan-tujuan Kerajaan mengujudkan undang-undang ini dalam kontek langkah-langkah yang lain maka saya akan dapat memuaskan hati segala Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

In introducing the Bill I went into detail concerning the network of marketing entities that are involved in transferring the rubber from the smallholders to the consumer internally and externally. The path is indeed a tortuous one. The natural rubber market is a commodity market with all its attendant vagaries. There is no adequate dialogue between those involved in production and those directly involved in consumption. The market, however, served an admirable purpose when natural rubber was the only single elastomer available to the consuming industry. With the advent of the massive synthetic rubber industry immediately after the Second World War, the situation altered drastically. Two factors then became operative. Firstly, the resurgence of industrial development immediately after the war generated total demand for elastomers that the natural rubber industry was unable to cope with. Secondly, a synthetic rubber industry had newly born, which at first was

meant to cater for strategic war requirements, but later on through science and technology developed to become a strong rival to natural rubber.

In these circumstances, it was inevitable that natural rubber which was universally accepted as an all-purpose elastomer began to be restricted to premium areas of use where its native technological excellence was imperatively needed. The growing gap between demand and supply was enthusiastically filled up by a fast expanding synthetic rubber sector. In the course of years, the strength of the synthetic rubber industry had all the opportunity to grow by leaps and bounds while natural rubber had to go through the natural process of normal agricultural expansion. Synthetic capacities were created wherever availability of petro-chemicals was assured—for commercial reasons, for strategic considerations or just plain nationalistic concepts. This rocketing rise in synthetic rubber capacities and their exploitation necessitated an aggressive promotional and marketing service which was developed with the full vigour that big organizational management could afford. Numerous types of synthetic rubber were introduced into the market, some for specific purposes, others for general applications. The availability of a spectrum of elastomers induced consumers to develop new technologies, new processing and fabrication equipments. The tendency became for each elastomer to be discriminatively assessed on the basis of end-use requirements and compound cost economies. This was the situation facing the country in the fifties—while every pound of natural rubber produced was being used, it was progressively losing certain traditional areas of application.

It is in this context that we must review the development of the natural rubber industry and the Government's role in the post-Merdeka period. We should ask ourselves what were our assets then?

- (1) We had a polymer which was intrinsically unique in quality.
- (2) We had a Research Institute: the R.R.I. in Kuala Lumpur established in 1925 to undertake production research, and what is then known as the British

Rubber Producers Research Association in the United Kingdom established immediately before the Second World War to undertake consumer research.

In the face of the onslaught of synthetic rubber competition, the first strategy to be developed was very clear. Productivity per acre must be increased so that natural rubber can remain cost competitive. This meant a co-ordinated concerted and urgent replanting programme in the rubber industry as a whole. Subsequent events dictated that the intrinsic quality of the rubber as obtained from the tree must be standardized. In short, the natural rubber industry must imbibe the full impact of science and technology. It was also clear that natural rubber must mount market promotion and adequate marketing services. Mr Speaker, Sir, in these circumstances the priority attention had to be the modernisation of the agricultural and processing sector. The trade or the market has always in the past attributed any weakness of natural rubber marketing to the lagging behind in the modernisation of the agricultural and processing sector. In Malaysia, the process of modernisation of the agricultural and processing sector has been effectively initiated. Yield levels of planting materials have exceeded 2,000 lbs per acre and more, with national average yield approaching 1,000 lbs per acre per year. The introduction of the SMR scheme in 1965 revolutionised processing technology and modernised presentation and grading.

Various erroneous assertions were made during the debate by Honourable Members which time does not permit me to refute singly. The rubber industry is the biggest in the country, although, sad to say, so little is generally known and understood about it. But the impassioned oratory of the Honourable Member for Bungsar deserves special reply. May I suggest that he exploits his obvious talents in more lucrative ways by taking more interests in what is actually happening in the Rubber Industry now, rather than giving lengthy dissertations which would sound more like a lecture that should be given at the inaugural opening of the R.R.I. a long, long time ago. I am sorry to surprise the Honourable Members by revealing that what

he thought as brilliant recommendations have in fact been antedated by the history of the rubber industry, which we can proudly describe as past performance.

Everyone is aware that the synthetic rubber industry poses tough challenges to the natural rubber industry and that the commercial pressures that it exerts are in large measure responsible for our present hard times. But the assertion that natural rubber is now playing second fiddle to synthetic rubber and that the synthetic rubber industry is sweeping all before it, I think, is not doing justice to natural rubber. Doesn't the Honourable Member know that bicycle tyres are now made wholly of synthetic rubber whereas aeroplane tyres are made of natural rubber? Needless to say, in the manufacture of plane tyres quality is critical. Doesn't the Honourable Member know that cheap foam mattresses are made of plastic and synthetic rubber compositions, but that the high quality versions are made from natural rubber?

To set the rubber industry scene in perspective, allow me to quote from the publication "Plastics Rubber Weekly" dated 7th July, 1972 which carries the report on the last annual conference of the International Institute of Synthetic Rubber Producers. I quote, Sir:

"The critical problems facing the synthetic rubber industry, as a result of over-capacity, were the recurrent theme overhanging in the 13th Annual Conference of the International Institute of Synthetic Rubber Producers in Munich (June 19-22)."

"Speaker after speaker reiterated the problem and called for the need for research to find new applications for synthetic rubber—It rings a bell."

"One possible road to salvation was suggested in a paper by Clayton Ruebensaal which was presented in his absence by Dr E. Ebers. He proposed that the synthetic rubber producers should study the actions taken by the natural rubber industry to survive. Despite predictions some years ago, to the contrary, the plantation industry was still—producing about 3 million tons of natural rubber a year."

"He listed the following actions taken by natural rubber producers.

- (1) Cost cutting measures for profit improvement including increased yields, production savings, maximisation of plantation potential and reduction of handling costs;
- (2) product improvements, including the standardisation, improved quality, new grades and new cure agents;
- (3) development of new end uses, including collective research aimed at this end."

"He added: 'natural rubber, despite it being at the lowest price for years is sitting in a better seat than you are.'"

I think, Mr Speaker, Sir, the words that I have quoted just now speak well for the natural rubber industry coming as it did from our rival, the synthetic rubber people.

Tuan Yang di Pertua, ini membawa saya kepada masa Undang-undang ini dibawa ke Parlimen ini untuk membentuk semula keadaan pasaran. Beberapa orang Ahli-ahli Dewan telah menyatakan bahawa Bill ini adalah 10 tahun terlambat. Ada pula telah berpuas hati dengan mengatakan biarlah lambat asalkan ada sahaja. Benarkan saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa masa Bill ini dikemukakan, memanglah menurut giliran yang lojik, selepas beberapa pertukaran dan perubahan yang telah Kerajaan laksanakan dalam perusahaan getah.

Pertamanya, tindakan untuk memperbaiki production cost dan memperbaiki mutu bagi getah asli. Keduaanya, menghadapi segala persaingan dari getah tiruan dengan menunjukkan keteguhan perusahaan getah asli dari segi harga dan mutunya. Dalam semua tujuan ini kita telah berjaya. Suasana pertempuran hebat di antara perusahaan getah tiruan dengan perusahaan getah asli dalam 10 tahun yang lepas kini hampir menjadi perdamaian untuk kerjasama. Dengan adanya perubahan-perubahan seperti ini, maka susunan pasaran bagi getah asli pun memanglah diakui kunu. Pengguna-pengguna memerlukan getah asli, tetapi menuntut perkhidmatan pasaran, kestabilan harga dan pengakuan perbekalan. Pengeluar-pengeluar memerlukan keuntungan yang saksama, kesenangan pasaran dan

maklumat-maklumat mengenai demand. Keadaan pasaran yang ada tidaklah dapat menemui kehendak pengguna-pengguna atau pun kehendak pengeluar-pengeluaranya. Suatu perubahan memanglah perlu sekarang ini. Walau bagaimanapun tiada satu pasaran yang boleh ditukar coraknya sertamerta. Banyak perkara-perkara yang rumit hendaklah ditimbangkan, kerana ada pertukaran dalam negeri yang juga akan mengenakan kesan di luar negeri, atau pun di antarabangsa.

Mr Speaker, Sir, much has been said in the debate about who does and who does not control the rubber price and some of the things said have been a bit off the mark. One thing is sure—the price of rubber cannot be dictated by 50 gentlemen producers sitting in London or in an adjoining territory to Malaysia. Even synthetic rubber producers who have for long projected the concept of stable prices are today providing varying discounts from list prices, in many cases attuned to the movements of the natural rubber price. As I pointed out in my introductory statement, the Government is concerned about speculative elements in the market system, but I must qualify “speculative elements which can depress the price”. Such speculation unquestionably occurs and one important reason for the Government establishing an independent Malaysian Rubber Exchange and getting intimately involved in its operation is to track down and counter such objectionable practices. But is it seriously believed that any producer, for that matter, any 50 gentlemanly London producers, would want a lower price and will indulge in speculation to depress the price of their own product? Merely to pose the question is to make plain the hollowness of any such suggestion. Producer speculation, if it occurs, can only be aimed at pushing the price up—I don’t think Honourable Members will have any objection to that. In actual fact, speculation turns on buying low and selling high, and thus it is the intermediaries in the pipeline between actual producer and actual consumer who can make a fast buck in this way and whose activities we are determined to curb from becoming extreme.

With the emphasis on realism, I welcome the advice offered by certain Honourable Members about the need to avoid upsetting any existing system merely for the sake of change. The Government’s policy is to become master in its own house and to exert

the influence on trading practices which the biggest natural rubber producing country must, I think, rightly have. But it intends to attain this objective constructively and step by step. It is going to re-model and to build new features on the best of the existing features. We do not go “charging about like a bull in a china shop” for the compelling reason that all experience everywhere shows that when market conditions become chaotic and customer confidence eroded, the first and heaviest sufferer is the small primary producer. For that reason, I cannot accept any suggestion of nationalisation, nor an unnecessary curtailment of equitable profits, in the private sector, including foreign investors. We should not look upon the rubber plantations owned by foreign companies as an encroachment of our sovereignty, even if the total acreage of these plantations come to the size of Negri Sembilan. On the contrary, we should look upon these huge estates as a testimony to the stability of Malaysia and the powerful attraction she poses to foreign investors. Honourable Members should not forget the multiplier effect of these investments in our economy and the employment opportunities generated by them.

Our aim, Mr Speaker, Sir, is to re-model the market beneficially. In doing so, we shall co-operate to the full with those who will support and collaborate with us. At the same time, we may have to cut adrift from those who stand aside and seek solely to prop up their own selfish interest.

Let me now speak about what the Bill attempts to do. It is to repair our fences at home, to plug any leaks in the system and enlarge induced bottlenecks. In simple language, discipline and order in marketing at home can ensure that within the prices dictated by supply and demand considerations in the international market, the producer, particularly the small producer, obtains his equitable share.

Let me also emphasize that this Bill cannot by itself be considered as a solution to all the smallholder problems such as holdings of uneconomic size, poor planting materials, lack of technical inputs, etc. These have got to be looked into in the other Bills. I am sure

Honourable Members will have occasion to debate on those features when they come to the other Bills and I would accordingly reply to them when I deal with those Bills.

Let me deal with M.R.D.C. now. The Malaysian Rubber Development Corporation has come into being for the purpose of ensuring that all smallholder rubber can ultimately be processed and marketed centrally through this body. This Corporation has already gone through its growing pains. It was first a division of the R.R.I.M. It was then enlarged into a Company of the M.R.F.B. Now, it has acquired fresh muscle and stamina as a Corporation with Government backing. The M.R.D.C. is not, as one Honourable Member suggested, a new Corporation to be established. It has been in existence for nearly six years in one form or another. The responsibilities attached to this Corporation are too great for it to expand to plantation operations. The M.R.D.C. has already shown its effectiveness in being able to attract smallholder production to its factories. Each of these factories can process 10 tons to 20 tons of rubber per day. New factories under construction will have increased capacities even up to 100 tons per day. Rubber from these factories appear under the S.M.R. scheme in as high a quality grade as is available in the estate sector. The M.R.D.C. already markets more than 50% of its production directly to overseas consumers. The Corporation should on the basis of the present plan alone be in a position to process and market nearly 300,000 tons of smallholder rubber by 1975 in the S.M.R. form. The Corporation has recently been given a directive to take immediate action to enlarge its scope in the interim stage to purchase and market conventional rubber. This directive is to enable the benefits accruing from M.R.D.C. operations to be spread to a wider sector of smallholders pending the establishment of the planned new processing factories under the Second Malaysia Plan.

I can say categorically that M.R.D.C. is a Corporation which will not only be viable but it will grow to meet its full objectives. There is no comparison of this Corporation with the earlier efforts of R.I.D.A. on central processing. M.R.D.C. is backed by the full technology that is available from the R.R.I.M. M.R.D.C. is fully backed by the Government. It represents an integral feature of the new

economic policy. While we in the Government are equally impatient to make the Corporation expand as fast as possible, in the interest of viability, commercial sense and efficiency, the Government is constrained to take a pragmatic approach. Pragmatism in this respect is limited only to generate the required expertise and manpower for the immediate involvement in areas that were not originally conceived. I refer here to the involvement of M.R.D.C. immediately in conventional rubbers. Any analysis of smallholder return in the vicinity of the M.R.D.C. factories would clearly indicate that smallholder returns in these regions have, in fact, been significantly raised, in some cases by some four cents to five cents per pound. The question of Government purchase of rubber, which was referred to by an Honourable Member, would in future be taken care of by Government purchases being done through M.R.D.C. directly from the smallholders. The two activities cannot and must not be confused. M.R.D.C. must operate as a commercial entity. The Government will merely make use of the Corporation to reach the smallholder direct. With the enlarged scope of the M.R.D.C. to deal with conventional rubber and taking into consideration the need for a pragmatic approach, I can conservatively estimate that this Corporation should be dealing with over 400,000 tons of smallholder rubber by 1975 and by 1980 the figure could, indeed, reach gigantic proportions. There are few single synthetic rubber corporations that deal with rubber to even half this capacity. Economy of scale considerations should allow the M.R.D.C. to provide marketing services on par with the synthetic sector. The SMR scheme and the new processing central factories in the industry as a whole have already enabled both the large estate and remiller sectors to consolidate their production and marketing activities. This revolutionary approach must inevitably lead in the context of M.R.D.C. development to the growth of large central marketing units. Having described the evolutionary process for the M.R.D.C., it is implicit that there will be ample areas in the smallholder sector in which the conscientious primary dealer will find profitable roles to play even while supporting the national concept. While this is in progress, the interim situation has to be reckoned with.

Let me now come back to this Bill again. The marketing structure in the industry consists of a regulating function by the Malaysian Rubber Exchange, a quality control and packers and shippers licensing function by the M.R.E.R.B. and the various dealer licensing Enactments under the Government structure. Firstly, what the Bill seeks is to bring all these functions in an integrated manner under one unified Board of Control. For too long, the trade alone has controlled the operations of the M.R.E. and M.R.E.R.B. The production side must now be well represented and in this context the smallholder sector must have a definite say.

Setelah menyatakan demikian, Tuan Yang di Pertua, saya suka menegaskan bahawa tidak akan menjadi keuntungan kepada perusahaan getah seluruhnya jikalau ahli-ahli dari pihak peniaga-peniaga atau pihak berkemahiran dan pengalaman pasaran yang ada pada bidang estet-estet diketepikan dalam Lembaga ini. Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah membahaskan keanggotaan Lembaga tersebut terutama sekali tentang perlunya menambah lagi perwakilan pekebun-pekebun kecil daripada yang telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi sekiranya pertimbangan wajar diberi keatas tanggungjawab yang sepatutnya diselenggarakan oleh Lembaga ini dan kemahiran perlu untuk menyempurnakan tanggungjawab itu, maka bolehlah kita katakan dengan jujur bahawa kepentingan pekebun-pekebun kecil tidak akan dapat diperjuangkan dengan tidak menggunakan kerjasama dari pihak pedagang yang mahir dan dari pihak estet yang seperti pekebun-pekebun kecil juga suka melihat harga getah naik tinggi.

Perwakilan bukanlah untuk melaga kekuatan dengan bilangan, tetapi mengadakan satu Lembaga yang berpengalaman, yang berpengetahuan penuh dan yang akan boleh melawan cabaran-cabaran dalam mencapai perubahan terutama sekali dalam beberapa tahun yang akan datang yang kita ingin hendak capai untuk negara ini. Di bawah Rang Undang-undang ini, kalau dibandingkan dengan keadaan yang tidak memberi perwakilan sama di bawah Undang-undang lama, saya fikir buat sementara Pekebun-pekebun Kecil patutlah dapat bersyukur dengan dua wakil dahulu. Begitulah juga mengenai soalan Pengerusi Lembaga tersebut. Apa yang mustahak ialah kepentingan

professionalism dan dedication. Barang siapa yang dilantik menjadi Pengerusi hendaklah mahir dan berpengalaman luas dalam bidang perdagangan getah di dalam negeri serta di kalangan antarabangsa. Pengerusi yang dilantik hendaklah juga menyokong penuh atas dasar dan tujuan Kerajaan dan sedia berusaha dengan seberapa daya upayanya untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut.

As I mentioned earlier, Mr Speaker, Sir, the natural rubber market has national and international implications. Those associated with the Board, therefore, must be well-acquainted with the internal and external factors. This requires, in addition, the essential element of professionalism in the executives attached to the Board. The composition of the Board should strike the right balance among the smallholder and estate interest, on the one hand, and the role of the infra-structural supporting organisations and the very necessary and active concern and interest of the Government, on the other. The new Bill seeks to achieve this. With this Bill, the Government does not pretend that the marketing problems will be solved overnight. This must be considered as the first step, a necessary step no doubt, to achieve a measure of objective discipline and standards in the transactions internally and externally in the marketing system. This must be followed up by an in-depth study of the external factors which the Honourable Minister of Finance referred to in his statement. The Government is conscious of the need for speed and has already taken action to initiate such a study. The Government realises that the industry has gone through these price swings many times in the last few years. It is for this very reason that the Government appointed a Task Force and this Bill represents the first step in the Government's determination to provide not only short-term solutions but also to create once and for all a constructive and dynamic approach which will spell stability for the natural rubber industry for many years to come. I agree with the Honourable Members who have stressed the need for more effective Government involvement in the affairs of the market. I can assure the House as Minister responsible for the rubber industry that the natural rubber industry has received,

and will receive, priority attention from me and I will be keeping a very close watch on the progress and all the ramifications that must ensue after the Bill is passed.

Let me now deal with a legal point raised by an Honourable Member relating to the provision of Section 11 (2) of the Bill. At present there are numerous enactments dealing with rubber licensing, both in West Malaysia and East Malaysia, which I have already enumerated in my introductory speech on the Bill. The new M.R.E.L.B. Act will necessarily have to be super-imposed on the existing legal structure. Some of these enactments will no doubt have to be repealed or amended in the spirit of the new Bill. However, to effect these changes properly would require time. In order to expedite revisions of existing rubber enactments, the provision of Section 11 (2) becomes necessary. This provision is not in any way *ultra vires* the Constitution since the Minister is here acting precisely by virtue of the powers delegated to him by this Honourable House.

In the course of the preceding debate on this Bill, it has also been suggested that there should be a guaranteed minimum price for rubber. A guaranteed minimum price for rubber is not practical at this stage for the following reasons:

- (1) It will be difficult to fix what should be the minimum price as efficiency and production costs vary between estates and smallholdings, and even amongst smallholders themselves.
- (2) Too high a minimum price will mean that the Government would have to subsidise rubber production. Is this within the Government's financial capacity to shoulder? This is a very difficult question to answer.
- (3) A discriminatory guaranteed minimum price (e.g. only for smallholders below a certain acreage) would be inequitable and very, very difficult administratively to implement, in view of the fact that even now we have no direct contact with the smallholders in terms of the marketing changes.
- (4) A G.M.P. Scheme with fixed prices becomes indirectly a price stabilisation scheme. There is the danger that at certain times as, for example, at present,

the minimum price may become a ceiling price for natural rubber in the international markets.

- (5) A G.M.P. Scheme can only be effective if the Government becomes the sole buyer and seller. This, in my view, may be interpreted as the first step towards nationalisation of the marketing of Malaysian rubber.

A G.M.P. Scheme for padi by comparison, or rather by contrast, is feasible because all the padi purchased is for domestic consumption. In the case of rubber, barely 1.5% of Malaysian production is consumed locally.

It now remains for me to reply to the suggestion made as to the possibility of creating an authority with a rather formidable initial—S.P.R.D.I.M.A.—which comes from the Honourable Member for Bungsar. He suggested an authority be established to look after planning, production, research, development, implementation and marketing—all concerned with rubber, all wrapped in one! This certainly sounds more like a complete spectrum of the power assigned to me under my rubber portfolio and I cannot see the possibility of setting up any single organisation which can shoulder all these functions together. I think anybody who would analyse it with a background of administrative experience would reject the idea immediately.

Seorang Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menempuh banyak cabaran dalam melaksanakan langkah-langkah di bawah undang-undang ini, dan beliau telah bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menggesa supaya Kerajaan bertindak tegas dalam menjalankan pelaksanaan itu.

Tiap-tiap langkah yang mengubah kaedah perdagangan dan perindustrian mestilah ada kesannya ke atas pihak swasta. Bagi mereka dari pihak swasta yang benar-benar memandang jauh ke hadapan dan memandang kepentingan dari segi kepentingan kebangsaan, langkah Kerajaan akan mendapat sokongan dari mereka.

Dalam masa beberapa tahun yang akan datang kita akan melaksana hasrat undang-undang dan matlamat-matlamat baharu kita ini, masalaah lain daripada bangan

pihak-pihak yang tidak setuju mungkin juga akan berlaku daripada satu masa ke satu masa. Dalam menempuh semua masaalah-masaalah ini dan cabaran-cabaran ini, kita akan bersikap tegas. Dengan adanya sokongan daripada sebahagian besar dari pihak yang terbabit dalam perusahaan getah dan dengan adanya sambutan baik dan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya yakin kita akan dapat mencapai perubahan yang dimaksudkan di bawah dasar baharu ini.

Sebagai penutup, Tuan Yang di Pertua, saya dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih atas segala teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sokongan-sokongan mereka itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 3 (2) dipinda mengikut pindaan yang telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Pindaannya adalah seperti berikut:

*Fasal 3 (2)—*Gantikan perenggan (d) dengan yang berikut—

“(d) empat orang wakil dari perusahaan getah, dua orang daripada mereka hendaklah mewakili sektor estet perusahaan getah dari antara orang-orang yang dinamakan oleh Majlis Pengeluar Getah dan dua orang lagi itu hendaklah mewakili sektor pekebun-kecil dari perusahaan getah;”

*Clause 3 (2)—*Substitute for paragraph (d) the following—

“(d) four representatives of the rubber industry of whom two shall represent the estate sector of the rubber industry from the nominations of the Rubber Producers' Council and two others shall represent the smallholder sector of the rubber industry;”

Fasal 3 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENYELIDIKAN GETAH MALAYA (PERLUASAN DAN PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, setelah mendengar hujah-hujah Ahli Dewan semasa membahaskan Rang Undang-undang yang baharu diluluskan tadi, izinkan saya selaku Menteri yang bertanggungjawab di atas Perusahaan Getah ini berucap beberapa minit kepada Dewan sejajar dengan semangat dan pemikiran yang berdasarkan kelima-lima Rang Undang-undang Perusahaan Getah Asli. Memandangkan tiap-tiap satu Rang Undang-undang tersebut ada kaitannya dengan lain-lain sektor perusahaan ini, dan oleh kerana tiap-tiap satu sektor ini berhubung rapat antara satu dengan lain, maka tiap-tiap sektor itu hendaklah dipertimbangkan pada keseluruhannya supaya kita mudah faham tentang segala langkah-langkah yang akan diambil. Rakan saya, Menteri Kewangan, dalam Kenyataan Kerajaannya di Dewan ini pada 8hb Ogos mengingatkan betapa mustahaknya diadakan satu dasar negara terhadap getah sesuai bagi keperluan-keperluan tahun-tahun tujuh-pulohan dan lapan-pulohan. Dalam membentangkan cadangan-cadangan yang akan diambil, Tun Tan telah memberitahu Dewan tentang pengaruh yang amat besar

perusahaan Getah Asli terhadap ekonomi negara, peluang bekerja dan kemajuan luar bandar. Pelaburan terhadap perusahaan ini telah berjumlah berjuta-juta ringgit dan lebih dari satu per enam penduduk negara ini bergantung terus kepada perusahaan ini. Dalam hal inilah, maka saya terangkan kepada Dewan dengan lebih teliti lagi implikasi-implikasi Rang Undang-undang tersebut. Rang Undang-undang ini sudah barang tentu tidak boleh dianggap sebagai ubat kepada segala penyakit ataupun penawar sakti kepada semua penyakit bagi perusahaan Getah Asli. Ia lebih sesuai dianggap sebagai suatu kelengkapan bertindak, ada yang sebagai penggalak bagi penyelidikan dan kemajuan, ada yang sebagai penawar bagi pihak sektor pekebun kecil dan yang lainnya untuk membangkitkan semangat bertata-tertib dan menjaga mutu baik dalam pemasaran getah. Yang demikian kesemuanya ini memberi dasar yang kukuh bagi mempengaruhi segala kegiatan di bawah jagaan kita secara dinamik dan teratur.

Akta Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu (Memperluas dan Pindaan), 1972, bertujuan untuk membuat pindaan kepada Akta Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu, 1972 bagi tujuan-tujuan yang berikut:

- (1) Memperluas kegiatan-kegiatan Pusat ini ke seluruh Malaysia dan tidak hanya kepada Malaysia Barat seperti sekarang. Ini sesuai dengan kehendak Rancangan Pembangunan Kedua.
- (2) Menyusun semula Lembaga supaya memberi faedah yang lebih berpatutan kepada sektor pekebun kecil dan kepentingan kemajuan getah di Malaysia Timur. Perusahaan getah telah menghadapi beberapa perubahan sejak beberapa tahun yang lalu dan hari ini kebun-kebun kecil melebihi 60% jumlah keluasan getah dan 50% jumlah pengeluaran getah. Lembaga Pusat ini semestinyalah bertanggungjawab terhadap perubahan dalam perusahaan ini.

Dengan adanya Rang Undang-undang baru ini tidaklah bererti akan berlaku perubahan serta-merta terhadap tugas-tugas dan susunan Pusat ini. Walau bagaimanapun sudah barang tentu ada perubahan-perubahan tertentu di dalam kegiatan-kegiatan Pusat

tersebut sepertimana yang dicadangkan oleh Kerajaan yang mana tidak memerlukan kuatkuasa undang-undang. Izinkanlah saya memberi penerangan yang lebih lanjut lagi terhadap perkara ini:

Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu telah dari dulu lagi ditugaskan bagi memikul tanggungjawab menjalankan beberapa aspek penyelidikan terhadap pengeluaran dan juga bertanggungjawab memberi maklumat tentang segala hasil penyelidikan kepada Kerajaan dan perusahaan ini. Di dalam bidang ini, mereka yang berkecimpung dalam perusahaan getah akan bersetuju bahawa Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu telah menjalankan satu tugas yang cermerlang. Dari usaha-usaha yang dijalankan oleh Pusat inilah maka sekarang, misalnya, kita dapat mengadakan:

- (1) Benih yang mempunyai hasil tinggi dengan pengeluaran lebih dari 2,000 paun/seekar/setahun.
- (2) Cara-cara pembiakan benih yang bukan sahaja dijalankan secara moden tetapi juga dapat mengatasi kecelakaan angin dan penyakit-penyakit daun.
- (3) Amalan-amalan pertanian yang mendatangkan penghasilan banyak di samping menjaga kesuburan pokok.
- (4) Cara-cara menoreh dan penggunaan ubat penggalak susu untuk melipatgandakan penghasilan pokok-pokok yang tidak bermutu tinggi yang terdapat di kebun-kebun.
- (5) Cara-cara penyediaan getah asli supaya dapat dipersembahkan setaraf dengan getah-getah tiruan dan rancangan memeringkat mutu getah secara teknik (S.M.R.) dapat diterima oleh pengguna-pengguna dengan baiknya, dan
- (6) Pendapat-pendapat baru mengenai cara memproses getah supaya Getah Asli dapat digunakan bagi tujuan-tujuan tertentu oleh pengguna-pengguna, seperti getah S.P., getah C.V., dan getah tayar, dan lain-lain.

Dari segi pengeluaran, memproses dan persembahkan, kita mempunyai teknik-teknik baru yang diperlukan untuk menandingi Getah Tiruan dengan lebih berkesan

lagi dari segi mutu dan belanja atau pun kos. Bagaimana dengan masa depan getah kita? Mengubah kegiatan-kegiatan dan mengutamakan mana yang patut diutamakan adalah sejajar dengan kehendak-kehendak undang-undang baru ini. Perkara-perkara ini ialah:

A. Suatu tugas penting Pusat ini ialah untuk menentukan segala pendapat-pendapat baru sentiasa segera diambil oleh semua pengeluar getah. Sektor ladang lebih cepat mengambil dan mengamalkan pendapat-pendapat baru. Baginilah hendaknya. Tetapi malangnya keadaan di kalangan pekebun kecil tidak begitu. Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil Pusat ini telah berusaha melaksanakan pembaruan di dalam tahun-tahun kebelakangan ini sejajar dengan bertambah pentingnya sektor pekebun-pekebun kecil yang mewakili lebih dari 60% keluasan getah dan 50% pengeluaran getah negara ini.

Kerajaan mengakui bahawa:

- (a) Pusat inilah yang mula-mula memajukan Lembaga Kemajuan Getah Malaysia (M.R.D.C.) bagi memperoses getah-getah pekebun-pekebun kecil menjadi getah S.M.R.
- (b) Pusat inilah yang telah membuktikan dengan nyatanya faedah-faedah dari tanaman kontan, cantuman hijau dan jembala, mengesyorkan penggunaan baka-baka baik dan baja-baja dan Pusat Penyediaan Getah Berkelompok.
- (c) Pusat ini telah pun membuktikan cara-cara menggunakan penggalak susu yang boleh menguntungkan dan yang boleh diamalkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Walau bagaimanapun masanya telah tiba bagi memesatkan lagi perkembangan ini secara besar-besaran. Untuk tujuan ini sangat perlu diperluaskan kegiatan-kegiatan di sektor pekebun-pekebun kecil. Apa yang lebih mustahak sekarang ialah: pertamanya penyelidikan amali di mana hasil-hasil penyelidikan ini lebih disesuaikan lagi bagi sektor pekebun-pekebun kecil. Dan keduanya ialah kegiatan-kegiatan pengembangan seperti pelajaran, tunjok-ajar dan dakyah hendaklah diperhebatkan bagi memenuhi keperluan-keperluan baharu terhadap Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang lain.

Oleh itu pentinglah disesuaikan tujuan-tujuan penyelidikan ini mengikut keadaan-keadaan tertentu dikalangan pekebun kecil. Kedua ialah menentukan yang RISDA itu akan disokong oleh satu perkhidmatan nasihat yang kuat.

Bidang kedua yang mustahak ialah penyelidikan terhadap penggunaan getah dan perkembangan perindustrian yang berasas kepada getah. Sejajar dengan tujuan memperluaskan eksport getah, negara kita bertahun-tahun yang lepas telah memberikan bimbingan teknik kepada pengguna-pengguna diseberang laut. Bimbingan ini telah diberi oleh ketiga-tiga unit Lembaga Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu iaitu:

- (1) Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu—yang memberi bimbingan teknik kepada negara-negara di Australasia, Asia dan Timur Tengah.
- (2) Persatuan Penyelidikan Pengeluaran-pengeluaran Getah Asli—yang memberi bimbingan teknik kepada negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.
- (3) Biro Getah Asli—yang memberi nasihat teknik kepada Amerika Syarikat, Australasia, Jepun, Jerman, Austria, Itali, Sepanyol dan India.

Bertahun-tahun lamanya, Persatuan Penyelidikan Pengeluaran-pengeluaran Getah Asli (N.R.P.R.A.) telah memusatkan penyelidikan terhadap penggunaan getah dan telah bertanggungjawab kepada kemajuan-kemajuan teknik di dalam bidang penggunaan. Usaha-usaha memperluaskan penggunaan getah telah menguatkan lagi kedudukan getah asli di pasaran-pasaran negara-negara pengguna seberang laut. Begitu juga dengan perkhidmatan nasihat teknik kepada pengguna-pengguna telah membolehkan Malaysia melahirkan beberapa orang pakar yang sesuai bagi perusahaan getah tempatan. Penyelidikan Getah Tanah Melayu (R.R.I.) yang pada masa ini menitikberatkan penyelidikan terhadap pengeluaran getah mentah, hanya sedikit sahaja terlibat di dalam penyelidikan penggunaan. Keadaan ini telah bertukar corak dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan Pusat tersebut telah mula mengadakan ahli-ahli teknologinya sendiri. Malah saya dapat tahu yang R.R.I. mempunyai 12 orang ahli teknologi yang terlatih secara professional. Setengah daripadanya telah diberi peluang bekerja di

kilang-kilang pengguna seberang laut mitalnya di kilang-kilang membuat tayar. Soal yang dianggap penting dalam segi ini ialah keadaan kilang-kilang perusahaan getah di Malaysia. Hari ini cuma 20,000 tan dari sejumlah 1.3 juta tan getah asli keluaran Malaysia digunakan oleh perusahaan tempatan. Dalam ucapannya kepada Dewan, rakan saya, Menteri Kewangan telah menegaskan betapa perlunya diperluaskan penyelidikan penggunaan getah, terutamanya dibidang-bidang penggunaan baru bagi getah asli. Dalam hubungan ini dan secukupnya pula dengan dasar Kerajaan memperluaskan peluang bekerja dan memperbanyakan eksport barang-barang buatan, segala usaha hendaklah di tumpukan untuk memajukan kilang barang-barang getah tempatan. Malaysia hendaklah menuntut balik faedah-faedah perkembangan dengan memperluaskan perusahaan-perusahaan tempatan dengan menggunakan barang-barang mentahnya yang begitu banyak sekali. Dengan kemajuan ekonomi yang dialami oleh negara-negara perindustrian dan juga negara-negara membangun, permintaan terhadap barang-barang perindustrian kepada getah sebagai bahan penting akan meningkat. Tambahan lagi perusahaan seumpama ini dijangka akan memberi kesan memperhebatkan perkembangan perindustrian dalam negeri ini.

Ada beberapa faktor yang boleh diselami oleh perusahaan-perusahaan tempatan yang memerlukan getah di Malaysia. Di antaranya ialah getah yang bermutu tinggi dengan belanja yang rendah, upah buruh yang rendah, ekonomi yang stabil dan adanya pakar-pakar sains dan teknologi getah. Bagi mengambil kesempatan yang lebih luas terhadap faedah-faedah ini, kita mestilah mempergunakan usaha-usaha dan pakar-pakar dari N.R.P.R.A. dan memperluaskan kegiatan-kegiatan dalam bidang teknologi di R.R.I. Perkara-perkara yang berikut perlulah disediakan :

- (1) Penyelidikan penggunaan hendaklah diperluas dan dipergiatkan. Usaha menyelidik bagi mengukuhkan penggunaan getah cara lama akan beralah kepada strategy baru yang bertujuan mencipta penggunaan-penggunaan baru dan menawan balik beberapa bidang penggunaan getah yang dikuasai oleh getah tiruan.

- (2) Instituit Penyelidikan Getah Malaysia akan menjalankan penyelidikan dan perkembangan Pusat ini bagi pengeluaran dan penggunaan.
- (3) M.N.P.R.A. hanya menjalankan tugas cawangan penyelidikan dalam penggunaan terutamanya bagi faedah pengguna-pengguna di Barat sahaja.
- (4) Pakar-pakar teknologi M.N.R.P.R.A., dan Yunit Perkhidmatan Nasihat Teknik akan diperluaskan bagi membantu perusahaan getah di Malaysia.
- (5) R.R.I. sedang mengkaji usaha-usaha menyatukan kemudahan-kemudahan kilang-kilang memproses di Malaysia. Ini ada mempunyai pertalian dengan M.R.D.C. dan lain-lain kilang memproses getah di rancangan-rancangan tanah. Langkah ini bukan sahaja memberi faedah terhadap pengembangan perusahaan dan menempatkan perusahaan-perusahaan di luar bandar, tetapi juga ia sepatutnya memberi faedah teknologi dan ekonomi.

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, dari apa yang telah saya katakan semuanya termasuk ke dalam beban yang bertambah yang dipikul oleh R.R.I. Saya berkeyakinan, walau bagaimanapun berdasarkan kepada kejayaan yang lepas-lepas, terutama sekali dalam setahun dua kebelakangan ini R.R.I. akan dapat memikulkan semua tugas-tugas ini. Pusat ini bukan sahaja dapat menempuh ketegangan, tetapi kita juga berharap akan mendapat kejayaan yang sama dengan apa yang mereka capai di masa yang lepas.

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, izinkan saya sekarang membentangkan Akta Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu (Perluasan dan Pemindahan), 1972 dibaca bagi kali keduanya.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) ini.

Saya suka mengemukakan beberapa pandangan terhadap Rang Undang-undang ini dan juga pekerjaan dan tugas yang dijalankan oleh R.R.I. atau Pusat Penyelidikan

Getah Malaya sekarang dan suka hendak menyentuh tiga perkara di dalam hal ini iaitu tentang keanggotaan Lembaganya, kedua tentang penyelidikannya dan ketiga tentang pegawai-pegawai, kakitangan. Lembaga Kemajuan Getah Malaya yang saya tahu pada masa ini mengandungi 9 orang ahli iaitu termasuk 4 orang yang mewakili perindustrian getah dan daripada 4 ini sepatutnya 2 orang daripada sektor estet dan 2 orang daripada pekebun-pekebun kecil. Tetapi apa yang berlaku sekarang saya dapat tahu ialah daripada 4 itu 3 mewakili sektor estet dan daripada 3 itu pula dipecah-pecahkan pula mewakili masing-masing kepentingan iaitu satu daripadanya mewakili estet Inggeris, satu mewakili estet bukan Inggeris iaitu Perancis dan satu mewakili estet Malaysia daripada keturunan Cina. Jadi tinggalah satu yang mewakili pekebun-pekebun kecil. Ini rasanya semua bersetuju dengan saya adalah satu keadaan yang tidak sihat kerana pekebun-pekebun kecil itu bagaimana yang saya katakan pada hari semalam membincangkan Rang Undang-undang yang di bentangkan pada hari semalam iaitu pekebun-pekebun kecil itu mempunyai keluasan kawasan getah yang kalau dikira lebih daripada estet, dengan sebab estet sudah banyak dibahagi-bahagikan dan di pecah-pecahkan dan juga kebanyakan estet sudah pula bertukar coraknya menanam kelapa sawit dan seumpamanya. Dengan sebab itu, tidaklah wajar bahawa kedudukan di R.R.I. seperti hari ini dan Rang Undang-undang ini seperti yang dipinda pada Sekshen 4 (1) menggantikan perenggan (f) itu, saya bersetuju pada sebahagiannya. Dicapadangkan sekarang daripada 4 mewakili perusahaan getah ini dijadikan 6 iaitu 3 daripada sektor estet dan 3 daripada sektor pekebun-pekebun kecil.

Saya lebih suka, Tuan Yang di Pertua, kerana saya memikirkan lebih wajar dan lebih menasabah kiranya 3 yang mewakili sektor estet itu diturunkan kepada 2 dan yang satu itu diberi kepada FELDA. Jadi Seksyen 4 (1) itu bukan dengan sebab ada orang yang terlibat—Ahli Yang Berhormat FELDA ada duduk di sebelah saya—dia pun terperanjat tidak tahu, tetapi saya ada beberapa sebab yang patut FELDA diwakili di dalam Lembaga ini. Dan mengapa sektor estet patut dikurangkan daripada 3 kepada 2. Saya sudah katakan estet sekarang tidak merupakan lagi tentang keluasan tanahnya

yang ditanam dengan getah estet melebihi daripada pekebun kecil, walaupun dalam penyiasatan saya pengeluarannya hampir-hampir 50% daripada keseluruhannya 1.2 juta tan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu, tetapi dengan mengadakan 3 wakil daripada sektor estet dan 3 daripada pekebun, ini tidak wajar dan menasabah dan cukuplah pindaan memadai dengan 2 sahaja di situ dan satu daripada FELDA. Jadi dengan izin Tuan Yang di Pertua, nampaknya tidak ada di dalam bahasa Melayu dalam Seksyen 4 (1) (f), saya terpaksa kalau membacanya dalam bahasa Inggeris juga. Seksyen 4 (1) (f) berbunyi dengan pindaan saya, akan berbunyi bagini:

“(f) six members appointed by the Minister of whom two shall represent the estate sector of the rubber industry, one shall represent FELDA and three shall represent the smallholder sector of the rubber industry”.

Ini lebih menasabah, lebih sesuai, lebih wajar dan lebih mencerminkan perindustrian getah di tanah air kita ini, dan dengan adanya wakil FELDA di dalam Lembaga ini dapatlah FELDA faedahnya dan sebagai wakil tunggal, sebagai satu perbadanan yang tunggal yang menjalankan perusahaan getah. Dengan adanya menjadi wakil di situ dapatlah kemudahannya untuk mendapat faedah penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Getah dan juga dapat mengukuhkan kedudukan pekebun kecil, oleh kerana FELDA ini akan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas yang boleh disampaikan kepada pekebun-pekebun kecil dan pekebun-pekebun kecil pula dengan cara bagini dapat faedah dan usaha daripada RRI itu bagi faedah pekebun-pekebun kecil.

Ini sedikit sahaja tentang keanggotaan atau Lembaga ini, yang lain saya tidak ada apa-apa yang saya hendak tegor atau beri pandangan dan yang kedua saya katakan tadi tentang penyelidikan.

Bagaimana yang kita dengar baharu sebentar tadi daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama menegaskan dan inilah yang saya hendak sentuh iaitu jurusan penyelidikan, Pusat Penyelidikan, yang selama ini ialah menumpukan kepada penyelidikan pengeluaran dan dengan penyelidikan pengeluaran ini yang hanya menitikberatkan dan mementingkan tentang bagaimana hendak menambah pengeluaran getah.

Bagaimana hendak mengurangkan kos pengeluaranannya dan bagaimana menggunakan cara-cara atau method yang lebih berkesan yang mendatangkan hasil yang berlebihan dan lain-lainnya yang seumpamanya.

Mengenai penyelidikan kegunaan getah dan pasaran ini nampaknya diserahkan bulat-bulat selama ini kepada pusat yang mengadakan penyelidikan 8,000 batu jauhnya dari sini dan tempat yang tidak pun mengeluarkan getah selain daripada buat perhiasan di setengah-setengah pejabat dalam pasu untuk daunnya iaitu di England sana. Ini sudah tentu satu perkara yang tidak menyenangkan hati pihak kita di sini dan itu sebablah pada masa sekarang ini sentiasa harga getah kita bukan mengikut suhu atau keadaan iklim negara kita ini atau mengikut suhu atau iklim negara sana—iaitu ada musim siang-pula pendek, suhunya pun kadang-kadang melambung tinggi, ada masa terlalu sejuk terlalu rendah. Jadi sekarang ikutnya jatuh tinggi sekarang kerana panas di sana tetapi harga getah kita turun, terbalek, fasal kita di sebelah selatan khatulistiwa. Dengan sebab itu getah kita rendah harganya. Ini tidak memuaskan keadaan, dan dengan sebab itu juga tidak ada nampaknya penyesuaian atau koordinasi yang memuaskan di antara kedua institute atau pusat penyelidikan di sini menyelidik tentang perkara penyelidikan pengeluaran, sana penyelidikan kegunaan—research for producers and research for consumers dijalankan di tempat yang berlainan. Dan dengan sebab itu juga tidak adalah pengetahuan yang didapati daripada pusat penyelidikan yang dijalankan 8,000 batu dari sini itu memberi faedah kepada entrepreneur kita yang berusaha dalam bidang ini untuk menambahkan tentang penggunaan getah ini.

Dan begitu juga tidak ada galakan yang wajar dan secukupnya disertakan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada perindustrian tempatan bagi meniggikan lagi tentang penggunaan getah di setempat dan juga untuk membuat, mencipta dan mengadakan barang-barang keperluan hari-hari kita yang dibuat daripada getah untuk pasaran luar negeri. Dan juga dengan sebab itu tiadalah dapat pengetahuan teknologi dan hendak dikatakan know-how daripada penyelidikan dijalankan 8,000 batu dari sini itu untuk penduduk-penduduk atau rakyat Malaysia kita di sini.

Dan juga Malaysia sepatutnya mendapat pasaran yang lebih daripada sekarang ini kerana kitalah yang mengeluarkan getah dan sekiranya penyelidikan tentang penggunaan ini dijalankan di tanah air kita selama ini maka sudah tentu kita dari satu masa ke satu masa mengadakan beberapa barang-barang yang dibuat daripada getah tidaklah seperti sekarang bergantung hanya dengan beberapa sahaja seperti tayar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dan satu dua benda lain, kerusi yang di bawah untuk kaki sahaja dikeliling oleh getah dan beberapa barang-barang yang lain lagi. Ini mencerminkan kegiatan-kegiatan penyelidikan RRI selama ini dan tidak diberi persamaan tentang perkara yang patut dititikberatkan bukan sahaja untuk pengeluarannya tetapi tentang penggunaannya serta menambahkan lagi barang-barang yang boleh menggunakan getah dan dengan sebab itulah daripada 1.2 juta tan getah yang kita keluarkan bagaimana angkanya yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan pada masa membentangkan Rang Undang-undang tiga hari yang lalu yang baharu kita luluskan tadi, iaitu daripada 1.2 juta tan getah keluaran kita hanya 20,000 tan sahaja yang digunakan di sini kerana kita tidak luaskan penyelidikan kita tentang jurusan penggunaan itu.

Dan di sini saya sangat gembira mendengar daripada ucapan Menteri tadi iaitu dasar dan corak RRI masa akan datang ini akan diubah supaya nampaknya jurusan penyelidikan penggunaan ini akan dipergiatkan serta akan dititikberatkan dan saya rasa kalau perkara ini sudah dijalankan selama ini jadi sudah tentu RRI telah mendatangkan faedah yang lebih daripada yang sedikit didapati daripada wujudnya RRI dengan kakitangan yang begitu ramai.

Dan bukan itu sahaja yang mendukacitakan saya penyelidikan yang dijalankan begitu jauh dari sini di sebuah negara yang tidak mengeluarkan satu titik getah air atau susu getah pun dan satu pokok pun tidak ada melainkan perhiasan. Perbelanjaan penyelidikan itu dibiayai pula oleh badan yang rasa saya, Rubber Fund Bill yang kita akan bincangkan dalam masa persidangan Parlimen ini. Jadi, Tuan Yang di Pertua, sekiranya bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi penyelidikan yang akan datang ini dititik-beratkan ke arah jurusan penggunaan, maka ini sudah tentu

akan mendapat faedah yang besar kepada rakyat di sini dan kepada mereka yang berharap kepada perindustrian getah ini.

Dan akhir-nya, saya suka menyebutkan tentang kakitangan R.R.I. yang saya fikir terlalu penting. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan 12 orang professional katanya ada di sini bertugas sebagai tambahan—saya rasa, saya telah catit tadi, tidak dengar betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, saya dengar 12 orang sahaja.

Keadaan pegawai-pegawai dan kakitangan R.R.I., Tuan Yang di Pertua, sangat tidak memuaskan. Ini susah orang hendak mengetahui kerana R.R.I. selama ini boleh dikatakan bukan rumah getah tetapi Istana Gading (Ivory Tower). Banyak orang tidak hendak sentuh di situ, tak hendak pergi di situ, saya tidak hendak pergi di situ. Saya sendiri pun tidak berminat kerana satu batang pokok getah pun tidak ada, tetapi minat saya, dengan sebab kawasan saya ramai daripada penduduknya berharap, bergantung kepada getah dan kalau di masa dahulu kita kurang mengambil minat kepada R.R.I., dengan adanya Rang Undang-undang ini membuatkan diri saya bertambah cinta kepada R.R.I. dan bila seseorang itu cinta akan sesuatu, minatnya pun akan memuncak dan dengan sebab itu saya mengambil tahu lebih sedikit tentang R.R.I. ini, terutama sekali pada masa-masa yang akan datang dan saya suka mengambil tahu tentang keadaan staffing, iaitu pegawai-pegawainya sangat tidak memuaskan pada masa ini, kerana didapati tidak seimbang tentang pegawai-pegawainya di peringkat professional dan di peringkat pengurusan (management) sangat tidak seimbang dan begitu juga kakitangan peringkat bawahan juga tidak mencerminkan bilangan penduduk-penduduk di negara kita ini.

Ini ialah oleh sebab selama ini R.R.I., sebagaimana yang saya katakan: ibarat Istana Gading yang tidak disentuh oleh sesiapa. Alhamdulillah, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, kerana membawa Undang-undang ini untuk menambatkan minat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini terhadap R.R.I. dan mengambil tahu lebih banyak lagi tentang perjalanan Pusat Penyelidikan Getah sekarang ini dan pada masa-masa yang akan datang. Saya minta, Tuan Yang di Pertua, supaya

Lembaga yang akan datang ini, apabila dilaksanakan Undang-undang ini memerhatikan hal ini dengan serious supaya dapat diseimbangkan kakitangan-kakitangan, terutama sekali di peringkat professional dan juga pengurusan supaya dapat mencerminkan bilangan penduduk di negara kita ini dan saya suka mengesyurkan bagi mempercepatkan perseimbangan ini terlaksana patutlah pihak Pusat Penyelidikan Getah dan mengesyurkan kepada Lembaga yang baharu ini supaya mengadakan beberapa biasiswa atau juga siswa-siswa (fellowship) bagi mereka yang ada berpengalaman, yang cukup berkelayakan supaya mereka ini dapat segera mengambil tempat-tempat yang diperlukan oleh Lembaga Pusat ini. Ini ada dilakukan oleh beberapa perbadanan yang lain seperti Lembaga Letrik Negara, yang ada mempunyai rancangan biasiswa dan latihan yang sangat memuaskan dan juga saya dapat tahu FELDA ada juga menjalankan rancangan ini, sebagaimana yang saya baca di dalam surat khabar baharu-baharu ini—mengikut Pengerusinya, ada dijalankan.

Kalau benar-benar kita jujur dan juga serious terhadap keanggotaan di dalam jumlah staff atau kakitangan pekerja-pekerja di jurusan, di lapisan-lapisan di R.R.I. di sana, patutlah Lembaga yang baharu ini mengambil perhatian yang berat terhadap soal ini dan sekali lagi, Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang mencadangkan Bill ini, kerana sangat sesuai dengan keadaan di negara kita supaya perindustrian getah ini dapat berjalan dengan pesatnya dan mendatangkan faedah yang lebih kepada negara kita ini, khususnya kepada mereka yang bergantung kehidupannya kepada getah.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): Tuan Yang di Pertua, saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Diizinkan.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) This is a Bill which is of great importance and significance for the future of the rubber industry and also the rubber holders of Malaysia. The Rubber Research Institute has no doubt carried out some good work and has produced some results. By their research the amount of latex that flows out

from a rubber tree has been made to double and sometimes treble the normal amount of latex that flows from a tree by the application of chemicals on the bark of the tree. This method, unfortunately, has resulted in the tapping life of the tree being considerably reduced or shortened. This method of increasing the output of latex is, no doubt, a short-term policy which produces immediate benefit to the rubber holders but to keep the flow of latex continuing, the rubber holders have to spend quite a large sum of money in the way of fertilizers for their rubber holdings. The nett result is that all the latex is drained out of the trees sooner than expected and we are left with only bare trees which can be useful only for firewood purposes.

The Rubber Research Institute of Malaysia was originally established for the purpose of research into and investigation of all the problems and matters relating to rubber. As a result of putting into effect research, there is a greater flow of latex in this country but unfortunately no alternative has been found to utilise all the available rubber either here or abroad. Consequently, the price of rubber has dropped and no steps have yet been undertaken by this Research Institute to find out ways and means to boost up the earning capacity of the rubber holders by exploring ways and means of increasing the flow of latex and at the same time finding a suitable market for it by the use of this latex in articles of everyday use in this country and abroad. To carry out this purpose, wider powers, I might say, should be given to this Research Institute to enable them to perform this task properly. The original purpose of this Act was to enable them to carry out research work connected with all matters and problems relating to rubber. Therefore, I see no reason why the powers should not be given to this Institute to look into the possibility of finding suitable markets by making available rubber for use in articles and goods of everyday use.

The Rubber Research Institute should also do intensive research work for the eradication of termites which are found under the roots of rubber trees. Large estates, of course, are able to overcome this problem by themselves but smaller estates stand helpless. Their trees which are affected by termites which eat away the roots, die off naturally. Something must be done to help the smallholders.

There is another matter which requires the attention of the Rubber Research Institute. At the moment replanted budgrafted trees take about 7 years before tapping can be carried out. I hope the Rubber Research Institute will carry out some research work to see if the budgrafted rubber trees can be tapped within a period of, say, three to four years, as in the case of the oil-palm trees which start bearing fruits in about three years.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengambil peluang menyokong Bil yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, meminda Akta Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, 1966.

Tuan Yang di Pertua, sejak mendiang Tuan D. N. Ridley membawa getah daripada Brazil ke Malaysia, kemudian itu penyelidikan dan sebagainya dijalankan oleh RRI Malaya, saya rasa sedikit sangat kepujian yang boleh diberikan kepada pejabat dan Pegawai RRI ini. Saya sifatkan pendirian dan telatah mereka di sana seperti pepatah Melayu mengatakan: Pahat dengan tukul, Tuan Yang di Pertua, kerana sekali dipahat, sekali dia berjalan. Dua kali dipahat, dua kali dia berjalan—tidak lebih daripada itu.

Kalau diteliti dan mendalami telatah orang-orang ini, Tuan Yang di Pertua, langsung sifat nationalism tidak ada, sudah tahu dia hendak mengeluarkan getah banyak, mengapa tidak difikirkan dan beri nasihat kepada Kerajaan gunakan sebahagian besar daripada keluaran utama negara kita ini untuk bahan-bahan yang digunakan hari-hari oleh negara kita atau dunia amnya. Inilah sebabnya saya katakan, Tuan Yang di Pertua, Tuan D. N. Ridley seorang yang boleh membuat satu barang yang terkemuka sekali dalam dunia ini. Tetapi beribu-ribu orang pegawai-pegawai yang terus berkait atau pun tidak langsung dengan RRI ini cuma menumpukan perkara-perkara yang hendak mencari salah sahaja dijadikan sebagai scapegoat, dan term of reference kami tidak sampai tentang menggunakan barang-barang mentah kita untuk kegunaan barang-barang kita dipakai hari-hari, sebab ada lagi satu Pejabat Penyelidikan di London sana. Itulah saya katakan, Tuan Yang di Pertua, orang-orang ini tidak boleh diberi pujian atau pun tidak ada sifat nationalism

kerana apabila kita fikirkan orang-orang macam di negeri Taiwan, England, Amerika saya rasa, kalau getah ini keluar di Taiwan, di Amerika atau di England, nasib getah kita ini tak begini rupanya pada hari ini. Jadi daya usaha atau inisiatif pada orang-orang kita ini dikatakan pandai, tetapi tidak sampai ka mana, inisiatifnya kurang sekali. Saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh di atas orang-orang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya fikir daripada hari ini hingga ke hadapan dan siapa pun tahu getah ini kita mesti gunakan untuk pakaian, makanan dan bermacam-macam rupa lagi barang kegunaan hari-hari. Barang diingat kita boleh buat getah ini dari mangkok pinggan, macam di Parlimen ini kita jangan pakai lagi carpet yang semacam ini bahkan carpet daripada getah, kita boleh buat, tetapi pegawai-pegawai kita ini tidak mengambil peluang sedemikian. Umpamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melawat, ada satu perkara yang tiba-tiba datang buat-buat terkejut kononnya dengan membuat satu research baharu hendak digunakan getah untuk buat jalan. Buat jalan berapa persen, Tuan Yang di Pertua, tak usah cerita, cerita lama jangan bawa ka negara ini lagi, kerana kalau getah ini hendak digunakan untuk buat jalan peratusnya sangat kecil. Cerita kepada budak sekolah, boleh kita percaya kepada orang dewasa macam saya ini, saya tidak terima. Jadi buat satu-satu perkara yang boleh menggunakan getah ini cara lebeh berluasan.

Tuan Yang di Pertua, kita tengok macam Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara, dia dengan tidak ada research pun, dia telah menggunakan bahan daripada pokok-pokok getah untuk membuat arang batu. Jadi itu adalah usahanya yang besar bukan keluaran daripada RRI. Seseorang boleh buat tenaga yang bagini, RRI tidak dapat. Kalau RRI kata mereka itu bijak, mereka tentu keluarkan tiori lebih dahulu daripada Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara. Jadi begini gayanya pegawai kita, pegawai yang menggunakan makan belanja yang begitu banyak tidak dapat menandingi dengan seorang manusia.

Tuan Yang di Pertua, barang diingat semasa Jepun dahulu kita pakai getah ini, dimasakkan menjadi petrol kereta—boleh

jalan, tetapi asapnya banyak—motokar, lori dan sebagainya, tetapi mengapa tidak diasiat jurusan ini supaya boleh kita gunakan. Petrol datang daripada negeri Arab, Brunei dan sebagainya, banyak kilang dari luar negeri, boleh menjalankannya. Tetapi mereka tidak ada berfikir langsung. Saya rasa, kalau kita tumpukan tenaga kita, tentu kita boleh dapat barangkali mereka berkata tidak ada ekonomik, ini selalu sahaja ada dalihnya, atau pun membuat kiraan terlampau awal, tidak ekonomik dan sebagainya, tetapi usaha yang bersungguh-sungguh tidak ada.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan keahlian ini pun saya telah menegur pada hari kelmarin dalam satu Bil yang telah diluluskan, iaitu saya menguatkan supaya Pengerusinya datang daripada Wakil Rakyat—wakil Dewan Rakyat. Kerana kami sudah pun membuat siasatan, membuat langkah dan pandangan saya, ini telah pun ditegur dengan hebatnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan kami sudah ada susunan iaitu hendak berlumba-lumbaan hendak menjadi Pengerusi. Kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memberi pandangan dan menyatakan terus kepada beliau iaitu bukan di sini sahaja kami telah buat bahkan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Rancangan Malaysia Yang Kedua, kami dan rakan-rakan kami secara diam-diam tidak macam Parti PEKEMAS bercakap-cakapan sama sendiri dan ahli-ahlinya pun dia tidak tahu yang mana, saya dan rakan-rakan di negeri Perak telah pun membawa ahli-ahli daripada PEKEMAS masuk dalam Persekutuan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Barat, tetapi Ahli dari Batu dia tidak tahu. Ahli-ahli PEKEMAS di peringkat Negeri Perak mereka tak kenal pun Ahli Yang Berhormat dari Batu. Mereka mengatakan Ahli Yang Berhormat dari Batu itu mengambil lebih berat lagi anjinnya daripada ahli-ahli PEKEMAS di peringkat Negeri Perak. Oleh sebab itu, mereka itu datang kepada saya hendak masuk campur dalam Persekutuan Pekebun-Pekebun Kecil dan saya bawa mereka itu kesemuanya masuk dalam persekutuan kita dan

Dr Tan Chee Khoo: Untuk penjelasan, Tuan Yang di Pertua. Adakah sekarang ini kita berbahas berkenaan Parti PEKEMAS atau apa?

Tuan Tajudin bin Ali: Jadi, harapan daripada ahli-ahli PEKEMAS peringkat negeri Perak mengharapkan kepada saya bawa kepada pengetahuan Tuan Yang di Pertua supaya mentadbirkan sesuatu perkara yang baik begini, biarlah Pengerusinya daripada Ahli Dewan Rakyat yang dipilih oleh Dewan Rakyat dan ini terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri kepada siapa yang dia hendak, bukanya datang teguran Ahli dari Batu, saya harap beliau faham.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di Pertua, ialah berkenaan dengan alternative member ini. Bill ini sangat penting kepada negara. Di sini kita ada alternative member. Saya rasa ini usaha yang tidak tegas, usaha yang tidak bersungguh-sungguh, jadi apa yang kita hendakkan ialah supaya Pengerusi itu bertanggungjawab penuh, biar bekerja full time, kalau dia tidak dapat menumpukan usaha dan tenaganya sepenuhnya, biar dia jangan jadi Pengerusi. Begitu juga ahli-ahlinya, kalau kalau tidak dapat, jangan dibuat.

Saya suka memberikan syor di sini, Tuan Yang di Pertua, iaitu selain daripada alternative member mestilah Menteri patut memikirkan iaitu kalau mana-mana ahli tidak hadir mesyuarat terus tiga kali berturut-turut biarlah dia gugur, kerana tidak ada berfaedah kepada pertubuhan itu.

Tuan Yang di Pertua, berkenaan pakaian getah ini, saya suka menegaskan dan saya harap Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian mestilah ada koordinasi dengan research ini kerana getah kita banyak, oleh sebab itulah harganya kurang sedikit, sungguhpun ada perbuatan tekanan daripada orang-orang yang mengambil faedah dalam soal getah ini. Selain daripada itu, saya rasa mana-mana perkara perusahaan yang rubber base harus difikirkan dengan berat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan mendapat pandangan daripada ahli-ahli Jawatankuasa RRI ini dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya beliau jangan brek lagi, jangan tahan lagi, umpamanya hendak mengadakan satu perusahaan rubber base lagi, terus kita berikan kerana dalam dunia ini, Tuan Yang di Pertua, kita mestilah mengambil contoh dan tauladan umpamanya daripada negeri Jepun.

Kalau kita rugi daripada satu jurusan perniagaan, dengan cara lain kita mesti tutup dan kita mesti rebut untuk faedah negara kita.

Jepun, apa-apa perkara yang dia buat—mass production. Mass production macam motosikal Honda, motokar dan sebagainya. Kita mahu dapatkan market itu dahulu. Barangkali rugi sedikit di sini, kita dapat foreign exchange, beri orang pekerjaan dengan lebih banyak dan getah pun begitu juga kalau kita bawa keluar getah asli kita rugi. Kita jadikan barang yang sudah siap, tentu kita boieh untung dalam jurusan ini.

Memikirkan hal ehwal getah, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan kita dengan tegasnya Yang Berhormat di sini mesti kita fikir getah ini digunakan dalam dunia ini hampir-hampir 60-70 peratus untuk buat tayar. Getah kita ingat mestilah buat tayar. Jadi kita harap semata-mata Dunlop, Dunlop, Dunlop, Dunlop ini, orang-orang Dunlop Malaysia tidak jujur. Saya hendak pakai huruf yang keras lagi, tidak taat kepada negara kita kerana Dunlop ini buatan Dunlop England dengan Dunlop di sini, Dunlop England perbuatannya lebih baik daripada Dunlop yang dibuat di Malaysia ini tegasnya di Petaling Jaya. Jadi ada perkara-perkara yang kita mesti fikir adalah usaha ini jangan beri Dunlop ini lepas bermaharajalela sahaja. Sebarang kilang tayar yang hendak didirikan dalam negara kita ini, terus kita approvekan. Kita hendak tengok Dunlop tidur malam atau tidak.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu, saya berasa hairan memikirkan hal ehwal getah ini, harga getah turun, turun, turun. Macam mana kita menghantar wakil-wakil kita ke seluruh dunia pun harga getah turun. Tetapi barang-barang buatan daripada getah tidak turun. Umpamanya Sher Bata Shoes, hari ini \$3.40, Tuan Yang di Pertua. Harga sher Dunlop barangkali \$6. Tetapi kalau Menteri benarkan umpamanya Bridgestone, Firestone, atau apa stone daripada negeri-negeri Italy, Russia dan sebagainya buat, saya rasa, tayar sekurang-kurangnya kita mesti beri turun harganya daripada \$80 tinggal \$40. Itu pun patut dan berpatutan pada negara ini, Tuan Yang di Pertua. Selagi tidak begitu, saya rasa usaha dan tenaga mereka itu tidak seimbangan atau pun bertanggungjawab kepada negara ini.

Kasut kita, kasut Bata umpamanya pada hari ini masih lagi \$3.80. Harga getah turun. Sepatu getah itu tidak sampai, saya rasa se-pound getah, tetapi harganya begitu mahal. Pendek kata, Tuan Yang di Pertua, orang-orang ini mengambil untung berlipat ganda lagi pada usaha mereka itu yang bahan-nya datang daripada luar negeri. Saya harap, Tuan Yang di Pertua, usaha-usaha sedemikian itu ataupun beribu-ribu perkara lagi kita boleh buat daripada getah. Kita mesti muatkan market kita dengan getah-getah buatan sendiri. Getah asli murah tetapi barang-barang kita dapat keluar negeri umpamanya daripada mangkok, pinggan, paip getah, tayar dan beribu dalam perkara itu boleh jatuh harganya atau pun kita boleh eksportkan ke mana-mana negeri sekali pun dalam dunia ini asalkan barang-barang itu murah, Tuan Yang di Pertua.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tentu tahu dan beliau ialah Pengerusi sebuah Jurusan Committee yang memakai getah yang mana, rasa saya Dr Ariffin boleh pakai getah banyak-banyak, tetapi barang keluaran negeri kita di sini masih lagi mahal. Harga getah turun, tetapi keluaran kita itu yang patut digunakan oleh siapa sekali pun dalam tanah air kita ini waima dalam dunia ini pun masih lagi mahal. Tidak patut sekali, Tuan Yang di-Pertua. Mestilah ada rosak perusahaan atau pun usaha itu dimana-mana.

Saya akhirnya, Tuan Yang di Pertua, suka-lah menegur secara sepintas lalu. Ini mestilah menjadi tauladan kepada kita iaitu sungguh tidak kena pada Bill ini iaitu mestilah kita berjaga-jaga tentang mengusahakan menanam kelapa sawit besar-besaran dan research pun terus pada hari ini dijalankan supaya kita jangan ditangkap atau pun caught napping sebagaimana yang kita sudah rasai dalam perusahaan getah ini.

Saya menyokong kuat Bill yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di Pertua, saya hendak bercakap sepelekat dua dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Perusahaan Utama dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang berkenaan di R.R.I.

(Dengan izin) I wish to pay a tribute to the officers of the R.R.I., whether they are expatriates or Malaysians. Mr Speaker, Sir, it has been fashionable these days in developing countries to condemn all that is past—to condemn our colonial past. While there is much to condemn our colonial masters for, I think we should not forget that it was the colonial masters who brought rubber to this country. It was the colonial masters, through their officers, who brought the R.R.I. to what it is today. Let us not forget that the R.R.I. is one of the two research organisations in this country that is of world renown; the other research body in this country that is of world renown is the I.M.R. So I would say that the expatriates who came to this country from far across the seas to work in this country, to work in the R.R.I., deserve the highest tribute for what they have done on the production side of our rubber industry. Here, I wish also to pay tribute to our local officers, because I believe it was one of the local officers who was responsible for the SMR which has given a great leap forward to the rubber industry in this country.

I am very glad, and I believe, that practically all the jobs in the R.R.I., are Malaysianised and I do hope that the R.R.I., because of its high research standing, will be able to attract the best brains from our universities to the R.R.I., so that research can be continuously carried on from one generation to another.

Mr Speaker, Sir, we all know that the R.R.I., has been concerned solely with the production side and therefore I differ a little from the Honourable Member for Larut Utara, who was unhappy over the activities of the R.R.I. officials, when he castigated them for not looking after the applied use of rubber. That has not been their job until now. All along we have been concerned with the production side, to increase the production per acre and there I think we have succeeded beyond our wildest dreams. While it may be true that the estate sector is roughly producing 1,400 lbs. per acre, I think under research conditions, the scientists in the R.R.I. have been able to produce round about 3,000 lbs. per acre and if we can extend this to the

field, no doubt our cost of production of rubber will fall still further, making us more competitive vis-a-viz synthetic rubber.

Mr Speaker, Sir, now that the R.R.I. has been loaded with the added duty of looking into the applied side of the use of rubber, together with NISIR, I wish to call on the Minister of Primary Industries to see that this research into the applied use of rubber should be pursued with vigour so that we can achieve the outstanding successes that we have done with the production side of rubber. I am afraid that so far in this country not much attempts have been made to look into this very important aspect of rubber, that is, to look into the applied use of rubber. Quite naturally, we have been all these years concerned with producing more, selling more and we have been quite rightly proud that we have been able to sell every pound of the rubber we have produced; but out of the 1 million plus tons of rubber that we have produced, only about 20,000 tons have been used in this country. Now, this is a very sorry state of affairs, particularly when many people in this country have been asking the Government, "Why have we not made greater use of the rubber that we produce in this country? Why have we, for example, not made greater use of rubber in the surfacing of our roads?"

The other day there was a question in this House and the Minister of Primary Industries had denied that this sector has been neglected. I do say that this sector certainly has been neglected. If only we can increase the use of rubber in having more rubberised roads, no doubt, instead of using only 20,000 tons, perhaps we may even go up to, let us say, 60,000 or 70,000 tons so that we can give greater employment to the people in this country.

There is one aspect of the applied use of rubber which I wish to bring to the attention of the Honourable Minister, and that is the combination of rubber with plastics. Just now the Member for Larut Utara quite rightly said that a use should be found for rubber in our everyday life, namely, he said we should have it in the bathroom, in the bedroom, in the house and in the garden. I entirely agree with him. Now, we know that plastics have penetrated into every nook and corner of the house. Now, if we can combine

plastics with rubber and if we can spread the use of rubber in that way, into every nook and corner of the house, then we do not have to import so much of plastic raw materials into this country and, what is more important, we can export these materials to other countries of the world.

Mr Speaker, Sir, the Minister of Finance stated that where research is concerned, the Treasury will not be parsimonious and that almost "the sky is the limit" where research is concerned. I am very glad the tight-fisted Treasury is now coming to realise that research is so very important for the very survival of the rubber industry in this country, particularly research in the applied side of rubber.

Just now the Member for Larut Utara also quite rightly pointed out why should we depend on the research body in London to do our research for us. Why shouldn't we do the research in this country and export it abroad. I entirely agree with him. If we have to import research know-how from abroad, let us engage the *orang puteh* at \$3,000 or \$4,000 per month and let him come here and impart his know-how to us; or better still, Mr Speaker, Sir, let us use the know-how that is available in this country—in NISIR and in the Department of Chemical Engineering in the Faculty of Engineering in this country. There, I do know that they are also looking into the applied side of the rubber industry; and if the R.R.I. can work closely with NISIR and with the Department of Chemical Engineering in the Faculty of Engineering in the University of Malaya, I hope that in the very near future we may be able to find greater and greater uses of rubber. If we can make great steps in this direction, then I think the economy of this country will be assured, at least for the next decade or so, until perhaps, our growing population overcomes whatever gains we may make in this direction.

Mr Speaker, Sir, I do know that there are graduates in our University who are anxious to work on the research side, and I do hope that the Minister will make it his duty to see that the R.R.I. attracts the best of our graduates from our Universities so that these people do not have to go abroad to serve elsewhere, while there is a crying need for research officers in the University of Malaya.

We should also, Mr Speaker, Sir, in this quest to increase our technical know-how see that the best of our young graduates after they join the R.R.I. are sent abroad to gain further knowledge in research and further qualifications in the rubber industry so that when they come back, they can impart their knowledge to others and they can contribute their share to making a success of the applied use of rubber in this country.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): Tuan Yang di Pertua, saya sangat suka mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) dan disini saya minta izin untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, literally speaking, the entire future of the natural rubber industry rests on the shoulders of the group of dedicated scientists, rubber technologists, technicians and advisory officers who are quietly but steadily working for the improvement of natural rubber. We here today do a good deal of talking and also propose suggestions, but the people who are going to save this industry are the scientists, the technologists and the technicians. They will execute whatever suggestions and whatever complaints we have brought here from the ground.

Rubber research is carried out in the Rubber Research Institute of Malaysia and in the laboratories of several large plantations like Dunlop and Chemara. There are also the institutions of the Natural Rubber Bureau and the British Rubber Development Board. Obviously, these institutions have been researching, analysing and investigating for a number of years and while they may have been doing their best, it is evident that so far they have been fighting a defensive battle and have lost ground slowly but steadily to their synthetic counterparts.

The massive production of synthetics and improvements in their qualities have so changed the picture that it is the synthetics that now call the tune. Competition by synthetics has caused the decline of natural rubber price and now natural rubber producers must be prepared to sell their rubber at about 40 to 45 cents per pound. If the price rises above this, the consumer manufacturer switches over quickly to

synthetics for his supply. But it appears that the price of synthetics has levelled off around this point. There is, however, the possibility that the price of synthetics may go up because of the shortage of petroleum, which is a raw material for synthetic rubber. All experts, including the United States Under Secretary of State, have admitted that they anticipate that a world shortage of oil may result in 1980. If this chain of events occur and if the price of synthetic rubber goes up, then it will be a welcome turn of events for all of us, but for the present, the stark reality is that natural rubber can survive only if it remains competitive at around the 45 cents level.

Mr Speaker, Sir, not many people in the rubber industry can accept that good, old natural rubber can be sold at such a low price. There are still dreams and wishes of the good halcyon days when rubber was sold at \$2 or more a pound. Wishful thinking is one thing but reality is another.

There will, therefore, have to be a new mental approach. The bold concept shall be that despite the low price of 45 cents, steps must be taken to ensure that the industry can survive. It must survive because thousands of smallholders and their families are dependent on rubber for a living. Having accepted this position, then something must be done about it.

The first thing, Mr Speaker, Sir, is the immediate research objectives of the R.R.I.M. and its associated bodies. In the immediate future, the lines of research must be concentrated largely on two objectives.

- (1) To discover ways and means to lower the cost of production per unit pound of rubber, from the time of planting to the delivery of rubber to the consumer. The Rubber Research Institute has done well to shorten the gestation period of new rubber trees; they have invented new clones and new processing techniques as well. But the work is half done and must be pursued relentlessly. Up to today, it is only the large estates that have benefited greatly from research. The poor smallholder has yet to produce his rubber at minimal cost. For some reason or other, the research benefits which have been accrued to the large estates has been denied or could not be transferred to these poor smallholders.

- (2) The second object, Mr Speaker, Sir, therefore, is to research into measures whereby the smallholder can produce his rubber as cheaply as the large plantations, and thereby be able to survive even if the rubber price is as low as 40-45 cents a pound. Perhaps the answer may lie in the duplication of the methods employed in a large estate. But there are practical difficulties in the way such as individualism, traditionalism, small uneconomic holdings, the high cost of fertilisers and outdated processing techniques. A serious study will have to be made to discover where the difficulties are and adjustments can be made.

Here, I would like to stress that the smallholders find that fertilisers are very expensive and perhaps the R.R.I. can investigate and find out whether a local factory or even a Government-sponsored factory can produce cheaper fertilisers so as to lower the cost of production for the smallholders.

Smallholders also cling to traditional methods and will have to be won over to modern ways. Sociologists therefore may have to be called in to pave the way for a change into modern methods of rubber production. The sociologists will have to convince them of the advantages of community effort, such as collective purchase of rubber materials to cut down costs and collective sending of the rubber to a central factory to produce better quality rubber. In short, the smallholder industry will have to be organised on a co-operative or commune basis, where the means of production are commonly shared to bring down unit costs. I am not saying that we should start to have communes as in China, but I say that we should socialise the smallholder industry and, where possible, concentrate the efforts on a co-operative scale. I call upon the Government, therefore, to socialise the smallholder industry in order that smallholders may better enjoy the fruits of their labour. Therefore, for the smallholders, there should be a combination of the advantages of science and also a sociological approach to overcome the prejudices and practical difficulties the smallholders have so far suffered and therefore have not benefited from the research which the R.R.I.M. has managed to give to the large plantations.

Long-term research, Mr Speaker, Sir, will be conducted along two lines.

- (1) A basic research into the properties of natural rubber and its composition. A better understanding brings better returns in the form of new research and possibly transformation of rubber into other products. Here I remember quite well that during the Japanese time, where there was a shortage of petrol or diesel for powering motor engines, rubber was used as a raw material to produce rubber oil. If oil could be produced from rubber and its oil in turn could be turned into other uses, therein may lie a new field of investigation.
- (2) Research into the possibility of new uses for rubber and break away from the automobile industry—into new uses for other sectors of industry.

I do not propose here to tell the research boys what to do—details on technology, they know better than me. But I would like to give them the political aspects, i.e. the smallholders are crying out now for something to be done for them. It must be done as fast as possible. Mr Speaker, Sir, there is now waging in the country a battle for the survival of the rubber industry.

The rubber industry, especially the smallholder section, is undergoing a crisis and we must all join hands in the battle for survival. The entire rubber industry must be alerted and put on a war footing. All available research facilities must be co-ordinated and made to pull their weight together. As it is, the R.R.I.M. carries out its own research, while the private plantations with their own facilities are proceeding along their own lines, and it is feared that this may be a waste of the scant resources that we have—both in men and money. However, if there is a common objective and there is a co-ordinating body, maybe NISIR could do this, much more can be achieved than at present.

Research means money and this must be made freely available to the Rubber Research Institute, if it is to achieve results in the shortest possible time. Large plantations which have made huge profits from the country should contribute heavily to a research fund. About 10% or more of their gross profits

should be donated to this research fund. This is not new, as industrial corporations in other countries usually spend 10% or more of their gross takings on research, for they know that this benefits them in the long run. They do not skimp money where research is concerned, but unfortunately, large plantations are too interested in taking over the profits for their own selves into another place.

Research, Mr Speaker, Sir, also requires skilled professionals. The R.R.I.M. should be allowed to choose the best among our Malaysian graduates to man the laboratories. As Malaysians, they will work hard because they know their mission. A sense of mission will inspire them to work hard. They will work hard because they know the lives of over half a million people depend upon their success. They will work hard, Mr Speaker, Sir, because they know that they are working for their country.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenoh-penohnya, tetapi saya hendak bercakap sedikit berkenaan R.R.I., oleh kerana R.R.I. ini adalah bertanggungjawab—bertanggungjawab oleh kerana daripada tahun 1952 hingga 1956 apabila Kerajaan telah sedar iaitu pekebun-pekebun kecil itu adalah mustahak dibela, maka Kerajaan telah membuat propaganda atau dakyah-dakyah di kampung-kampung supaya menanam semula getah-getah mereka. Sebabnya ialah getah-getah mereka yang telah tua itu tidak ada berkulit lagi sehingga orang-orang kampung kita terpaksa pakai tangga dan pisau getah yang panjang, menoreh sampai ke dahan-dahan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, benih-benih dan bahan-bahan untuk tanam semula itu adalah tanggungjawab R.R.I. untuk diberikan kepada mereka, bukan memberi percuma, tetapi orang-orang kampung membeli daripada R.R.I. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, apa telah jadi? Orang-orang Melayu terutama sekali yang mempunyai kebun-kebun kecil, apabila ditanamnya benih-benih yang dibelinya, benih-benih itu selepas enam tahun tidak memberi hasil yang baik sekali. Apa sebabnya? Oleh kerana benih-benih itu adalah dikutip di dalam estet-estet, benih-benih biji getah itu benih getah lama. Tetapi dakyahnya getah ini adalah getah yang boleh

mengeluarkan susu getah sebanyak 1,200 atau 1,500 paun satu tahun. Apa yang didapatinya selepas enam tahun daripada tahun 1952, apa yang didapati oleh orang kampung tidak sampai 300 atau 400 paun satu ekar satu tahun, Tuan Yang di Pertua. Orang-orang kampung kita telah tertipu, Tuan Yang di Pertua, oleh kerana tanggungjawab R.R.I. jangkanya berpuluh tahun sudah, berapa lama sudah menyasat, terus menyasat, kemudian pada tahun 1952 suruh mereka tanam semula di kebun-kebun mereka dengan diberi benih-benih ini, biji-biji yang kata PJ. 1 kononnya, pokok-pokok, anak-anak getah PJ. 1 kononnya, tetapi getah-getah lama. Siapa yang untung—konterektor-konterektor yang untung. Siapa yang rugi? Orang smallholder yang rugi, orang-orang kampung kita yang rugi. Jangkanya pada hari ini orang-orang kampung sudah senang, boleh menoreh dan mendapat 1,200 paun atau 2,000 paun satu ekar. Hari ini kena potong balik getah mereka, sebab tidak mengeluarkan hasil. Malang betul nasib orang-orang kampung oleh kerana research R.R.I. ini, sebab boleh jadi researchnya betul 2,000 paun satu ekar satu tahun, tetapi benihnya mereka tidak dapat mengeluarkan. Ini adalah berat sebelah R.R.I. ini. Apa sebab berat sebelah, Tuan Yang di Pertua? Kepada estet yang besar-besar, itulah research yang dibuatnya; kepada pekebun-pekebun kecil kita, ringan sangat. Saya hendak juga memberi tahniah, bukan tidak hendak beri tahniah, beri tahniah juga oleh kerana dapat mengeluarkan getah yang banyak, dapat mengeluarkan getah sampai 2,000, 3,000, 4,000 paun satu ekar; memang bagus untuk negara ini ekonominya dapat dipertingkatkan, tetapi kepada pekebun kecil saya fikir tidak patut sangat dibuat oleh R.R.I. ini.

Dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan mengambil perhatian di atas perkara ini, kalau boleh disiasat, sebab ini sudah keluar dalam akhbar di atas perkara ini. Kalau boleh disiasat oleh Kerajaan, disiasat oleh Smallholders Association supaya orang-orang ini menanam semua balik, sebab Smallholders Association tidak hendak beri bantuan lagi, tidak sampai 15 tahun mereka tidak boleh diberi bantuan. Itu pula sekataannya, tidak boleh; ini baharu lagi tidak sampai 15 tahun. Jadi, alangkah susahanya orang-orang kampung, oleh kerana bukan perbuatannya. Salahnya dia, katakan tuan tidak betul, tuan

tidak betul menanam, tuan-tuan tidak betul menoreh, pisau tidak tajam, pisau tumpul, tetapi yang sebenarnya, saya salahkan kepada R.R.I. dan Pejabat Pertanian tiap-tiap Negeri.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Batu memberi tahniah kepada pegawai-pegawai orang Inggeris. Saya beri juga tahniah tetapi sudah lama sangat kita beri tahniah kepada mereka—sudah lama sangat, Tuan Yang di Pertua. Tidak ada apa yang dikerjakannya untuk smallholders di kampung-kampung. Mereka ini tidak tahu apa dia biji getah, apa rupanya biji getah, mereka tidak tahu. Mereka tidak tahu apa dia latex, macam santankah, macam apakah dia tidak tahu, mereka tiba-tiba datang kemari.

Selepas merdeka 14 tahun lamanya banyak anak-anak kita, orang Malaysia yang patut Kerajaan kita hantar menjadi scientist getah, sebab pengeluaran getah dekat 60-65% daripada negeri kita. Fasal apa kita hendak percaya kepada orang luar lagi? Kepada penjajah-penjajah lagi; apa guna kita hendak percaya lagi, sebab kita tidak percaya, oleh kerana research ada di London, ada research dibuat di sini. Kalau ada scientist kita walau bagaimanapun ada pepatah Melayu mengatakan: Dicincang air tidak akan putus, mereka sayang juga kepada kita. Dengan sebab itulah saya harap, saya fikir boleh jadi salah saya, tetapi saya fikir lebih baik orang kita membuat research-research ini supaya betul-betul dibuat research untuk memakmurkan negeri kita ini. Orang-orang dagang itu apabila habis kontereknya mereka cabut balik, dia peduli apa. Dengan sebab itulah, saya fikir lebih banyak Kerajaan mesti menghantar penuntut-penuntut kita belajar keluar negeri berkenaan dengan getah ini.

Ketiga, R.R.I. ini juga saudara-saudara saya mengatakan tadi Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara dan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, R.R.I. (Rubber Research Institute). Rubber Research Institute bukan bermakna hendak menyelidik pokok getah sahaja, semua sekali mesti diselidiki. Saya ingat lagi, Tuan Yang di Pertua, masa saya kecil dahulu saya makan biji getah. Masa Jepun juga kita makan biji getah. Kita rebus, sudah rebus kita buang airnya, sudah buang airnya itu, sejok dia, jerok kemudian kita boleh masak kari, jadi ubi kentang, sedap rasanya. Itu boleh menjadi satu bahan untuk digunakan oleh manusia.

Tadi saudara saya Ahli dari Larut Utara mengatakan apabila getah jadi makanan. Geli juga di hati saya oleh kerana kalau makan getah berbuku perutnya, tetapi saya terkenang ia juga, bukan dia mengatakan getah yang hendak dimakan; biji getah, Tuan Yang di Pertua. Jadi biji getah itu boleh dimakan oleh manusia dan boleh juga dimakan oleh binatang-binatang dan boleh juga dibuat minyak seperti mana sekarang biji getah dibuat minyak oleh orang-orang Siam, di negeri Siam ada fakteri-fakterinya. Dengan sebab itu, R.R.I. juga mestilah menyiasat perkara ini. Ini yang hendak disiasat, keluarkan getah banyak-banyak, sudah banyak getah hendak buat apa, supply is greater than demand. Sekarang ini supply is greater than demand, apa hendak buat. Jadi cari jalan, apa hendak dibuat. Saudara-saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara dan Ahli Yang Berhormat dari Batu bercakap research terus research supaya dapat mengeluarkan barang-barang itu diperbuat daripada getah. Tadi juga saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara mengatakan pakaian daripada getah. Saya geli juga bagaimana bukan main panas negeri ini pakaian getah lagi panas, tetapi saya fikir baju hujan boleh dibuat daripada getah, maka apa yang dikatakan itu betul juga.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya harap yang penting sekali, saya gulong lagi sekali, yang penting sekali iaitu yang pertama tadi dalam tahun 1952 pekebun-pekebun kecil yang telah menanam getah-getah bukan benih yang baik, bukan pokok baik, hendaklah ditimbangkan oleh Kerajaan semula supaya mereka boleh memotong balik getah-getah mereka supaya mendapat hasil yang baik pada masa yang akan datang.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di Pertua, saya bangun bagi memberi sokongan di atas Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang di dalam Dewan ini.

Saya juga berasa bangga dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi membolehkan kuatkuasa Undang-undang ini apabila dilulus nanti meliputi Malaysia Timur, Sarawak dan Sabah.

Penyelidikan getah di negara ini memang sudah semestinya diberi keutamaan, supaya getah yang dikeluarkan dari negara ini boleh mencapai mutu yang lebih tinggi lagi dari yang ada sekarang. Begitu juga bagi kegunaannya, supaya dapat diperluaskan lagi.

Saya suka juga mengesyorkan di sini supaya di Sarawak yang ada juga mempunyai getah walaupun kawasan bumi Sarawak hampir sama besar dengan Malaysia Barat, tetapi pengeluaran getah adalah jauh lebih kurang dari Malaysia Barat. Walaupun begitu, saya berharap segala penyelidikan bagi kegunaan getah ini sudah semestinya diberi perhatian yang sama dengan negeri-negeri yang lain dalam Malaysia.

Dan kami di Sarawak juga berharap supaya kilang-kilang memproses getah didirikan di Sarawak untuk membuat tayar dan sebagainya untuk memajukan lagi getah negara ini dan dapat pula memberi peluang pekerjaan lebih banyak lagi untuk rakyat di Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, di sini ingin saya menyentuh tentang wakil yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini, iaitu Malaysia Timur hanya seorang sahaja. Dari itu, saya berpendapat sekurang-kurangnya negeri Sarawak dan Sabah mempunyai seorang bagi sebuah negeri di Malaysia Timur. Oleh sebab sekarang di Sarawak dan Sabah banyak kawasan tanah yang telah mulai ditanam getah dan boleh jadi juga pada masa-masa yang akan datang akan bertambah lebih luas lagi bagi kawasan getah di Malaysia Timur. Dari itu, saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan di atas Rang Undang-undang ini yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Saya amat tertarik hati, Tuan Yang di Pertua, kepada Fasal 4 (1) (a) dan (b) di mana dengan adanya Fasal baru ini diberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk melantik wakil-wakil daripada sektor pekebun kecil dan juga daripada sektor estet dan juga secara tidak langsung memberi kuasa kepada Menteri mengawal dari satu masa kesatu masa. Cuma apa yang

memeranjatkan saya, Tuan Yang di Pertua, walaupun di dalam Rang Undang-undang ini ada disebutkan Fasal 17 menggantikan Fasal 17 yang lama, tetapi apakala memandang kepada pindaan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam peringkat Jawatankuasa nanti maka katanya Fasal itu hendak dipotong kerana tidak lagi perlu. Saya juga mendapat faham bahawa antara sebab-sebab yang Fasal itu tidak jadi hendak dijadikan perundangan dan dianggap tidak perlu kerana barangkali pihak Yang Berhormat Menteri lebih bersetuju mengawasi satu badan lain yang letaknya lebih tinggi daripada badan ini dan kedudukan Lembaga ini akan tertakluk kepada badan yang akan diawaskan oleh Yang Berhormat Menteri sebagaimana adanya Rang Undang-undang yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini berikutan selepas daripada ini.

Tuan Yang di Pertua, dari apa yang saya mendapat faham bahawa di Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu pada masa ini mempunyai susunannya ada terbahagi kepada 5 bahagian dan apa yang saya hendak sentuhkan ialah tentang perbezaan antara satu bahagian dengan bahagian yang lain.

Tadi sahabat-sahabat saya yang bercakap terlebih dahulu daripada saya, Tuan Yang di Pertua, telah melahirkan rasa kurang senang hati di atas kerja-kerja yang telah dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Getah khusus kepada pekebun-pekebun kecil.

Saya berpendapat antara sebab-sebabnya pihak pekebun-pekebun kecil atau pihak yang begitu rapat dengan pekebun-pekebun kecil rasa kurang senang hati di atas perkhidmatan yang diberi oleh Pusat Penyelidikan Getah ini, kerana adanya layanan yang agak kurang seimbang dan terbitnya layanan yang kurang seimbang ini kerana Lembaga yang lama. Lembaga yang ada sebelum daripada Rang Undang-undang ini dibentangkan, Tuan Yang di Pertua, biarlah saya bercakap terus-terang daripada apa yang saya dapat tahu agak lemah sedikit perjalanannya dan sebab-sebab kelemahan itu di antaranya berpunca dari adanya seorang dua yang agak berpangkat duduk di dalam Lembaga ini dan secara tidak langsung beliau mempunyai pengaruh mengawasi ahli-ahli lain dengan apa kelebihan dan keistimewaan yang ada kepadanya.

Kalau kita berjumpa sekarang ini, Tuan Yang di Petua, dengan pegawai-pegawai yang ada di dalam Pusat Penyelidikan Getah yang bertugas khusus dalam bahagian perkhidmatan nasihat untuk perkhidmatan pekebun-pekebun kecil kita akan mendengar desas-desus cakapan-cakapan yang mengatakan adanya satu kerja yang boleh dianggapkan diskriminasi dilakukan oleh ketua besarnya terhadap pegawai. Saya ada bukti-bukti yang boleh mengesahkan apa yang saya akan cakapkan ini, tetapi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang begitu cergas sekurang ini, Tuan Yang di Pertua, kalaulah ditakdirkan tidak betul apa yang saya sebutkan ini, tolonglah nafikan dalam Dewan, tetapi sekiranya benar, maka adalah menjadi tanggungjawab Menteri didalam usaha hendak menyusun Lembaga seperti yang diperkatakan di dalam Undang-undang ini dapat berjalan dengan baik.

Sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, apa yang saya katakan soal diskriminasi tadi antara pegawai-pegawai Melayu dengan pegawai-pegawai yang bukan Melayu. Ini bukan soal perkauman, Tuan Yang di Pertua, tetapi ini soal yang amat terang yang ada di hadapan kita. Pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan di Bahagian Penyelidik untuk nasihat kepada pekebun-pekebun kecil ini boleh dikatakan sekarang ini mempunyai kira-kira 70% ialah terdiri daripada kalangan bumiputra atau pun orang Melayu—itu di peringkat bawah. Tetapi di peringkat atasnya boleh dikatakan hampir 99% adalah dikuasa oleh orang-orang yang bukan bumiputra.

Jadi, oleh kerana secara kebetulan perkara ini berlaku demikian rupa, Tuan Yang di Pertua, maka timbullah atau berlakulah apa yang saya katakan soal diskriminasi tadi. Banyak masaalah yang timbul di dalam bahagian ini, Tuan Yang di Pertua. Saya tunjukkan antara contoh-contohnya, Tuan Yang di Pertua. Baharu-baharu ini ada suatu kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak ini mengenai kenaikan pangkat, dari 1hb Januari 1972. Ada yang naik kepada Bahagian A1, A2; naik kepada Bahagian B. Kalau saya tengok di sini, yang naik kepada A1 seramai empat orang, tidak ada seorang pun Melayu. Yang naik kepada Bahagian A2, daripada ramai-ramai ini, saya tertarik kepada satu nama yang di atas sekali, saya ingatkan orang Melayu. Namanya sahaja seakan-akan Melayu, tetapi bila disiasat tidak juga orang

Melayu, Tuan Yang di Pertua. Nama sahaja seakan-akan, tetapi kata orang di dalam bahagian ini, seseorang bumiputra atau seorang pegawai Melayu boleh naik pangkat, Tuan Yang di Pertua, kiranya namanya itu hujungnya ada seakan-akan India sedikit. Kalau orang Melayu itu hujung namanya itu serupa dengan India atau serupa dengan Cina, dia boleh naik pangkat. Jadi, inilah yang saya katakan, Tuan Yang di Pertua. . .

Tuan Yang di Pertua: Saya suka hendak mengingatkan, kalau boleh cepatkan sedikit ucapan itu, saya beri lagi lima minit. Jangan bercakap panjang-panjang sangat dan apabila tiba kepada sesuatu perkara, berjam-jam.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Di dalam bahagian ini juga, Tuan Yang di Pertua, pegawai-pegawai yang mempunyai Diploma dari Serdang atau yang berpengalaman sukar mendapat kenaikan pangkat, kalau mereka ini bekerja dalam bahagian yang dikhususkan kepada pekebun-pekebun kecil, tetapi kalau kita pergi kepada bahagian yang diperuntukkan bagi menasihatkan Bahagian Ladang, mereka yang mempunyai kelulusan yang kurang daripada ini pun boleh mendapat kenaikan pangkat. Ini ertinya ada perbezaan. Pegawai-pegawai yang bekerja untuk pekebun-pekebun kecil, dia mendapat layanan seperti pegawai-pegawai Kelas IV atau Kelas V, tetapi kalau pekerja-pekerja yang bekerja khusus untuk ladang, maka mereka ini mendapat layanan seperti pegawai-pegawai dalam Kelas I.

Itulah sebabnya, Tuan Yang di Pertua, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, kerana bukan tidak berpuas hati di atas kerja yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dalam bahagian ini, sebab kalau kita tengok kepada Bahagian Ladang, kita nampak elok. Dia dapat memberi nasihat secara baik dan hasil yang dikeluarkan menerusi ladang ini memuaskan, tetapi untuk pekebun-pekebun kecil, Tuan Yang di Pertua, keadaannya adalah berlainan sekali.

Kemudian, kalau kita pergi kepada pejabat lagi, Tuan Yang di Pertua; di pejabat regional bahagian ini, bahagian yang dikhususkan kepada pekebun-pekebun kecil, dia hanya ada seorang Pegawai Kanan yang mengetuai bahagian itu dan dibantu oleh

seorang kerani. Kerani itulah yang akan menjadi jurutaip, jadi jurutrenkas, jadi budak pejabatnya dan yang menjadi peonnya, tetapi kalau kita pergi kepada bahagian yang diperuntukkan untuk menasihatkan ladang, dia mempunyai pegawai-pegawai yang cukup, seperti yang kita dapati dalam negeri Johor, negeri Perak, negeri Pulau Pinang dan lain-lainnya. Jadi, inilah yang selalu menimbulkan perasaan kurang senang apabila kita membuat kajian.

Saya yang sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, pada masa-masa yang lalu samalah seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam tadi, tidak begitu berminat untuk mengambil berat berkenaan dengan Bahagian Penyelidikan ini atau dalam R.R.I. ini, tetapi oleh kerana kita dapati ada Bill ini yang hendak dikemukakan dalam Dewan ini, maka mencenderungkan kita untuk mendekati pejabat ini dan mengambil tahu apa yang sebenarnya ada di dalam pejabat ini.

Satu lagi, Tuan Yang di Pertua, perkara yang amat malang dalam bahagian ini ialah kalau berpandukan kepada Akta 16, 1966—Rubber Research Institute of Malaya Act, 1966, Seksyen 10 (1). Di situ ada jawatan Pengarah dan di bawah Pengarah itu ada Timbalan-timbalan Pengarah yang patut dilantik mengikut apa yang diperundangkan. Sekarang ini, yang adanya Pengarah dan ada Timbalan Pengarah, tetapi saya mendapat tahu Timbalan Pengarah yang ada sekarang ini telah pun menghantar surat minta berhenti, kerana katanya ada perselisihan faham dengan Pengarah. Perselisihan faham ini, saya dapat tahu, kerana pembawaan Pengarah ini, Tuan Yang di Pertua. Ini yang saya katakan tadi, saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau tidak betul beliau boleh menafikan dalam Dewan ini; kalau betul, perlu disiasat. Sepatutnya Timbalan Pengarah ini memberi pandangan-pandangan secara terbuka kepada Pengarah dan mendatangkan syor-syor yang membena untuk kepentingan pekebun-pekebun kecil, tetapi keadaannya yang semacam ini pernah dibuat oleh Timbalan Pengarah, tetapi pihak Pengarahnya, katanya, tidak berapa setuju dengan pandangan yang seperti ini dan inilah timbul perselisihan dan pertelingkahannya dan satu cara jalan keluarnya Timbalan Pengarah ini, Tuan Yang di Pertua, mengundurkan diri secara hormat dan perkara

yang ganjil lagi, Tuan Yang di Pertua, sudah sekian lama undang-undang ini diadakan, bahawa di bawah Pengarah itu mesti ada Timbalan-timbalan Pengarahnya, Timbalan Pengarah (1), atau Timbalan Pengarah (2), tetapi macamlah yang saya katakan tadi, yang ada hanya Timbalan Pengarah (1), Timbalan Pengarah (2) itu belum diisi.

Dengan tidak mengisi jawatan Timbalan Pengarah (2), Timbalan Pengarah (1) tadi sudah memohon berhenti, ertinya dua jawatan kosong. Saya di dalam Dewan ini, Tuan Yang di Pertua, apa yang saya hendak terangkan bukan dari perasaan iri hati sebagai orang Melayu kepada yang bukan Melayu, tetapi masalaahnya, Tuan Yang di Pertua, untuk mencerminkan masyarakat Malaysia dan untuk menidakkan bahawa orang Melayu tidak boleh pergi ke tempat itu, sebab ini selalunya masalah yang ditimbulkan ialah orang Melayu tidak mencukupi kelayakan, tidak boleh duduk di tempat itu. Ini kita tidak boleh terima lagi, Tuan Yang di Pertua, sebab di universiti pun orang Melayu boleh pergi dan tempat yang tinggi, memegang jawatan-jawatan yang penting; saya tidak fikir bahagian ini tidak boleh dan baharu-baharu ini saya dapat tahu ada dikeluarkan iklan untuk jawatan Timbalan Pengarah (2) ini, tetapi ada orang Melayu yang meminta. Entah bagaimananya, walaupun orang Melayu itu mencukupi syarat-syarat yang dikehendaki, tetapi tidak juga mendapat tempat.

Dengan keadaan yang demikian, Tuan Yang di Pertua, berdasarkan apa yang saya sudah katakan tadi, secara tidak langsung kedudukan Timbalan Pengarah (1) dan (2) akan kosong dan untuk kata orang, melindungi pandangan sepintas lalu, maka saya difahamkan ada seorang Pegawai Kanan di dalam Bahagian ini telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengarah, tetapi kerjanya untuk menandatangani cek sahaja di pejabat. Inilah yang saya katakan layanan yang diberi di dalam pejabat ini amatlah menyakitkan hati kalau kita mengkaji secara lebih mendalam.

Kemudian, Tuan Yang di Pertua, mengikut cerita yang saya dapat tahu masalah yang saya sebutkan tadi, orang-orang yang tidak cukup kelulusan boleh mendapat pangkat yang tinggi di bahagian rendah, tetapi tidak boleh dapat pangkat yang tinggi di bahagian

yang khasnya bagi pekebun-pekebun kecil. Kemudian yang anehnya, Tuan Yang di Pertua, kalau seseorang pegawai itu dia memohon keistimewaan semasa dia bertugas untuk pekebun-pekebun kecil ini seperti kita kata hendak meminjam wang untuk membeli kenderaan yang ada kaitannya dengan pekerjaannya susah hendak dapat, tetapi dia keluar daripada bahagian itu masuk ke bahagian lain sama pangkatnya, sama gajinya, sama tugasnya dia dapat pinjam, ertinya selagi dia duduk dalam bahagian itu, dia ditekan, diberi layanan lebih daripada anak tiri, Tuan Yang di Pertua. Ini saya rasa amat perlu diberi perhatian, sebab kita tidak mahu, Tuan Yang di Pertua, orang kata, seorang itu boleh naik pangkat dalam bahagian yang dikhaskan untuk pekebun kecil ini, kalau pegawai di bawah itu sanggup menjadi pegawai "Yes man" kepada tuantuan yang ada di atas. Sebab di dalam sebuah negara yang merdeka seperti Malaysia ini, Tuan Yang di Pertua, sikap yang seperti ini tidak patut ditunjukkan oleh ketua-ketua di atas kepada orang di bawahnya. Kepentingan dan kebajikan pegawai-pegawai di bawah perlu diberi perhatian yang sewajar supaya menimbulkan semangat, semangat keikhlasan, semangat kejujuran untuk bekerja bagi kepentingan rakyat yang benar-benar memerlukan kepada pimpinan dan panduan daripada pegawai-pegawai yang boleh membantu mereka.

Kemudian, Tuan Yang di Pertua, saya kembali kepada Rang Undang-undang ini, seperti yang saya katakan tadi, kalau saya tengok sepintas lalu Fasal 17 sangat-sangat baik, kerana dengan adanya Fasal 17 seperti yang ada dalam Rang Undang-undang ini sebelum daripada hendak dibuat pindaan oleh Yang Berhormat Menteri, pihak Lembaga yang hendak disyorkan akan menerima arahan dari satu masa ke satu masa dari pihak Yang Berhormat Menteri. Tetapi oleh kerana Fasal 17 yang tercatat di sini hendak dipotong semula tidak jadi Undang-undang, maka boleh jadi seperti yang saya katakan tadi kerana di atas badan atau Lembaga ini ada satu lagi Lembaga Kumpulan Wang Getah Malaysia, maka badan ini akan duduk di bawah Lembaga tadi dan nampaknya Yang Berhormat Menteri lebih bersetuju mengarahkan Lembaga ini dan menerusi Lembaga inilah dikeluarkan arahan-arahan kepada Lembaga Pusat Penyelidikan Getah.

Saya khuatir, Tuan Yang di Pertua, seperti mula-mula saya katakan tadi dengan keadaan yang ada sekarang ini Lembaga Pusat Penyelidikan Getah amat lemah menjalankan kerja dan kelemahan itu berpunca daripada adanya seorang yang berpangkat sebagai Pengarah begitu kuat pengaruhnya boleh mempengaruhi ahli-ahli yang lain, kecuali seorang dua seperti wakil daripada pekebun-pekebun kecil yang duduk di situ. Saya memberi penghormatan kerana saya dapat faham, dia payah hendak dilobi, tetapi oleh kerana seorang tidak dapat hendak mengatasi yang lain, Tuan Yang di Pertua, terpaksa kehendak-kehendak Pengarah tadi dapat berjalan dan kepentingan pekebun-pekebun kecil terbiar. Apa yang saya maksudkan, apa yang saya hendak minta penegasan dalam Dewan ini, Tuan Yang di Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri mengulung nanti, cuba terangkan sebenar-benarnya apakah maksudnya yang hendak dibatalkan Fasal 17 yang sudah ditulis di dalam Rang Undang-undang ini. Sebab, saya khuatir, Tuan Yang di Pertua, boleh jadi kalau pindaan yang kecil-kecil, saya tidak hairan, Tuan Yang di Pertua, ini hendak membatalkan balik satu Fasal 17 yang sudah dicatat di sini serta Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang pertama. Ertinya, boleh jadi setelah Rang Undang-undang ini dirangka dan dikemukakan dalam Dewan ini bagi bacaan kali yang pertama adalah barangkali dialog-dailog dengan pihak-pihak yang tertentu. Maka samada Yang Berhormat Menteri terpengaruh semasa berdialog dengan pihak tertentu atau tidak, saya tidaklah dapat hendak mengatakan di sini, sebab saya mempunyai keyakinan penuh kepada Menteri saya bahawa dia adalah seorang yang payah hendak dilobi dalam masa berdialog, tetapi itulah yang mendatangkan hairan kepada saya kenapa perkara yang begini penting—perkara yang begini mustahak hendak dibatalkan. Kalau hendak dipinda sedikit-sedikit tidak apa, ini hendak dibatalkan terus—tidak jadi. Fasal 17 yang baharu ini hendak digantikan Fasal 17 yang lama itu. Ini tidak jadi, hendak jadikan perundangan. Ini satu perkara, Tuan Yang di Pertua, besar kepada saya yang kurang faham ini, kepada mereka yang fahaman, dia dianggap, ini satu perkara yang kecil.

Dan yang akhirnya sekali, Tuan Yang di Pertua, saya suka menyatakan di dalam Dewan ini bahawa harapan pekebun-pekebun

kecil kepada Pusat Penyelidikan Getah amatlah besar. Dan di dalam penyusunan semula Lembaga ini kiranya di dalam penyusunan semula ini masih berjalan seperti lama cuma ditukar satu dua keahlian dan keahlian yang ditukar itu tidak dapat menjalankan kerja seperti yang diharapkan oleh pekebun-pekebun kecil, maka saya bimbang apa yang dibayangkan oleh sahabat-sahabat saya, apa yang dicakapkan oleh sahabat-sahabat dahulu daripada saya tadi mengatakan kemajuan yang kita lihat sekarang ini daripada bahagian ini hanyalah kemajuan secara kasar untuk mengeluarkan masa orang berkehendakkan kepada benih, dia dapat mengeluarkan benih pada masa mengeluarkan benih, dia itu dikatakan benih yang baik, bila dicuba lima enam tahun kemudian didapati tidak baik, kemudian benda yang perlu dibuat kajian, perlu dibuat penyelidikan tidak dibuatnya, jadi inilah masalah-masalah yang ada di hadapan kita. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, kalau semalam saya memberi setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri semasa dia membentangkan satu Rang Undang-undang berkenaan dengan Lembaga Pemasaran Getah, bagi saya berhubung dengan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, ucapan terima kasih itu saya terpaksa tangguhkan dahulu dan tahniah pun saya tangguhkan dahulu, kerana saya hendak melihat perlaksanaannya. Sudah saya melihat perlaksanaannya dengan cara penubuhan Lembaga ini nanti betul-betul orang yang ada di dalamnya itu, orang-orang yang boleh sekurang-kurangnya menghadapi seorang dua yang mempunyai pengaruh besar seperti yang saya katakan tadi, kalau ini, maka lebih daripada tahniah dan terima kasih saya akan beri kepada Yang Berhormat Menteri saya, yang saya kasihi ini samada di dalam Dewan atau di luar Dewan ini. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

PENANGGUHAN (Usul)

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

LATIHAN PERGURUAN GURU-GURU SEMENTARA SEKOLAH- SEKOLAH CINA

Tuan Fan Yew Teng (Kampar): Tuan Yang di Pertua, saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Diizinkan.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, saya ingin berucap hari ini mengenai keadaan keciwa terhadap 2,000 guru-guru sementara di sekolah-sekolah Cina yang mana banyak di antara mereka telah mengajar lebih kurang 10 tahun. Sudahlah banyak tahun di bawah Kerajaan Perikatan, mereka tidak ada keselamatan kerja atau *job security*. Tanggungjawab negara kita ialah memberi kepada mereka latihan-latihan yang sesuai untuk membolehkan mereka menjadi guru-guru yang berkelayakan.

(*Dengan izin*) At present, the Ministry has teacher-training schemes for Chinese school teachers to be emplaced on the permanent staff, but their regulations are so restrictive as for all practicable purposes to eliminate the majority of these temporary Chinese school teachers.

I call on the Government to liberalise these conditions for teacher training so that these temporary teachers can get security of employment, and to overcome the acute shortage of teachers in Chinese schools.

At present, a teacher-trainee must have at least two years teaching experience. This should be removed, as there are many temporary teachers who have not got two years teaching experience.

There is then the age limit, stipulating that a trainee should not be over 30 years of age, unless he has got five years of teaching experience. This limit should also be removed, as it would unfairly penalise teachers who are over 30 years and who do not have 5 years of teaching experience.

Thirdly, a trainee should have a credit in Higher Chinese in M.C.E. to qualify for selection. This should be relaxed, and altered

to requiring a trainee to secure the Higher Chinese during his period of training if he is to qualify as a trained teacher.

Fourthly, a trainee should have a credit in Bahasa Malaysia II in M.C.E. This is unfair. Firstly, these teachers are not teaching Bahasa Malaysia but Chinese subjects. Secondly, this should not be a bar to selection and should be done away with; of course, they should be taught Bahasa Malaysia during their training to acquire proficiency of the language.

I therefore call on the Ministry of Education to take heed of the plight of these 2,000 temporary Chinese school teachers and give them a ray of hope to continue to contribute to the education of the new generation of Malaysians.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):

Tuan Yang di Pertua, syarat-syarat yang dikenakan itu tidak ketat. Jika dibandingkan dengan syarat-syarat asal yang dikenakan ke atas guru-guru sementara yang menjalani latihan tersebut. Syarat-syarat yang dikenakan bagi calon-calon pada kali ini telah dikendurkan dari syarat-syarat yang asal seperti berikut:

- (a) Syarat calon-calon dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman mengajar adalah ubahan daripada syarat yang dikenakan bagi kursus-kursus guru-guru sementara yang terdahulu yang berkehendakkan 3 tahun pengalaman mengajar yang berturut-turut dan tidak putus-putus (3 years continuous service).
- (b) Syarat umur tidak melebihi daripada 30 tahun kecuali mereka yang berpengalaman mengajar 5 tahun, adalah syarat perjawatan. Ini sebenarnya adalah satu timbangan khas atau "concession". Mengikut iklan untuk masuk Kategori C2 ke Perkhidmatan Pelajaran yang baharu, umur calon-calon dikehendaki tidak melebihi 25 tahun.

(c) Syarat calon-calon dikehendaki memiliki kepujian dalam Bahasa Cina Tinggi di peringkat M.C.E./S.C. adalah syarat yang telah dikenakan semenjak kursus bagi guru-guru sekolah Cina dijalankan di Maktab Perguruan Bahasa dan seterusnya di Maktab Perguruan, Kuala Lumpur. Bagaimanapun untuk kursus guru-guru sementara sekolah Cina tahun ini calon-calon yang memiliki lulus dalam "Higher Chinese" dan lulus dalam Kesusasteraan Cina dalam satu peperiksaan (in one and the same examination) tidak dipertimbangkan.

(d) Syarat calon-calon dikehendaki memiliki kepujian dalam Bahasa Malaysia II di peringkat M.C.E. adalah syarat perjawatan dan untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan Kategori C2 ke atas, calon-calon adalah dikehendaki memiliki kepujian dalam Bahasa Malaysia II.

Tujuan Kerajaan mengenakan syarat-syarat itu ialah demi kepentingan guru-guru itu sendiri dan juga pelajaran kanak-kanak.

Penyata Gaji Aziz telah menetapkan kelayakan tertentu bagi seseorang itu memasuki Perkhidmatan Pelajaran. Maka di dalam mengadakan sebarang kursus Kerajaan mestilah patuh kepada syarat-syarat tersebut. Syarat-syarat yang telah dikenakan untuk guru-guru sementara Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) itu merupakan syarat yang sehabis-habis rendah atau minima untuk masuk ke dalam Perkhidmatan Kerajaan bagi guru-guru yang terlatih. Oleh yang demikian Kementerian saya berpendapat bahawa tindakan mengenakan syarat-syarat itu akan menentukan yang guru-guru sementara yang telah berjaya menamatkan latihan akan mempunyai kelayakan yang cukup untuk memohon masuk ke dalam Jawatan Tetap apabila tamat kursus kelak. Saya rasa tidak ada faedah bagi Kerajaan memberi latihan

kepada guru-guru tersebut dan setelah tamat latihan peserta-persertanya tidak dapat memohon ke jawatan yang tetap. Berdasarkan kepada perkara-perkara ini saya merasa dukacita tidak dapat mengendurkan lagi syarat-syarat yang telah ditetapkan itu demi kepentingan guru-guru itu sendiri dan mutu serta taraf pengajaran di sekolah-sekolah kita.

POLIS MENYALAHGUNAKAN KUASA

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Police often abuse the powers that are given to them under the Criminal Procedure Code to prefer criminal charges against members of the public.

Mr Speaker, Sir, often members of the public are hauled to the Courts and there criminal charges are preferred against them and later, after the accused persons have gone and engaged counsel, when their cases come up for hearing, their cases are withdrawn.

Mr Speaker, Sir, whether the Police abuse their powers intentionally or unintentionally is a separate matter. But what happens is this. In this kind of cases, the end result is that they have abused their powers because before preferring charges against a person, they should have properly investigated and found out whether there was sufficient evidence to proceed with the case. After charging the person, making the accused go through so much mental anguish, perhaps with the family of the accused also suffering mental anguish and worry, the case is withdrawn, because the Police discover they do not have sufficient evidence to go on. If they had made their investigations properly and thought out properly as to whether they had a case to proceed with or not, then they would have discovered that in those cases where charges are withdrawn, they should not have charged the persons in court in the first case.

Very often, Mr Speaker, Sir, charges are brought and prosecuting officers in Court discover that the evidence on which a person has been charged does not hold water and has to advise the Police to withdraw the charge. This, Mr Speaker, Sir, is just wasting time and wasting money.

Very often, Mr Speaker, Sir, when a case is brought up to Court and when the Police feel that they do not have a case, they nevertheless go on with the case, taking the attitude that, "Well, we leave it to the Court to decide". Mr Speaker, Sir, it is quite true that it is the function of the Court to either convict or to acquit an accused, but surely the Police also have a duty before they proceed with a case to discover whether the evidence on which they intend to proceed has some substance. It does not mean that in every case that the Police brings to Court, they must get a conviction. There are borderline cases. Where there is a *prima facie* case, they are entitled to go to Court but when they know very well there is no *prima facie* case, they should not have gone to Court. The case proceeds without the defence being called or half way through the prosecution case, the case is chucked out. Mr Speaker, Sir, this causes a lot of inconvenience and hardship to the people.

Very often, Mr Speaker, Sir, people are charged in Court, the date for hearing is fixed and when the date comes about, the Police ask for postponement of the cases because they have not completed their investigations. Surely the right thing that they should have done was not to have preferred a charge against the person, but to proceed with the investigation first, and then decide whether to prosecute or not, and not to prosecute and then ask for postponements in the Court because investigations have not been completed. This is nothing but abuse of Police power, Mr Speaker, Sir.

The end result of all this, Mr Speaker, Sir, is that whether the Police intend it or not, preferring charges against a lot of people become a mode of punishment in itself. If it is not, what then is it? People are charged, they suffer mental anguish, embarrassment and humiliation, when in fact, there is no case against them, and the Police, had they been properly advised, or investigated it properly should have discovered that there is no case. This, whether one likes it or not, becomes a punishment in itself. The charging of a person where there is no evidence whatsoever, or evidence that can hold no water, is a punishment in itself. It becomes a mode of punishment in itself.

I hope, Mr Speaker, Sir, that the Government would try to minimise this kind of cases as far as possible. I know it is not absolutely easy because the Police who are very often responsible for preferring charges are not properly trained. I, therefore, hope that the Government would give better training to the Police personnel in the field of law and not just the detection of crimes because in this particular field they can do a lot of harm without intending to, perhaps, very often.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat tentang Polis selalu membuat tuduhan (charges) dan kemudiannya ditarik balik adalah tidak benar semua sekali.

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menerangkan iaitu mengikut peraturan yang tertentu apabila seseorang yang dituduh ke mahkamah kerana melakukan sebarang jenayah, kertas siasatan Polis yang berkenaan diedarkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahnya. Di bawah kuasa Kanun Atorcara Jenayah (Criminal Procedure Code), Timbalan Pendakwa Raya boleh mengarahkan pihak Polis menjalankan pendakwaan ke atas tuduhan yang telah ditetapkan ataupun menarik balik tuduhan itu sekiranya tidak ada keterangan-keterangan yang membuktikan kesalahan yang dituduh itu. Pihak Polis sendiri tidak berkuasa menarik balik apa jua tuduhan (charges) yang dibawa ke mahkamah, melainkan dengan arahan ataupun persetujuan Timbalan Pendakwa Raya (Deputy Public Prosecutor). Mungkin ada sebilangan kecil kes-kes tertentu dalam mana tuduhan telah dibuat dan kemudiannya ditarik balik dengan sebab yang difikirkan oleh Timbalan Pendakwa Raya tidak cukup bukti.

Berkenaan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat tentang kes-kes yang selalu ditangguhkan oleh sebab pihak Polis belum lagi menyelesaikan penyiasatan itu tidaklah benar, oleh sebab kebanyakan daripada kes-kes yang dibawa ke mahkamah tuduhan-tuduhan (charges) tidak dibuat sehingga

telah selesai penyiasatan polis. Oleh yang demikian, seseorang itu tidak pernah dituduhkan dalam mahkamah, melainkan jika ada keterangan yang cukup untuk menyokong sesuatu kes *prima facie* terhadapnya. Lagi pula mahkamah sentiasa melihat supaya orang-orang yang dituduh itu dicepat bicarakan dan kalau ada permohonan daripada pihak pendakwa untuk menangguhkan kes itu, maka mahkamah tidak akan memberi tempoh lanjutan kecuali ada sebab-sebab yang sangat-sangat menasabah.

Berhubung dengan kritik Ahli Yang Berhormat berkenaan Polis membawa sesuatu tuduhan ke mahkamah dengan tiada bukti-bukti yang lengkap, sebenarnya tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh pihak Polis adalah bergantung kepada laporan atau pun aduan-aduan yang diterima daripada mangsa-mangsa jenayah. Pihak Polis tidak pernah membuat tuduhan terhadap seseorang tanpa arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya dan sebagaimana saya telah terangkan sekejap tadi, Timbalan Pendakwa Raya tidak akan mengarahkan supaya seseorang itu didakwa di mahkamah, melainkan jika ada keterangan-keterangan yang cukup untuk menyokong sesuatu kes *prima facie* terhadapnya. Juga bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu sekiranya Polis dengan sengaja mengadakan satu tuduhan yang tak ada bukti-bukti maka orang yang kena tuduh itu boleh membawa dakwaan ke atas Kerajaan dan juga ke atas Polis sekiranya dianggap mereka dianiayakan.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat itu menganggap tuduhan yang dibuat oleh Polis ke atas seseorang sebagai satu hukuman secara persendirian ini sebenarnya tidak betul. Polis membuat tuduhan mengikut laporan yang diterima daripada mangsa-mangsa jenayah untuk disiasat. Tujuan-tujuan siasatan itu ialah untuk menentukan samada sesuatu pengaduan yang dibuat itu betul atau tidak. Kalau betul dan kalau ada keterangan-keterangan yang sah, maka Polis akan angkatkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapat arahan sama ada untuk diteruskan ataupun kes itu ditarik balik dan kalau ada keterangan-keterangan yang menasabah, maka Timbalan Pendakwa Raya akan mengarahkan supaya kes itu diteruskan.

Memandangkan kepada jawapan-jawapan yang sekejap ini, maka diharap Ahli Yang Berhormat berpuas hati bahawa tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar dan kurang berasas. Tidak ada wang orang ramai telah terbazir atau pun tidak ada apa-apa perkara yang menyebabkan kesusahan kepada orang awam sebagaimana yang dituduh itu kerana dalam kesalahan-kesalahan yang berat tindakan tidak akan diambil tanpa apa-apa arahan oleh Timbalan Pendakwa Raya selepas kajian yang teliti mengenai

keterangan-keterangan yang didapati dalam masa penyiasatan Polis. Itu sahaja jawapan saya, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di Pertua: Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 21hb Ogos, 1972.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.